



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

TAHUN 2017

PENGURUSAN AKTIVITI/KEWANGAN
JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI
PAHANG

SIRI 1



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

**PENGURUSAN AKTIVITI/KEWANGAN
JABATAN/AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN**

**NEGERI PAHANG
SIRI 1**

Jabatan Audit Negara Malaysia



KANDUNGAN

KANDUNGAN

vii KATA PENDAHULUAN

xi INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

3 JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI PAHANG

Pengurusan Skim Bantuan Am

21 MAJLIS PERBANDARAN KUANTAN

Pengurusan Hasil Papan Iklan

45 PERBADANAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PAHANG

Pengurusan Air Pahang Berhad

BAHAGIAN II

PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

79 PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN (INDEKS AKAUNTABILITI)

113 PENGAUDITAN MENGEJUT

125 PENUTUP



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2017 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 2016 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Persekutuan/Negeri. Pengauditan prestasi telah dijalankan selaras dengan Seksyen 6(d), Akta Audit 1957 serta berpanduan kepada piawaian pengauditan antarabangsa yang dikeluarkan oleh *International Organisation of Supreme Audit Institutions* (INTOSAI).

2. Laporan saya mengenai Pengurusan Aktiviti/Kewangan Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Pahang Bagi Tahun 2017 Siri 1 ini mengandungi dua (2) bahagian seperti berikut:

Bahagian I : Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri

Bahagian II : Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri


3. Laporan ini mengenai perkara yang telah diperhatikan hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan terhadap aktiviti di satu (1) Jabatan, satu (1) Agensi dan satu (1) Syarikat Kerajaan Negeri. Selain itu, dilaporkan juga hasil pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) yang dijalankan di 12 Jabatan/Agensi Negeri serta Pengauditan Mengejut di 15 Pusat Tanggungjawab (PTJ)/ Pusat Kos (PK) dan Jabatan/Agensi Negeri. Hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan dalam laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 26 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan.

4. *Auditor General's Dashboard* yang mula dilaksanakan pada 31 Mei 2013 memaparkan isu dan status terkini tindakan terhadap Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara. Mekanisme ini berjaya membantu Jabatan/Agensi Kerajaan untuk menyalurkan maklum balas dengan cepat dan pantas. Ini membuktikan komitmen dan keprihatinan

Kerajaan dalam menjelaskan kedudukan terkini isu Laporan Ketua Audit Negara serta menyalurkan status tindakan yang telah diambil kepada pihak awam.

5. Saya berharap laporan ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat seperti mana yang dihasratkan oleh Kerajaan.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/ Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD)

Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
12 Jun 2018



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I - AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI PAHANG

1. *Pengurusan Skim Bantuan Am*

- a. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang (JKMNP) ialah sebuah jabatan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tertakluk kepada Senarai III, Perkara 95B (1) (b) Perlembagaan Persekutuan. Pelaksanaan bantuan kebajikan adalah selaras dengan Senarai Bersama (*Concurrent List*) antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri yang termaktub dalam peruntukan Perlembagaan Persekutuan Malaysia di bawah Senarai III - Jadual Kesembilan Senarai Perundangan. Antara tanggungjawab utama JKMNP adalah untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat melalui perkhidmatan kebajikan dan pembangunan sosial serta perkongsian tanggungjawab melalui skim pemberian bantuan kebajikan. Antaranya ialah Program Bantuan Kewangan melalui Skim Bantuan Am (SBA) Negeri. Permohonan bantuan diterima secara langsung daripada klien di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) atau rujukan daripada JKMNP, orang awam, keluarga, penjaga atau agensi lain. Syarat-syarat kelayakan dan kadar bantuan adalah bergantung kepada dasar dan peruntukan Kerajaan Negeri masing-masing. Kadar semasa SBA Negeri Pahang adalah RM300 setiap bulan telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Pahang ke-13/2012. Bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017, JKMNP telah menerima peruntukan kewangan sejumlah RM51.44 juta dan sejumlah RM43.43 juta telah dibelanjakan. Sehingga bulan Disember 2017, penerima SBA di Negeri Pahang berjumlah 3,672 orang.
- b. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Ogos hingga November 2017 merumuskan perkara berikut:

i. **Prestasi Program**

Program SBA telah mencapai objektif dengan berkesan untuk membantu individu atau keluarga yang tidak berkemampuan dan telah mengurangkan kesulitan kewangan bagi memperoleh keperluan asas mereka. Bagi tempoh dari tahun 2015 hingga 2017 di bawah program SBA, sejumlah RM43.43 juta (84.4%) daripada jumlah peruntukan yang diterima sejumlah RM51.44 juta telah

diagihkan dan dibelanjakan kepada 11,801 penerima SBA. Namun begitu, JKMNP tidak menetapkan sasaran bilangan penerima bantuan dan unjuran prestasi perbelanjaan tahunan program SBA. Ini mengakibatkan JKMNP tidak dapat memaksimumkan bilangan penerima bantuan berdasarkan peruntukan kewangan yang diluluskan Kerajaan Negeri iaitu sebanyak 14,289 orang.

ii. **Pengurusan Program**

Pengurusan program SBA belum mencapai tahap kecekapan yang optimum kerana berlaku kelewatan bagi proses siasatan permohonan bantuan, kelulusan permohonan, agihan wang bantuan dan penamatan SBA mengakibatkan imej Kerajaan terjejas. Selain itu, kelewatan penamatan SBA menyebabkan lebih bayaran yang merugikan Kerajaan.

iii. Penemuan Audit utama yang perlu diberikan perhatian dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- sebanyak 93 (31%) daripada 300 sampel permohonan bantuan lewat disiasat dan 88 (29.3%) daripada 300 sampel permohonan lewat diluluskan di PKMD Kuantan dan Temerloh;
 - wang bantuan agihan secara tunai berjumlah RM99,300 (5.6%) daripada RM1.78 juta telah lewat diagihkan dan wang bantuan agihan melalui bank berjumlah RM6.45 juta melibatkan 29,485 (70.2%) daripada 42,206 bilangan bayaran lewat diagihkan;
 - sebanyak 235 (78.3%) daripada 300 agihan bantuan bagi kelulusan permohonan baru SBA di PKMD Kuantan dan Temerloh tidak diberikan pada bulan yang sama dengan permohonan diluluskan;
 - pulangan wang SBA yang tidak dapat diagihkan berjumlah RM118,500 melibatkan 395 kes lewat dikembalikan kepada Perbendaharaan Negeri;
 - bayaran bantuan kepada penerima meninggal dunia SBA lewat dihentikan menyebabkan lebih bayaran berjumlah RM49,800; dan
 - bayaran bantuan berjumlah RM3.94 juta tidak ditamatkan kepada penerima yang tidak memenuhi syarat kelayakan umur penerima SBA.
- c. Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang berkaitan skim bantuan pada masa hadapan dan Kerajaan mendapat *best value for money* atas perbelanjaan dilakukan, adalah disyorkan JKMNP untuk mengambil tindakan seperti berikut:

- i. meningkatkan kecekapan proses siasatan dan kelulusan permohonan SBA selaras Piagam Pelanggan yang ditetapkan bagi mempercepatkan bayaran kepada penerima bantuan SBA yang layak;
- ii. meningkatkan kecekapan proses agihan bayaran bantuan secara tunai dan melalui bank selaras Piagam Pelanggan yang ditetapkan; dan
- iii. memastikan penamatan segera bayaran bantuan kepada penerima SBA yang meninggal dunia dan tidak mematuhi syarat kelayakan.

MAJLIS PERBANDARAN KUANTAN

2. *Pengurusan Hasil Papan Iklan*

- a. Menurut Undang-undang Kecil Iklan Majlis Perbandaran Kuantan 1983 yang diwartakan pada 7 Julai 1983 mentafsirkan iklan adalah apa-apa pemberitahuan, isyarat atau penerbitan yang ditunjukkan atau didirikan bagi maksud memberitahu orang ramai akan sesuatu barang, keluaran, tempat atau peristiwa yang dipamerkan atas papan dinding, papan bumbung, dinding, pagar, bingkai, papan tanda atau tiang di atas mana-mana tanah, rumah, bangunan, struktur, jalan atau tempat tumpuan awam. Pemasangan papan iklan perlu mengambil kira aspek keselamatan dan keselesaan awam, kualiti persekitaran serta paparan imej bersesuaian pada kandungan iklan seperti ditetapkan dalam Garis Panduan Perancangan Papan Iklan Luar Tahun 2009 dan Garis Panduan dan Syarat-syarat Pemasangan Papan Iklan Luar Dalam Kawasan Majlis Perbandaran Kuantan yang dikeluarkan pada bulan Ogos 2008. Permohonan dan kelulusan papan iklan di Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) melibatkan tiga (3) bahagian iaitu Bahagian Pembangunan Lestari untuk kelulusan tapak, Bahagian Bangunan untuk kelulusan permit struktur dan Bahagian Pelesenan Visual untuk kelulusan lesen visual. Sehingga tahun 2017, Bahagian Pembangunan Lestari telah meluluskan sebanyak 815 tapak papan iklan manakala di Bahagian Bangunan pula telah meluluskan sebanyak 356 permit struktur papan iklan dan Bahagian Pelesenan telah meluluskan sebanyak 15,117 lesen visual papan iklan. Pada tahun 2017, kutipan hasil papan iklan telah menyumbang sebanyak 3.41% daripada keseluruhan hasil MPK.

- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2017 merumuskan perkara berikut:

i. Prestasi Aktiviti Pengurusan Hasil Papan Iklan

Prestasi keseluruhan kutipan hasil papan iklan di MPK bagi tempoh dari tahun 2015 hingga 2017 untuk kutipan sewa tapak, permit struktur dan lesen visual telah mencapai sasaran kutipan hasil papan iklan yang telah ditetapkan pada

setiap tahun. Bagi tempoh tersebut, sasaran kutipan hasil bagi papan iklan yang melibatkan sewaan tapak, permit struktur dan lesen visual adalah berjumlah RM15.04 juta.

ii. **Pengurusan Aktiviti**

Berdasarkan sampel yang dipilih mendapati pengurusan hasil papan iklan adalah kurang cekap. Bagaimanapun, tahap kecekapan terhadap pengurusan daftar papan iklan, tunggakan bayaran, penggunaan kadar bayaran, penyenggaraan serta pemantauan dan penguatkuasaan papan iklan masih boleh ditambah baik.

iii. Penemuan Audit utama yang perlu diberikan perhatian dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- tunggakan bayaran sewa tapak berjumlah RM645,544 dan permit struktur papan iklan berjumlah RM78,948 belum dijelaskan oleh pengiklan. Selain itu, penggunaan kadar bayaran papan iklan sempena Tahun Melawat Malaysia 2014 tidak diperakukan dan perubahan kadar bayaran permit struktur papan iklan tidak melalui pindaan undang-undang;
 - sebanyak sembilan (9) papan iklan dikenakan caj yang tidak mengikut bilangan paparan;
 - sebanyak 48 papan iklan yang didirikan tidak disenggara dengan baik;
 - sebanyak 39 papan iklan di sekitar bandar Kuantan dan sebanyak 73 papan iklan di sepanjang LPT1 didirikan tanpa kelulusan permit struktur serta lesen visual; dan
 - sebanyak 82 papan iklan tidak dilindungi dengan Insurans Tanggungan Awam, sebanyak 60 papan iklan tidak diperbaharui permit struktur, sebanyak 44 papan iklan tidak mematuhi syarat struktur dan sebanyak 47 papan iklan didirikan tanpa paparan visual serta tidak memaparkan mesej Kerajaan.
- c. Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan pengurusan hasil papan iklan di masa hadapan, adalah disyorkan supaya Majlis Perbandaran Kuantan mengambil tindakan penambahbaikan terhadap perkara seperti berikut:
- i. meningkatkan kawalan dalaman antara bahagian yang terlibat dalam pengurusan hasil papan iklan seperti menyediakan daftar permohonan dan kelulusan dengan lengkap dan kemas kini serta mengkaji semula proses kerja di MPK bagi permohonan dan kelulusan papan iklan di setiap bahagian;

- ii. mengadakan perancangan strategik yang lebih menyeluruh seperti mengeluarkan notis peringatan bayaran tunggakan dan notis memperbaharui sewa tapak dan permit struktur bagi memastikan hasil dapat dikutip dengan optimum supaya tunggakan hasil dapat dikurangkan;
- iii. menyemak semula undang-undang dan peraturan serta garis panduan yang diguna pakai supaya mengikut perkembangan semasa dan setiap perubahan yang berkaitan penggunaan kadar bayaran perlu melalui pindaan undang-undang yang ditetapkan; dan
- iv. memantapkan pemantauan dan penguatkuasaan secara tetap dan berkala terhadap pengiklan yang tidak mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

PERBADANAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PAHANG

3. *Pengurusan Air Pahang Berhad*

- a. Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP) ditubuhkan pada 6 Februari 2008 melalui pengkorporatan Jabatan Bekalan Air Pahang. PAIP merupakan syarikat berhad menurut syer dan dimiliki oleh Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang (PSK) dengan pegangan saham sebanyak 99.89% dan bakinya milik Kerajaan Negeri Pahang. Modal dibenarkan berjumlah RM250 juta dan modal berbayar berjumlah RM190.2 juta. Kegiatan Utama Syarikat ialah menjalankan aktiviti perkhidmatan pengurusan pembekalan air. Objektif PAIP adalah meningkatkan kecekapan operasi bekalan air, mematuhi program jaminan kualiti air bersih kebangsaan, membudayakan penyenggaraan pencegahan bagi keseluruhan sistem bekalan air, meningkatkan hasil, memenuhi kepuasan pelanggan dan *stakeholder*, mengukuhkan pengurusan kewangan, mengurangkan kadar air tidak berhasil (NRW), meningkatkan kompetensi personel serta memupuk budaya korporat di dalam organisasi.
- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober 2017 hingga Januari 2018 merumuskan perkara berikut

i. Kedudukan Kewangan

Kedudukan kewangan PAIP adalah kurang stabil di mana PAIP mencatatkan kerugian sebelum cukai bagi tiga (3) tahun kewangan berturut-turut masing-masing berjumlah RM114.55 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2015, RM108.22 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2016 dan RM103.00 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2017. Tahap kecairan aset semasa berbanding liabiliti semasa pada kadar 0.27:1 bagi tahun kewangan berakhir

31 Mac 2017 menunjukkan syarikat kurang berupaya memenuhi obligasi jangka pendek menggunakan sumber dalaman. Selain itu, pulangan atas aset juga kurang memuaskan kerana tiada pulangan atas aset bagi tempoh tiga (3) tahun kewangan berturut-turut.

ii. Pengurusan Aktiviti

- **Pengurusan Bekalan Air**

Secara keseluruhannya, pengurusan bekalan air telah diuruskan dengan kurang cekap di mana prestasi NRW PAIP tidak mencapai sasaran KPI yang ditetapkan bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2015 hingga 31 Mac 2017. Di samping itu juga, peratus pelanggaran parameter bagi Kekeruhan dan Aluminium melebihi tahap QAP KKM setiap tahun.

- **Pengurusan Pengebilan Air**

Secara keseluruhannya, pengurusan pengebilan air telah diuruskan dengan kurang cekap di mana tunggakan hasil air bagi kategori rumah tangga dan perdagangan meningkat setiap tahun.

iii. Amalan Tadbir Urus

Secara keseluruhannya amalan tadbir urus PAIP adalah kurang memuaskan kerana *Standard Operating Procedures* (SOP) tidak disediakan dengan lengkap berserta peraturan yang diguna pakai berkaitan urusan dan operasi syarikat serta tidak diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah kecuali Bahagian Kewangan. Selain itu, Rancangan Korporat dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) tidak dibentangkan dan diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah.

iv. Penemuan Audit utama yang perlu diberikan perhatian dan tindakan oleh PAIP adalah seperti berikut:

- Kadar Air Tidak Berhasil (NRW) yang tinggi;
- tunggakan hasil air yang tinggi setiap tahun;
- SOP tidak disediakan dengan lengkap dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah kecuali bagi Bahagian Kewangan; dan
- Rancangan Korporat dan KPI tidak dibentangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

- c. Bagi memastikan objektif penubuhan PAIP dapat dicapai sepenuhnya, adalah disyorkan Lembaga Pengarah serta pengurusan PAIP mengambil langkah yang proaktif dan berkesan bagi menangani kelemahan yang dibangkitkan seperti berikut:
 - i. menetapkan sasaran tahunan penggantian paip lama dan meter rosak bagi mengurangkan NRW secara berterusan;
 - ii. mengurangkan kos pengeluaran untuk mengatasi masalah kadar tarif minimum air;
 - iii. mengambil langkah proaktif bagi mengutip semula tunggakan air yang tinggi dan mengurangkan pengeluaran bil secara anggaran dan purata; dan
 - iv. menambah baik amalan tadbir urus seperti memastikan SOP semua Bahagian serta Rancangan Korporat dan KPI dibentangkan dan diluluskan Ahli Lembaga Pengarah.

BAHAGIAN II - PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

4. *Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti)*

- a. Pada tahun 2017, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan pengurusan kewangan (Indeks Akauntabiliti) di 12 Jabatan/Agensi Negeri untuk menilai sama ada pengurusan kewangan telah mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan. Pengauditan ini telah ditambah baik menggunakan pendekatan baru iaitu berasaskan risiko dan impak. Pelaporan hanya dibuat berdasarkan prestasi pengurusan kewangan tahun 2017 sahaja tanpa perbandingan dengan prestasi tahun sebelum. Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan bagi tahun kewangan 2017 menunjukkan lima (5) Jabatan/Agensi berada pada tahap Cemerlang, lima (5) Jabatan/Agensi berada pada tahap Baik dan dua (2) Jabatan/Agensi berada pada tahap Memuaskan.
- b. Jabatan/Agensi masih perlu meningkat dan memantapkan lagi kawalan dalaman pengurusan kewangan agar isu yang dibangkitkan tidak berulang serta mengurangkan risiko ketidakpatuhan yang lebih serius. Sehubungan itu, Jabatan/Agensi hendaklah mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:
 - i. memastikan pengetahuan dan kemahiran pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan dipertingkatkan dengan memberi latihan sewajarnya secara berterusan. Selain itu, penilaian ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai berkenaan hendaklah dilakukan dari semasa ke semasa;
 - ii. pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara juga berlaku di

Bahagian lain memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan sampel dan skop yang terhad;

- iii. memastikan isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam diambil tindakan pembetulan dan pencegahan;
- iv. Ketua Jabatan mengambil tindakan sewajarnya terhadap pegawai yang telah dipastikan melakukan ketidakpatuhan serius sehingga menyebabkan kerugian kepada Kerajaan dan menjejaskan imej Kerajaan;
- v. berusaha mewujudkan budaya kerja berasaskan amalan terbaik untuk mengekalkan kecemerlangan tahap prestasi pengurusan kewangan. Buku Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Daripada Perspektif Jabatan Audit Negara Edisi Kedua boleh dijadikan rujukan;
- vi. menjalankan penyeliaan yang lebih rapi terhadap kerja yang dilaksanakan oleh pegawai bawahan yang terlibat dalam pengurusan kewangan untuk memastikan peraturan Kerajaan yang ditetapkan sentiasa dipatuhi serta penglibatan secara *hands on* dalam urusan tersebut; dan
- vii. melaksanakan pusingan tugas setiap lima (5) tahun terhadap pegawai yang diberi tanggungjawab kewangan terutamanya pengurusan terimaan, perolehan serta perbelanjaan untuk memastikan tiada ruang dan peluang untuk pegawai melakukan ketidakpatuhan yang serius.
- viii. **pihak Audit ingin memaklumkan bahawa pengauditan Pengurusan Kewangan (AI) ini dilakukan berdasarkan sampel dan pihak Jabatan/ Agensi adalah bertanggungjawab terhadap tadbir urus dan kawalan dalaman organisasi. Oleh itu, tindakan penambahbaikan tidak hanya dilakukan terhadap penemuan Audit sahaja tetapi perhatian seluruhnya diberi kepada sistem, prosedur dan kawalan dalaman yang berkaitan bagi mengelakkan risiko berlakunya fraud dan salah laku.**

5. Pengauditan Mengejut

- a. Pengauditan Mengejut di 15 PTJ/PK dan Jabatan/Agensi yang diaudit pada tahun 2017 adalah Baik berdasarkan kepada bilangan pematuhan dalam kriteria bagi tiga (3) kawalan yang diaudit iaitu kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan dan kawalan umum. Ketua PTJ/PK dan Jabatan/Agensi yang berkenaan telah dimaklumkan mengenai perkara yang dibangkitkan dan tindakan penambahbaikan telah diambil seperti meningkatkan kawalan dalaman serta memastikan peraturan kewangan yang berkuat kuasa dipatuhi.

- b. Bagaimanapun, terdapat beberapa isu yang perlu diberi perhatian serius bagi meningkatkan dan memantapkan kawalan pengurusan kewangan di PTJ/PK dan Jabatan/Agensi agar isu yang dibangkitkan tidak berulang dan mengurangkan risiko ketidakpatuhan pada masa akan datang. Sehubungan itu, semua PTJ/PK dan Jabatan/Agensi hendaklah mengambil tindakan sewajarnya seperti berikut:
- i. semua daftar dan rekod kewangan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini;
 - ii. perkara yang dibangkitkan diambil tindakan pembetulan dan pencegahan dengan segera;
 - iii. mempertingkatkan seliaan terhadap kerja yang dilakukan oleh pegawai bawahan;
 - iv. memberi latihan secara berterusan kepada pegawai yang terlibat secara langsung dalam urusan kewangan;
 - v. mengenakan tindakan punitif terhadap pegawai yang gagal melaksanakan tugas mengikut peraturan ditetapkan;
 - vi. surat penurunan kuasa diberi kepada pegawai yang memegang kunci dan nombor kombinasi peti besi selaras dengan AP 125; dan
 - vii. pemeriksaan mengejut diadakan mengikut kekerapan yang ditetapkan dan merekodkan hasil pemeriksaan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut selaras dengan AP 309.



BAHAGIAN I

**AKTIVITI JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI**

1. PENGURUSAN SKIM BANTUAN AM

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang (JKMNP) ialah sebuah jabatan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tertakluk kepada Senarai III, Perkara 95B (1) (b) Perlembagaan Persekutuan. Pelaksanaan bantuan kebajikan adalah selaras dengan Senarai Bersama (*Concurrent List*) antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri yang termaktub dalam peruntukan Perlembagaan Persekutuan Malaysia di bawah Senarai III - Jadual Kesembilan Senarai Perundangan.

1.1.2. Antara tanggungjawab utama JKMNP adalah untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat melalui perkhidmatan kebajikan dan pembangunan sosial serta perkongsian tanggungjawab melalui skim pemberian bantuan kebajikan antaranya ialah Program Bantuan Kewangan. Pemberian bantuan am melalui Skim Bantuan Am (SBA) Negeri bertujuan membantu individu atau keluarga yang tidak berkemampuan dan memerlukan bantuan supaya mereka dapat mengurangkan kesulitan kewangan serta memperoleh keperluan asas bagi menjamin kelangsungan hidup. Bantuan yang diberikan adalah untuk tempoh sementara sehingga mereka dapat hidup berdikari. Unit Kebajikan Produktif di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) bagi 11 daerah di Negeri Pahang bertanggungjawab untuk menguruskan bantuan kebajikan melibatkan tiga (3) proses kerja utama iaitu proses siasatan dan kelulusan permohonan; agihan pembayaran bantuan; serta kajian semula kes.

1.1.3. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah membangunkan satu Sistem Pengurusan Bantuan Kewangan v.2.0 atau dikenali sebagai Sistem e-Bantuan untuk memudahkan kerja pendaftaran permohonan bantuan kewangan, penyiasatan permohonan, kelulusan permohonan, pemprosesan pembayaran, penjanaan surat dan laporan. Terdapat juga sistem lain yang diguna pakai oleh JKMNP dan PKMD iaitu Sistem BS*Nebiz Gateway* dan Sistem *myIDENTITY*. Sistem BS*Nebiz Gateway* pula digunakan bagi proses pembayaran wang bantuan melalui bank. Sistem ini dimiliki oleh Bank Simpanan Nasional (BSN) dan diuruskan sepenuhnya oleh pihak bank. Semua PKMD telah diberikan kemudahan sistem ini oleh pihak BSN bagi memudahkan urusan pembayaran kepada penerima bantuan bermula pada bulan Mei 2017. Manakala, Sistem *myIDENTITY* disediakan oleh Kerajaan bagi memudahkan warga Malaysia dan pemastautin tetap berurusan dengan Kerajaan

tanpa perlu memberi maklumat asas peribadi berulang kali. Pada tahun 2015, sistem ini telah diperluaskan daripada empat (4) kepada 10 agensi Kerajaan di seluruh negara termasuk JKM. Sistem ini digunakan di JKM bagi menyemak maklumat asas peribadi pemohon dan diintegrasikan dengan Sistem e-Bantuan bermula tahun 2016.

1.1.4. Permohonan bantuan diterima secara langsung daripada klien di PKMD atau rujukan daripada JKMNP, orang awam, keluarga, penjaga atau agensi lain. Syarat-syarat kelayakan dan kadar bantuan adalah bergantung kepada dasar dan peruntukan Kerajaan Negeri masing-masing. Kadar semasa SBA Negeri Pahang adalah RM300 setiap bulan telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Pahang ke-13/2012. Bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017, JKMNP telah menerima peruntukan kewangan sejumlah RM51.44 juta dan sejumlah RM43.43 juta telah dibelanjakan. Sehingga bulan Disember 2017, penerima SBA di Negeri Pahang berjumlah 3,672 orang.

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan ini adalah untuk menilai sama ada pengurusan Skim Bantuan Am telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan selaras dengan objektif yang ditetapkan.

1.3 SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi dua (2) aspek utama iaitu prestasi program dan pengurusan program SBA bagi tempoh dari tahun 2015 hingga 2017. Prestasi program SBA dinilai berdasarkan pencapaian agihan bantuan dan prestasi pencapaian kewangan. Manakala pengurusan program SBA pula dinilai berdasarkan pelaksanaan empat (4) aktiviti iaitu proses siasatan dan kelulusan permohonan, kajian semula kes, agihan bantuan serta penamatan bantuan. Sebanyak 300 (8.2%) daripada 3,672 fail individu penerima bantuan di Negeri Pahang pada tahun 2017 telah dipilih sebagai sampel yang melibatkan Daerah Kuantan dan Temerloh untuk menentukan prosedur siasatan dan kelulusan permohonan, pengurusan kajian semula kes dan pengurusan penamatan bantuan dipatuhi serta mengesahkan status kewujudan penerima bantuan. Pengauditan juga melibatkan Ibu Pejabat (JKMNP). Bagi mengesahkan status kewujudan penerima bantuan, 300 sampel dipilih dan disemak berdasarkan fail individu dan penyata bayaran. Selain itu, 156 sampel penerima bantuan yang telah meninggal dunia daripada Sistem e-Bantuan telah disemak untuk menentukan sama ada bayaran bantuan masih diteruskan. Pemilihan PKMD adalah berdasarkan bilangan penerima dan nilai tertinggi SBA yang diagihkan. Sejumlah RM11.83 juta (27.2%) daripada RM43.43 juta melibatkan 220 baucar bayaran telah dipilih untuk menentukan prosedur agihan wang bantuan dipatuhi. Baucar bayaran tersebut meliputi 88 baucar bayaran

agihan secara tunai dan 132 baucar bayaran agihan melalui bank. Kesemua 200 penyata pemungut berjumlah RM126,000 telah disemak bagi menilai prosedur pulangan wang bantuan SBA yang tidak diagihkan kepada Perbendaharaan Negeri.

1.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak dan mengkaji maklumat berdasarkan rekod, fail, data dalam Sistem Pengurusan Bantuan Kebajikan v.2.0 atau Sistem e-Bantuan dan dokumen yang berkaitan pengurusan program SBA daripada proses permohonan hingga pembayaran. Lawatan Audit ke rumah 50 penerima bantuan telah dibuat. Perbincangan dan temu bual turut diadakan dengan pegawai yang terlibat bagi mendapatkan maklumat tambahan.

1.5. RUMUSAN AUDIT

1.5.1. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Ogos hingga November 2017 merumuskan perkara berikut:

a. Prestasi Program

Program SBA telah mencapai objektif dengan berkesan untuk membantu individu atau keluarga yang tidak berkemampuan dan telah mengurangkan kesulitan kewangan bagi memperoleh keperluan asas mereka. Bagi tempoh dari tahun 2015 hingga 2017 di bawah program SBA, sejumlah RM43.43 juta (84.4%) daripada jumlah peruntukan yang diterima sejumlah RM51.44 juta telah diagihkan dan dibelanjakan kepada 11,801 penerima SBA. Namun begitu, JKMNP tidak menetapkan sasaran bilangan penerima bantuan dan unjuran prestasi perbelanjaan tahunan program SBA. Ini mengakibatkan JKMNP tidak dapat memaksimumkan bilangan penerima bantuan berdasarkan peruntukan kewangan yang diluluskan Kerajaan Negeri iaitu sebanyak 14,289 orang.

b. Pengurusan Program

Pengurusan program SBA belum mencapai tahap kecekapan yang optimum kerana berlaku kelewatan bagi proses siasatan permohonan bantuan, kelulusan permohonan, agihan wang bantuan dan penamatan SBA mengakibatkan imej Kerajaan terjejas. Selain itu, kelewatan penamatan SBA menyebabkan lebihan bayaran yang merugikan Kerajaan.

1.5.2. Penemuan Audit utama yang perlu diberikan perhatian dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- i. sebanyak 93 (31%) daripada 300 sampel permohonan bantuan lewat disiasat dan 88 (29.3%) daripada 300 sampel permohonan lewat diluluskan di PKMD Kuantan dan Temerloh;
- ii. wang bantuan agihan secara tunai berjumlah RM99,300 (5.6%) daripada RM1.78 juta telah lewat diagihkan dan wang bantuan agihan melalui bank berjumlah RM6.45 juta melibatkan 29,485 (70.2%) daripada 42,206 bilangan bayaran lewat diagihkan;
- iii. sebanyak 235 (78.3%) daripada 300 agihan bantuan bagi kelulusan permohonan baru SBA di PKMD Kuantan dan Temerloh tidak diberikan pada bulan yang sama dengan permohonan diluluskan;
- iv. pulangan wang SBA yang tidak dapat diagihkan berjumlah RM118,500 melibatkan 395 kes lewat dikembalikan kepada Perbendaharaan Negeri;
- v. bayaran bantuan kepada penerima meninggal dunia SBA lewat dihentikan menyebabkan lebihan bayaran berjumlah RM49,800; dan
- vi. bayaran bantuan berjumlah RM3.94 juta tidak ditamatkan kepada penerima yang tidak memenuhi syarat kelayakan umur penerima SBA.

1.6. PENEMUAN AUDIT TERPERINCI

Perkara yang ditemui dan maklum balas JKMNP telah dibincangkan dalam *exit conference* pada 19 Disember 2017. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti perenggan berikut:

1.6.1. Prestasi Pencapaian Program

1.6.1.1. Prestasi Pencapaian Agihan Bantuan

- a. JKMNP tidak menetapkan sasaran bilangan penerima SBA yang diluluskan setiap tahun sebagai sasaran jabatan. Semua permohonan bantuan telah dipertimbangkan berdasarkan kemampuan kewangan yang telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri.
- b. Analisis Audit terhadap peruntukan kewangan yang diterima JKMNP berjumlah RM51.44 juta (dari tahun 2015 hingga 2017), didapati pihak JKMNP mampu mengagihkan SBA kepada 14,289 penerima bantuan (4,300 orang hingga 5,689 orang penerima dalam setahun) berdasarkan kepada kadar SBA RM3,600 setahun bagi setiap penerima. Bagaimanapun, jumlah sebenar bantuan yang diagihkan hanya 11,801 orang (3,672 hingga 4,168 orang penerima sahaja) iaitu perbezaan sebanyak 2,488 orang. JKMNP

telah meluluskan penerima SBA sebanyak 82.6% daripada sasaran bilangan yang mampu diagihkan. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 1.1
ANGGARAN SASARAN PENERIMA
SKIM BANTUAN AM BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA 2017

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta) (a)	KADAR BANTUAN SETAHUN (RM) (b)	ANGGARAN BILANGAN PENERIMA BANTUAN (a)/(b)	BILANGAN SEBENAR PENERIMA BANTUAN	PENCAPAIAN (%)
2015	20.48	3,600	5,689	4,168	73.3
2016	15.48	3,600	4,300	3,961	92.1
2017	15.48	3,600	4,300	3,672	85.4
JUMLAH	51.44		14,289	11,801	82.6

Sumber: Sistem e-Bantuan

Maklum Balas JKMNP yang Diterima pada 15 Januari 2018

JKMNP memaklumkan sebelum tahun 2018, sasaran bilangan penerima SBA tidak ditetapkan. Selepas teguran Audit, JKMNP telah menetapkan sasaran prestasi perbelanjaan sebanyak 85%.

Pada pendapat Audit, agihan SBA kepada penerima bantuan sebanyak 11,801 orang tidak mencapai bilangan yang optimum iaitu sebanyak 14,289 orang berdasarkan kemampuan kewangan sedia ada disebabkan sasaran bilangan penerima bantuan tidak ditetapkan oleh JKMNP.

1.6.1.2. Prestasi Pencapaian Kewangan

- a. Bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017 di bawah program SBA, sejumlah RM51.44 juta peruntukan telah diluluskan daripada Kerajaan Negeri kepada JKMNP. Peruntukan ini seterusnya diagihkan kepada PKMD bagi tujuan pembayaran kepada penerima bantuan di daerah. Sehingga bulan Disember 2017, sejumlah RM43.43 juta (84.4%) daripada jumlah peruntukan yang diterima telah diagihkan dan dibelanjakan termasuk bayaran tunggakan. Analisis Audit mendapati peningkatan 16.8% agihan bagi tahun 2016 berbanding tahun 2015. Manakala bagi tahun 2017 berlaku penurunan 3.7% berbanding tahun sebelum. Prestasi perbelanjaan SBA berbanding peruntukan kewangan bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 1.2
PRESTASI AGIHAN BANTUAN AM
BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA 2017

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	AGIHAN (RM Juta)	PERATUS PERBELANJAAN BERBANDING PERUNTUKAN (%)
2015	20.48	15.45	75.4
2016	15.48	14.28	92.2
2017	15.48	13.70	88.5
JUMLAH	51.44	43.43	84.4

Sumber: JKMNP

Maklum Balas JKMNP yang Diterima pada 15 Januari 2018

JKMNP memaklumkan bahawa unjuran dan prestasi perbelanjaan sebanyak 85% bagi program SBA telah ditetapkan mulai tahun 2018.

Pada pendapat Audit, JKMNP perlu menetapkan unjuran dan prestasi perbelanjaan SBA yang optimum iaitu melebihi 90% agar dapat memaksimumkan bilangan penerima bantuan pada setiap tahun.

1.6.2. Pengurusan Program SBA

Pengurusan program dinilai berdasarkan empat (4) perkara iaitu pengurusan siasatan dan kelulusan permohonan, kajian semula kes penerima SBA, agihan bayaran SBA serta penamatan SBA. Aspek kajian semula kes penerima SBA telah diuruskan dengan cekap dan teratur. Bagaimanapun, tahap kecekapan bagi tiga (3) perkara masih perlu dipertingkatkan dengan memberi tumpuan kepada berikut:

1.6.2.1. Proses Siasatan dan Kelulusan Permohonan

- a. Piagam Pelanggan JKM menetapkan semua permohonan akan siap disiasat dalam tempoh dua (2) minggu daripada tarikh permohonan lengkap diterima. Permohonan hendaklah diluluskan dan dimaklumkan kepada pemohon dalam tempoh dua (2) minggu daripada tarikh siasatan dijalankan atau dalam masa satu bulan daripada tarikh permohonan. Bagi memastikan SBA diberi kepada penerima yang layak, pegawai di PKMD akan menjalankan siasatan untuk menyiasat secara terperinci setiap aspek kriteria yang ditetapkan seperti taraf kewarganegaraan, umur, pendapatan seisi rumah dan bilangan tanggungan. Selain itu, aspek kesihatan atau kecacatan, keadaan dan tempat kediaman pemohon serta persekitaran juga diberi perhatian.
- b. Semakan Audit terhadap fail permohonan yang telah diluluskan bagi tempoh dari tahun 2015 hingga 2017 di PKMD Kuantan dan Temerloh mendapati

93 (31%) daripada 300 sampel telah mengambil masa melebihi dua (2) minggu untuk siasatan dijalankan. Sebanyak 38 dan 11 permohonan SBA yang masing-masing di PKMD Kuantan dan Temerloh lewat disiasat dengan tempoh kelewatan antara satu hingga 14 hari. Maklumat lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 1.3
BILANGAN PERMOHONAN BANTUAN SBA YANG LEWAT DISIASAT

PKMD	BILANGAN FAIL KES YANG DISEMAK	BILANGAN FAIL KES MEMATUHI PIAGAM	BILANGAN KES LEWAT DISIASAT	TEMPOH KELEWATAN SIASATAN (Hari/Bilangan)				PERATUS BILANGAN KES LEWAT DISIASAT (%)
				1 - 14	15 - 30	31 - 46	> 46	
Kuantan	150	74	76	38	17	16	5	50.7
Temerloh	150	133	17	11	4	1	1	11.3
JUMLAH	300	207	93	49	21	17	6	31

Sumber: PKMD Kuantan dan Temerloh

- c. Semakan Audit selanjutnya mendapati sebanyak 212 (70.7%) permohonan daripada 300 sampel fail kes yang diluluskan berjaya diproses dalam tempoh 30 hari daripada tarikh permohonan diterima. Hanya 88 (29.3%) daripada 300 sampel fail kes permohonan diluluskan melebihi 30 hari. Maklumat lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 1.4
BILANGAN PERMOHONAN BANTUAN SBA YANG LEWAT DILULUSKAN

PKMD	BILANGAN SAMPEL FAIL KES YANG DISEMAK	BILANGAN SAMPEL FAIL KES MEMATUHI PIAGAM	JUMLAH KES YANG LEWAT	TEMPOH KELEWATAN KELULUSAN PERMOHONAN (Hari/Bilangan)				PERATUS BILANGAN KES LEWAT DILULUS (%)
				1 - 30	31 - 60	61 - 90	> 91	
Kuantan	150	81	69	51	14	1	3	46.0
Temerloh	150	131	19	15	2	2	0	12.7
JUMLAH	300	212	88	66	16	3	3	29.3

Sumber: PKMD Kuantan dan Temerloh

- d. Sebanyak 51 dan 15 permohonan bantuan yang masing-masing di PKMD Kuantan dan Temerloh lewat diluluskan dengan tempoh kelewatan antara satu hingga 30 hari.
- e. Berdasarkan temu bual dengan pegawai dan kakitangan PKMD Kuantan dan Temerloh, antara sebab siasatan lewat dijalankan dan permohonan lewat diluluskan adalah kerana Pegawai Kebajikan Masyarakat yang bertanggungjawab terpaksa membuat lawatan berulang kali disebabkan pemohon tiada di rumah semasa lawatan dibuat serta dokumen sokongan yang dikehendaki lewat dikemukakan oleh pemohon sedangkan permohonan telah didaftar dalam Sistem e-Bantuan.

- f. Pihak Audit juga mendapati faktor kekurangan kakitangan turut menyumbang pada tempoh masa yang panjang bagi menjalankan siasatan. Selain itu, Pegawai yang bertanggungjawab di PKMD turut dibebani dengan siasatan kes Persekutuan, melaksanakan aktiviti di peringkat jabatan dan daerah serta tugasan pengurusan bencana alam. Analisis Audit mendapati nisbah bilangan pegawai kes berbanding bilangan kes yang disiasat di PKMD Kuantan ialah 1:574, 1:567 dan 1:559 pada tahun 2015, 2016 dan 2017. Manakala nisbah bilangan pegawai kes berbanding bilangan kes yang disiasat di PKMD Temerloh bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017 ialah 1:236, 1:222 dan 1:231. Maklumat lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 1.5
NISBAH BILANGAN PEGAWAI KES BERBANDING
BILANGAN KES DISIASAT BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA 2017

PKMD	2015 (Bil. Kes)	2016 (Bil. Kes)	2017 (Bil. Kes)
Kuantan	1: 574	1: 567	1: 559
Temerloh	1: 236	1: 222	1: 231

Sumber: JKMNP

Maklum Balas JKMNP yang Diterima pada 15 Januari 2018

JKMNP memaklumkan bahawa kerjasama dan rujukan kepada pemimpin tempatan (Penghulu/Pengerusi JKKK) dan agensi-agensi lain seperti Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Kesihatan Daerah, PERKESO, KWSP, Pusat Kutipan Zakat serta LHDN (BR1M) telah diadakan bagi mengenal pasti pemohon dan mempercepatkan proses penyediaan dokumen yang diperlukan.

Pada pendapat Audit, kelewatan proses siasatan dan kelulusan permohonan mengakibatkan ketetapan Piagam Pelanggan JKM tidak dapat dipatuhi serta penerima bantuan lewat menerima wang bantuan dan berdepan kesukaran untuk meneruskan kehidupan.

1.6.2.2. Agihan Bayaran SBA Secara Tunai dan Bank

- a. Prosedur Kualiti JKM Utama No. 17 bertarikh 1 Jun 2008 menetapkan pengagihan bantuan wang tunai mesti disempurnakan dalam tempoh 21 hari daripada tarikh cek diterima.
- b. Semakan Audit terhadap 88 sampel baucar bayaran tunai di JKMNP berjumlah RM1.78 juta bagi tempoh dari tahun 2015 hingga bulan Jun 2017 mendapati wang tunai bantuan berjumlah RM99,300 (5.6%) melibatkan

331 orang penerima telah lewat diagihkan. Sebanyak 57 dan 58 baucar bayaran pada tahun 2015 dan 2016 lewat diagihkan dengan tempoh kelewatan antara 12 hingga 17 hari. Maklumat lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 1.6
WANG SBA SECARA TUNAI LEWAT DIAGIHKAN
KEPADA PENERIMA BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA BULAN JUN 2017

TAHUN	BILANGAN PENERIMA LEWAT TERIMA BANTUAN	JUMLAH BANTUAN LEWAT DIAGIHKAN/ DIBANKKAN (RM)	TEMPOH KELEWATAN BANTUAN DIAGIHKAN/DIBANKKAN (Hari/Bilangan)			
			1 - 5	6 - 11	12 - 17	18 - 23
2015	151	45,300	24	68	57	2
2016	166	49,800	29	2	58	77
Jun 2017	14	4,200	-	14	-	-
JUMLAH	331	99,300	53	84	115	79

Sumber: JKMNP

- c. Berdasarkan penjelasan pegawai di JKMNP, kelewatan mengagihkan wang bantuan secara tunai disebabkan kesukaran mengesan penerima bantuan kerana tidak ditetapkan supaya mengemas kini maklumat seperti alamat semasa membuat permohonan bantuan dan klien pula tidak hadir ke pejabat untuk menuntut bayaran bantuan.
- d. Surat Edaran Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menetapkan mulai 1 September 2009, pembayaran bantuan hendaklah dibuat pada satu hari bulan setiap bulan. Bagi memastikan tarikh pembayaran tersebut dapat dicapai, JKM melalui Surat Pekeliling Bil. 4 Tahun 2008 bertarikh 11 Julai 2008 menjelaskan tarikh penyediaan baucar bayaran hendaklah dibuat sebelum atau pada 17 haribulan setiap bulan bagi memastikan penerimaan cek pada 25 haribulan pada bulan berikutnya.
- e. Semakan Audit terhadap 132 baucar bayaran di JKMNP bagi tempoh dari tahun 2015 hingga bulan Mei 2017 mendapati wang bantuan berjumlah RM6.45 juta melibatkan 29,485 (70.2%) daripada 42,026 bilangan bayaran lewat dibankkan. Tempoh kelewatan bantuan dibankkan yang paling banyak adalah antara enam (6) hingga 11 hari melibatkan 42 baucar bayaran. Maklumat lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 1.7
WANG SBA LEWAT DIAGIHKAN/DIBANKKAN
KEPADA PENERIMA BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA BULAN MEI 2017

TAHUN	BILANGAN PENERIMA LEWAT TERIMA BANTUAN	JUMLAH BANTUAN LEWAT DIAGIHKAN/DIBANKKAN (RM Juta)	TEMPOH KELEWATAN BANTUAN DIAGIHKAN/DIBANKKAN (Hari/Bilangan)				
			1 - 5	6 - 11	12 - 17	18 - 23	> 24
2015	12,230	3.67	8	15	5	5	2
2016	4,613	1.38	1	9	5	0	0
Mei 2017	12,642	1.40	8	18	18	0	0
JUMLAH	29,485	6.45	17	42	28	5	2

Sumber: JKMNP

- f. Semakan Audit selanjutnya terhadap proses memuat naik maklumat penerima SBA ke Sistem BS*Nebiz Gateway* bagi membolehkan bank mengagihkan bayaran kepada penerima mendapati PKMD Kuantan dan Temerloh mengambil masa melebihi lima (5) hari. Berdasarkan semakan terhadap 66 baucar bayaran berjumlah RM12.54 juta bagi tempoh dari tahun 2015 hingga bulan September 2017 di PKMD Kuantan dan Temerloh mendapati hanya 27 (40.9%) baucar bayaran berjumlah RM5.24 juta mengambil masa kurang atau lima (5) hari untuk memuat naik maklumat penerima Bantuan Am ke Sistem BS*Nebiz Gateway* daripada tarikh *Electronic Fund Transfer* adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 1.8
TEMPOH MASA MEMUATNAIK MAKLUMAT PENERIMA SBA KE SISTEM BS*Nebiz*
GATEWAY BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA BULAN SEPTEMBER 2017

PKMD	TEMPOH MASA DARI TARIKH <i>ELECTRONIC TRANSFER FUND</i> (Hari)					TIADA MAKLUMAT	JUMLAH SAMPEL
	0 - 5	6 - 11	12 - 17	18 - 23	> 23		
Kuantan	14	11	3	1	1	3	33
Temerloh	13	13	5	-	2	-	33
JUMLAH	27	24	8	1	3	3	66

Sumber: PKMD Kuantan dan Temerloh

- g. Kelewatan penyediaan baucar bayaran oleh PKMD dan kelewatan PKMD memuat naik maklumat penerima SBA ke Sistem BS*Nebiz Gateway* menyebabkan pembayaran SBA tidak dapat dilaksanakan pada satu haribulan setiap bulan. Berdasarkan penjelasan pegawai JKMNP, kelewatan ini juga disebabkan terdapat baucar bayaran yang dikuiiri kerana data-data penerima bantuan seperti nombor kad pengenalan dan nombor akaun bank tidak lengkap.

Maklum Balas JKMNP yang Diterima pada 15 Januari 2018

JKMNP memaklumkan bahawa bantuan secara tunai di PKMD Kuantan telah ditukarkan secara bank 99% mulai November 2017 dan 100% di PKMD Temerloh mulai bulan Julai 2017. JKMNP juga telah mengambil tindakan mengeluarkan surat peringatan kepada semua PKMD untuk menyediakan baucar bayaran sebelum atau pada 15 haribulan pada setiap bulan bagi pembayaran bulan berikutnya.

Pada pendapat Audit, kelewatan agihan bayaran SBA secara tunai dan bank menyebabkan penerima lewat menerima bantuan pada setiap bulan dan menghadapi kesukaran untuk meneruskan hidup.

1.6.2.3. Kelewatan Agihan Bayaran SBA Kepada Penerima Baru

- a. Panduan Pelaksanaan Penambahbaikan Pengurusan Bantuan Kebajikan bertarikh 11 Julai 2008 menjelaskan bayaran SBA baru hendaklah bermula pada bulan yang sama selepas permohonan bantuan diluluskan.
- b. Semakan Audit terhadap 300 fail permohonan baru SBA di PKMD Kuantan dan Temerloh mendapati 235 (78.3%) kes baru agihan bantuan tidak diberikan pada bulan yang sama dengan permohonan bantuan diluluskan. Tempoh kelewatan satu hingga dua (2) bulan merupakan kes paling banyak iaitu 70 dan 126 kes masing-masing di PKMD Kuantan dan Temerloh. Maklumat lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 1.9
KELEWATAN AGIHAN SBA KEPADA PENERIMA BARU**

PKMD	AGIHAN PADA BULAN BANTUAN DILULUSKAN	TEMPOH KELEWATAN AGIHAN BANTUAN BARU (Bulan)			JUMLAH PENERIMA	PERATUS KELEWATAN AGIHAN BANTUAN BARU (%)
		1 – 2	3 – 4	> 5		
Kuantan	56	70	24	-	150	62.7
Temerloh	9	126	10	5	150	94.0
JUMLAH	65	196	34	5	300	78.3

Sumber: Sistem e-Bantuan, PKMD Kuantan dan Temerloh

- c. Selain itu, terdapat satu kes penerima SBA di PKMD Kuantan tidak menerima wang bantuan bermula daripada tempoh kelulusan iaitu pada bulan April 2015 sehingga penerima meninggal dunia pada 21 Julai 2015 berjumlah RM1,200. Kelewatan agihan SBA kepada penerima baru yang meninggal dunia disebabkan oleh kecuaiannya pegawai kes yang gagal

memastikan fail kelulusan kes tersebut dihantar ke Unit Kewangan untuk proses pembayaran dan kurangnya pemantauan oleh pihak atasan.

- d. Pegawai di JKMNP memaklumkan bahawa Sistem e-Bantuan tidak membenarkan agihan bayaran dibuat pada bulan semasa menyebabkan kelewatan agihan kepada penerima baru.

Maklum Balas JKMNP yang Diterima pada 15 Januari 2018

PKMD Kuantan telah mengambil tindakan mengeluarkan surat peringatan kepada pegawai yang bertanggungjawab bertarikh 20 Disember 2017. JKMNP juga telah mengeluarkan surat edaran kepada semua PKMD bertarikh 10 Januari 2018 untuk mengambil tindakan bagi mengatasi kelewatan agihan bantuan.

Pada pendapat Audit, kelewatan agihan bantuan kepada 235 penerima baru menyebabkan penerima tersebut lewat menerima bantuan dan selepas permohonan SBA diluluskan.

1.6.2.4. Baki Wang Agihan SBA Lewat Dikembalikan Kepada Perbendaharaan Negeri

- a. Arahan Perbendaharaan 96 (c) menetapkan baki wang yang tidak dituntut dalam masa 21 hari hendaklah dipulangkan semula kepada Perbendaharaan dengan menyediakan penyata pemungut bagi amaun yang dipulangkan bersama baucar terlibat.
- b. Semakan Audit terhadap penyata pemungut bagi pulangan baki wang penerima SBA kepada Perbendaharaan Negeri berjumlah RM126,000 mendapati 184 (92%) daripada 200 sampel telah lewat disediakan oleh JKMNP. Semakan lanjut mendapati wang bantuan yang tidak dapat diagihkan sejumlah RM118,500 melibatkan 395 kes, lewat dikembalikan kepada Perbendaharaan Negeri. Maklumat lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 1.10
PULANGAN WANG BANTUAN LEWAT DIKEMBALIKAN KEPADA
PERBENDAHARAAN NEGERI BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA BULAN JUN 2017

TAHUN	JUMLAH WANG BANTUAN LEWAT DIPULANGKAN KE PERBENDAHARAAN (RM)	PENYATA PEMUNGUT DALAM TEMPOH (Bilangan)	PENYATA PEMUNGUT LEWAT (Bilangan)	TEMPOH MASA (Bulan/Bilangan)				
				1	2	3	4	> 5
2015	47,700	-	80	22	13	25	6	14
2016	54,900	6	75	19	22	16	10	8
Jun 2017	15,900	10	29	11	6	6	3	3
JUMLAH	118,500	16	184	52	41	47	19	25

Sumber: JKMNP

- c. Didapati hanya 16 (8%) penyata pemungut disediakan dalam tempoh yang ditetapkan. Selain itu, tempoh kelewatan pulangan wang bantuan dikembalikan kepada Perbendaharaan Negeri yang paling banyak adalah satu bulan melibatkan 52 (26%) penyata pemungut.
- d. Berdasarkan penjelasan pegawai di JKMNP, wang bantuan ini lewat dikembalikan kepada Perbendaharaan Negeri adalah kerana PKMD berusaha untuk mengagihkan wang bantuan walaupun telah melebihi tempoh simpanan wang tunai dalam tangan. Kelewatan ini juga disebabkan PKMD mengambil masa untuk menghantar pulangan balik wang agihan tersebut secara tunai kepada JKMNP bagi proses pengeluaran resit dan penyata pemungut.

Maklum Balas JKMNP yang Diterima pada 15 Januari 2018

JKMNP memaklumkan bahawa memo jabatan yang dikeluarkan bertarikh 3 Ogos 2017, menetapkan PKMD perlu membuat pulangan balik wang SBA yang tidak dapat diagihkan kepada Perbendaharaan Negeri melalui transaksi pindahan secara Electronic Fund Transfer (EFT) mulai Ogos 2017 bagi mengatasi masalah kelewatan. PKMD perlu menghantar notis pemakluman pindahan kepada JKMNP bagi proses pengeluaran resit dan penyata pemungut.

Pada pendapat Audit, kelewatan pulangan balik wang bantuan yang tidak dapat diagihkan kepada Perbendaharaan Negeri berjumlah RM118,500 boleh mendatangkan risiko salah guna dan kehilangan.

1.6.2.5. Kelewatan Penamatan Bayaran Kepada Penerima SBA yang Meninggal Dunia

- a. Piagam Pelanggan JKM menetapkan penamatan pembayaran SBA kepada penerima yang tidak layak sekiranya penerima telah meninggal dunia atau semasa kajian semula kes dijalankan mendapati penerima telah boleh berdikari, mempunyai pendapatan tetap melepasi PGK, berpindah dan ditukarkan ke skim bantuan lain. Bagi memastikan bayaran tidak dibuat kepada penerima yang telah meninggal dunia, waris dikehendaki menandatangani Surat Akuan Waris yang berjanji akan melaporkan kepada JKMNP sekiranya berlaku kematian kepada penerima bantuan dan mengembalikan wang bantuan kepada JKMNP. Selain itu, bagi mengenal pasti status penerima bantuan, pegawai PKMD boleh membuat semakan dengan Sistem *myIDENTITY* yang dihubungkan dengan Sistem e-Bantuan.
- b. Analisis terhadap data tarikh kematian penerima bantuan dan tarikh bantuan ditamatkan dari Sistem e-Bantuan bagi 156 penerima bantuan yang meninggal dunia bagi tempoh dari tahun 2015 hingga bulan September 2017 mendapati 33 (21.2%) kes bayaran SBA lewat diberhentikan antara satu (1) hingga 12 bulan menyebabkan berlaku lebih bayaran berjumlah RM36,300. Maklumat lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 1.11
KELEWATAN PENAMATAN BAYARAN KEPADA
PENERIMA SBA YANG MENINGGAL DUNIA DI LAIN-LAIN DAERAH BERDASARKAN
SISTEM e-BANTUAN BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA BULAN SEPTEMBER 2017

PKMD	BIL. KES PENERIMA SBA YANG MENINGGAL DUNIA	TEMPOH BULAN BAYARAN LEWAT DIHENTIKAN									
		1 - 3 BULAN		4 - 6 BULAN		7 - 9 BULAN		10 - 12 BULAN		JUMLAH	
		BIL.	AMAUN (RM)	BIL.	AMAUN (RM)	BIL.	AMAUN (RM)	BIL.	AMAUN (RM)	BIL.	AMAUN (RM)
Bentong	19	4	1,200	1	1,200	1	2,700	-	-	6	5,100
Rompin	20	2	600	-	-	-	-	-	-	2	600
Jerantut	4	1	300	-	-	-	-	-	-	1	300
Cameron Highlands	6	-	-	-	-	-	-	1	3,600	1	3,600
Lipis	13	5	1,800	-	-	-	-	-	-	5	1,800
Raub	18	-	-	3	5,100	1	2,100	-	-	4	7,200
Pekan	30	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Bera	25	2	600	-	-	4	9,900	1	3,000	7	13,500
Maran	21	6	2,400	1	1,800	-	-	-	-	7	4,200
JUMLAH	156	20	6,900	5	8,100	6	14,700	2	6,600	33	36,300

Sumber: Sistem e-Bantuan

- c. Didapati dua (2) kes bayaran SBA lewat diberhentikan antara 10 hingga 12 bulan bagi daerah Cameron Highlands dan Bera menyebabkan lebih bayaran berjumlah RM6,600. Manakala, enam (6) kes bayaran SBA lewat

diberhentikan antara tujuh (7) hingga sembilan (9) bulan melibatkan empat (4) kes bagi daerah Bera serta satu kes masing-masing di daerah Bentong dan Raub menyebabkan lebihan bayaran berjumlah RM14,700.

- d. Semakan Audit selanjutnya terhadap fail penerima bantuan, penyata bayaran dan data Sistem e-Bantuan bagi 49 orang penerima yang meninggal dunia di PKMD Kuantan dan Temerloh mendapati pengurusan penamatan bayaran bagi penerima yang meninggal dunia di PKMD Temerloh adalah baik kerana kesemua 19 penerima SBA tersebut telah ditamatkan pada bulan berikutnya selepas kematian. Namun begitu, 16 (53.3%) daripada 30 kes penerima yang meninggal dunia di PKMD Kuantan telah lewat diberhentikan bayaran dengan tempoh kelewatan antara satu (1) hingga tujuh (7) bulan dan menyebabkan lebihan bayaran berjumlah RM13,500 menjadikan jumlah keseluruhan lebihan bayaran berjumlah RM49,800 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 1.12
KELEWATAN PENAMATAN BAYARAN
KEPADA PENERIMA SBA YANG MENINGGAL DUNIA DI KUANTAN
DAN TEMERLOH BERDASARKAN SEMAKAN FAIL PENERIMA, PENYATA BAYARAN
DAN SISTEM e-BANTUAN BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA BULAN SEPTEMBER 2017

PKMD	BIL. KES PENERIMA SBA YANG MENINGGAL DUNIA	TEMPOH BULAN BAYARAN LEWAT DIHENTIKAN									
		1 - 3 BULAN		4 - 6 BULAN		7 - 9 BULAN		> 10 BULAN		JUMLAH	
		BIL.	AMAUN (RM)	BIL.	AMAUN (RM)	BIL.	AMAUN (RM)	BIL.	AMAUN (RM)	BIL.	AMAUN (RM)
Kuantan	30	11	5,400	4	6,000	1	2,100	-	-	16	13,500
Temerloh	19	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Lain-lain Daerah	156	20	6,900	5	8,100	6	14,700	2	6,600	33	36,300
JUMLAH	205	31	12,300	9	14,100	7	16,800	2	6,600	49	49,800

Sumber: PKMD Kuantan, PKMD Temerloh dan Sistem e-Bantuan

- e. Pihak Audit mendapati tiada kes kelewatan penamatan bayaran kepada penerima SBA yang meninggal dunia di PKMD Temerloh kerana pegawai yang bertanggungjawab akan menyemak status penerima bantuan dengan menggunakan kemudahan Sistem *myIDENTITY* bagi mengenal pasti status kematian dan kesahihan nombor kad pengenalan penerima bantuan sebelum pembayaran diteruskan melalui agihan secara bank atau tunai serta seterusnya bagi membolehkan PKMD memberhentikan pembayaran SBA dengan segera.
- f. Namun begitu, terdapat 16 kes kelewatan penamatan bayaran kepada penerima SBA yang meninggal dunia di PKMD Kuantan kerana pegawai yang bertanggungjawab hanya menyemak status penerima bantuan dengan menggunakan kemudahan Sistem *myIDENTITY* apabila kajian semula kes

dijalankan. Ini menyebabkan bayaran masih diteruskan walaupun penerima bantuan telah meninggal dunia dalam tempoh sebelum kajian semula kes dijalankan.

Maklum Balas JKMNP yang Diterima pada 15 Januari 2018

JKMNP telah mengeluarkan surat arahan bertarikh 11 dan 15 Januari 2018 agar PKMD membuat semakan myIDENTITY sebelum penyediaan baucar bayaran bagi memastikan kewujudan penerima bantuan pada setiap bulan dan membuat kutipan lebih bayaran kepada waris penerima bantuan yang meninggal dunia.

Pada pendapat Audit, kelewatan penamatan bayaran SBA mengakibatkan lebih bayaran sebanyak RM49,800 kepada waris penerima bantuan yang meninggal dunia.

1.6.2.6. Penamatan Bayaran Bagi Penerima SBA yang Tidak Mematuhi Syarat Kelayakan

- a. MMKN Pahang ke-13/2012 bertarikh 25 April 2012, menetapkan antara syarat kelayakan penerima SBA adalah penerima bantuan mesti berumur antara 18 hingga 59 tahun. Sekiranya umur penerima SBA mencapai 60 tahun adalah disyorkan agar penerima membuat permohonan baru di bawah Skim Bantuan Orang Tua.
- b. Hasil analisis Audit terhadap data Sistem e-Bantuan mendapati 459 (12.5%) penerima berumur 60 tahun ke atas daripada jumlah penerima SBA di Negeri Pahang, iaitu seramai 3,672 orang masih mendapat lanjutan kelulusan untuk menerima SBA. Kiraan Audit terhadap bayaran kepada penerima yang boleh dikategorikan sebagai tidak layak SBA bagi tempoh dari tahun 2015 hingga 2017 adalah berjumlah RM3.94 juta. Maklumat lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 1.13
SYARAT KELAYAKAN PENERIMA
BANTUAN AM BERUMUR 18 HINGGA 59 TAHUN
TIDAK DIPATUHI BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA 2017

DAERAH	2015		2016		2017		JUMLAH	
	BIL. KES PENERIMA BERUSIA 60 TAHUN KE ATAS	BAYARAN SBA TIDAK LAYAK (RM)	BIL. KES PENERIMA BERUSIA 60 TAHUN KE ATAS	BAYARAN SBA TIDAK LAYAK (RM)	BIL. KES PENERIMA BERUSIA 60 TAHUN KE ATAS	BAYARAN SBA TIDAK LAYAK (RM)	BIL. KES PENERIMA BERUSIA 60 TAHUN KE ATAS	BAYARAN SBA TIDAK LAYAK (RM)
Kuantan	3	32,400	54	476,100	188	1,783,800	245	2,292,300
Bera	0	-	9	71,400	60	487,800	69	559,200
Bentong	1	9,600	13	127,500	51	423,300	65	560,400
Raub	0	-	8	36,900	27	190,800	35	227,700
Cameron Highlands	0	-	6	35,100	9	73,200	15	108,300
Maran	0	-	4	43,200	10	95,400	14	138,600
Lipis	0	-	2	6,300	5	15,300	7	21,600
Temerloh	0	-	4	11,400	0	-	4	11,400
Jerantut	0	-	2	11,700	1	6,300	3	18,000
Rompin	0	-	0	-	2	3,600	2	3,600
JUMLAH	4	42,000	102	819,600	353	3,079,500	459	3,941,100

Sumber: Sistem e-Bantuan

- c. Antara sebab kelewatan penamatan bantuan kepada penerima yang tidak memenuhi syarat kelayakan adalah kurangnya pemantauan oleh pegawai atasan dan ketidakpekaan pegawai.

Maklum Balas JKMNP yang Diterima pada 15 Januari 2018

JKMNP telah mengambil tindakan mengeluarkan surat arahan penamatan bayaran serta-merta kepada penerima bantuan yang tidak memenuhi syarat kelayakan kepada semua PKMD bertarikh 30 Disember 2017.

Pada pendapat Audit, kelewatan penamatan bayaran SBA mengakibatkan lebih bayaran sebanyak RM3.94 juta kepada penerima yang tidak memenuhi syarat kelayakan kerana berusia 60 tahun ke atas.

1.7. SYOR AUDIT

Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang berkaitan skim bantuan pada masa hadapan dan Kerajaan mendapat *best value for money* atas perbelanjaan dilakukan, adalah disyorkan JKMNP untuk mengambil tindakan seperti berikut:

1.7.1. meningkatkan kecekapan proses siasatan dan kelulusan permohonan SBA selaras Piagam Pelanggan yang ditetapkan bagi mempercepatkan bayaran kepada penerima bantuan SBA yang layak;

1.7.2. meningkatkan kecekapan proses agihan bayaran bantuan secara tunai dan melalui bank selaras Piagam Pelanggan yang ditetapkan; dan

1.7.3. memastikan penamatan segera bayaran bantuan kepada penerima SBA yang meninggal dunia dan tidak mematuhi syarat kelayakan.

MAJLIS PERBANDARAN KUANTAN

2. PENGURUSAN HASIL PAPAN IKLAN

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Menurut Undang-undang Kecil Iklan Majlis Perbandaran Kuantan 1983 yang diwartakan pada 7 Julai 1983 mentafsirkan iklan adalah apa-apa pemberitahuan, isyarat atau penerbitan yang ditunjukkan atau didirikan bagi maksud memberitahu orang ramai akan sesuatu barang, keluaran, tempat atau peristiwa yang dipamerkan atas papan dinding, papan bumbung, dinding, pagar, bingkai, papan tanda atau tiang di atas mana-mana tanah, rumah, bangunan, struktur, jalan atau tempat tumpuan awam. Pemasangan papan iklan perlu mengambil kira aspek keselamatan dan keselesaan awam, kualiti persekitaran serta paparan imej bersesuaian pada kandungan iklan seperti ditetapkan dalam Garis Panduan Perancangan Papan Iklan Luar Tahun 2009 dan Garis Panduan dan Syarat-syarat Pemasangan Papan Iklan Luar Dalam Kawasan Majlis Perbandaran Kuantan yang dikeluarkan pada bulan Ogos 2008.

2.1.2. Permohonan dan kelulusan papan iklan di Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) melibatkan tiga (3) bahagian iaitu Bahagian Pembangunan Lestari untuk kelulusan tapak, Bahagian Bangunan untuk kelulusan permit struktur dan Bahagian Pelesenan Visual untuk kelulusan lesen visual. Sehingga tahun 2017, Bahagian Pembangunan Lestari telah meluluskan sebanyak 815 tapak papan iklan manakala di Bahagian Bangunan pula telah meluluskan sebanyak 356 permit struktur papan iklan dan Bahagian Pelesenan telah meluluskan sebanyak 15,117 lesen visual papan iklan. Pada tahun 2017, kutipan hasil papan iklan telah menyumbang sebanyak 3.41% daripada keseluruhan hasil MPK.

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan ini adalah untuk menilai pengurusan hasil papan iklan dilaksanakan secara cekap dan berhemat serta mematuhi undang-undang dan peraturan selaras dengan objektif yang ditetapkan.

2.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini terbahagi kepada dua (2) elemen iaitu prestasi aktiviti dan pengurusan aktiviti. Prestasi aktiviti dinilai berdasarkan permohonan dan kelulusan papan iklan serta

kutipan hasil papan iklan. Manakala pengurusan aktiviti meliputi kadar bayaran papan iklan, penyenggaraan papan iklan serta pemantauan dan penguatkuasaan papan iklan. Pengauditan dijalankan terhadap pengurusan hasil papan iklan yang dilaksanakan oleh MPK bagi tempoh dari tahun 2015 hingga 2017. Walau bagaimanapun, data tahun sebelum yang berkaitan dengan Pengurusan Hasil Papan Iklan juga disemak. Sampel pengauditan terdiri daripada 112 (13.7%) daripada 815 papan iklan.

2.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak rekod, mengkaji maklumat terhadap daftar, fail permohonan dan kelulusan papan iklan, peraturan serta minit mesyuarat. Temu bual dengan pegawai daripada MPK telah diadakan untuk mendapatkan penjelasan lanjut mengenai pengurusan hasil papan iklan. Lawatan Audit juga telah dilakukan bersama pegawai MPK dan ANIH Berhad iaitu syarikat konsesi Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT1) di sekitar Kuantan dan di sepanjang LPT1 bagi tujuan pengesahan fizikal dan ketepatan maklumat.

2.5. RUMUSAN AUDIT

2.5.1. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2017 merumuskan perkara berikut:

a. Prestasi Aktiviti Pengurusan Hasil Papan Iklan

Prestasi keseluruhan kutipan hasil papan iklan di MPK bagi tempoh dari tahun 2015 hingga 2017 untuk kutipan sewa tapak, permit struktur dan lesen visual telah mencapai sasaran kutipan hasil papan iklan yang telah ditetapkan pada setiap tahun. Bagi tempoh tersebut, sasaran kutipan hasil bagi papan iklan yang melibatkan sewaan tapak, permit struktur dan lesen visual adalah berjumlah RM15.04 juta.

b. Pengurusan Aktiviti

Berdasarkan sampel yang dipilih mendapati pengurusan hasil papan iklan adalah kurang cekap. Bagaimanapun, tahap kecekapan terhadap pengurusan daftar papan iklan, tunggakan bayaran, penggunaan kadar bayaran, penyenggaraan serta pemantauan dan penguatkuasaan papan iklan masih boleh ditambah baik.

2.5.2. Penemuan Audit utama yang perlu diberikan perhatian dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- a. tunggakan bayaran sewa tapak berjumlah RM645,544 dan permit struktur papan iklan berjumlah RM78,948 belum dijelaskan oleh pengiklan. Selain itu, penggunaan kadar bayaran papan iklan sempena Tahun Melawat Malaysia 2014 tidak diperakukan dan perubahan kadar bayaran permit struktur papan iklan tidak melalui pindaan undang-undang;
- b. sebanyak sembilan (9) papan iklan dikenakan caj yang tidak mengikut bilangan paparan;
- c. sebanyak 48 papan iklan yang didirikan tidak disenggara dengan baik;
- d. sebanyak 39 papan iklan di sekitar bandar Kuantan dan sebanyak 73 papan iklan di sepanjang LPT1 didirikan tanpa kelulusan permit struktur serta lesen visual; dan
- e. sebanyak 82 papan iklan tidak dilindungi dengan Insurans Tanggungan Awam, sebanyak 60 papan iklan tidak diperbaharui permit struktur, sebanyak 44 papan iklan tidak mematuhi syarat struktur dan sebanyak 47 papan iklan didirikan tanpa paparan visual serta tidak memaparkan mesej kerajaan.

2.6. PENEMUAN AUDIT TERPERINCI

Perkara yang ditemui dan maklum balas MPK telah dibincangkan dalam *exit conference* pada 23 Februari 2018. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan Audit adalah seperti di perenggan berikut:

2.6.1. Permohonan dan Kelulusan Papan Iklan

2.6.1.1. Prestasi Permohonan dan Kelulusan Papan Iklan

- a. Garis Panduan dan Syarat-syarat Pemasangan Papan Iklan Luar Dalam Kawasan MPK yang dikeluarkan pada Ogos 2008 (Garis Panduan MPK) menetapkan semua permohonan papan iklan yang diterima perlu dikemukakan ke Bahagian Pembangunan Lestari dan dibincangkan semasa Mesyuarat Penyelaras Teknikal Dalaman dan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat untuk kelulusan tapak. Setelah kelulusan diperoleh, pengiklan perlu mengemukakan kelulusan tapak berserta pelan struktur ke Bahagian Bangunan. Seterusnya pengiklan perlu mengemukakan surat kelulusan dari Bahagian Pembangunan Lestari dan Bahagian Bangunan ke Bahagian Pelesenan untuk mendapatkan kelulusan lesen visual.
- b. Semua permohonan dan kelulusan papan iklan perlu direkodkan supaya MPK boleh menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap setiap papan iklan yang didirikan. Maklumat yang perlu direkodkan bagi setiap

permohonan dan kelulusan papan iklan adalah seperti jenis papan iklan, nama pengiklan, saiz, lokasi, bayaran sewa tapak, permit struktur, lesen visual, tunggakan bayaran dan nombor rujukan fail setiap pengiklan.

- c. Sehingga tahun 2017 sebanyak 815 tapak papan iklan telah diluluskan di Bahagian Pembangunan Lestari manakala sebanyak 356 permit struktur papan iklan diluluskan di Bahagian Bangunan dan sebanyak 15,117 lesen visual papan iklan diluluskan di Bahagian Pelesenan. Semakan Audit terhadap daftar papan iklan mendapati perbezaan bilangan kelulusan di setiap bahagian adalah disebabkan setiap permohonan papan iklan yang diterima di setiap bahagian adalah mengikut jenis papan iklan. Contohnya permohonan papan tanda arah berlampu hanya diluluskan oleh Bahagian Pembangunan Lestari sahaja tetapi tidak melibatkan Bahagian Bangunan dan Bahagian Pelesenan. Maklumat lanjut mengenai bilangan permohonan dan kelulusan papan iklan mengikut bahagian masing-masing adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.1
BILANGAN PERMOHONAN DAN KELULUSAN PAPAN IKLAN SEHINGGA TAHUN 2017

BIL.	JENIS PAPAN IKLAN	PERMOHONAN/LULUS		
		BAHAGIAN PEMBANGUNAN LESTARI	BAHAGIAN BANGUNAN	BAHAGIAN PELESENAN
1.	Papan Iklan/ <i>Unipole/Minipole/Jejantas</i>	322	223	334
2.	Papan Iklan Perdagangan/Perumahan	49	21	TB
3.	Papan Tanda Arah Berlampu	20	TB	TB
4.	<i>Light Box</i>	400	2	TB
5.	Iklan Digital	4	4	4
6.	Papan Tanda Arah Bergabung	5	TB	TB
7.	Premis Perniagaan	TB	105	13,939
8.	Banting/Sepanduk	TB	TB	825
9.	Papan Iklan Sementara	14	TB	14
10.	Pintu Gerbang	1	1	1
JUMLAH		815	356	15,117

Sumber: MPK

Nota: TB – Tidak Berkaitan

- d. Semakan Audit terhadap daftar papan iklan mendapati MPK tidak menyediakan daftar permohonan papan iklan. Bagaimanapun, MPK telah menyedia dan menyelenggara daftar kelulusan di setiap bahagian iaitu Bahagian Pembangunan Lestari bagi menguruskan sewa tapak, Bahagian Bangunan bagi menguruskan permit struktur dan Bahagian Pelesenan bagi menguruskan lesen visual papan iklan. Pihak Audit mendapati ketiga-tiga bahagian telah menyediakan daftar tersebut secara manual dan maklumat dalam setiap daftar berbeza mengikut bahagian masing-masing. Selain itu juga, tiada unit atau bahagian yang diwujudkan untuk menyelaras setiap kelulusan papan iklan

Maklum Balas MPK yang Diterima pada 20 Februari 2018

Bagi penambahbaikan, MPK mewujudkan Unit Pengurusan Papan Iklan mulai tahun 2018 untuk menyelaraskan semua urusan berkaitan pendaftaran papan iklan seperti merekod, memproses dan memantau permohonan serta kelulusan papan iklan.

Pada pendapat Audit, prestasi permohonan papan iklan di ketiga-tiga bahagian adalah kurang cekap kerana sehingga tahun 2017, daftar papan iklan hanya merekodkan kelulusan permohonan papan iklan sahaja.

2.6.2. Prestasi Kutipan Hasil Papan Iklan

2.6.2.1. Sasaran Kutipan Hasil Papan Iklan

- a. Mesyuarat Penuh Ahli Majlis MPK pada setiap tahun telah menetapkan kutipan hasil papan iklan dibuat berdasarkan sasaran kutipan hasil di setiap bahagian. Hasil daripada kutipan papan iklan yang diperoleh dibelanjakan bagi tujuan penyenggaraan dan pembangunan kawasan MPK. Bahagian Pembangunan Lestari bertanggungjawab bagi pengurusan kutipan sewa tapak. Manakala Bahagian Bangunan bertanggungjawab mengutip permit struktur dan Bahagian Pelesenan bertanggungjawab mengutip lesen visual papan iklan.
- b. Semakan Audit terhadap laporan prestasi hasil papan iklan bagi tempoh dari tahun 2015 hingga 2017 mendapati jumlah kutipan telah mencapai sasaran yang ditetapkan bagi hasil papan iklan iaitu berjumlah RM16.56 juta (110.1%) berbanding dengan jumlah sasaran kutipan hasil yang ditetapkan iaitu RM15.04 juta. Analisis data mendapati kutipan hasil papan iklan pada tahun 2016 adalah berjumlah RM5.19 juta dengan penurunan hasil sejumlah RM822,417 berbanding kutipan hasil papan iklan pada tahun 2015 yang berjumlah RM6.01 juta. Perkara ini disebabkan kutipan lesen visual yang menurun sejumlah RM1.16 juta. Seterusnya, kutipan hasil bagi papan iklan telah meningkat daripada RM5.19 juta pada tahun 2016 kepada RM5.36 juta pada tahun 2017 dengan kenaikan sejumlah RM173,623. Jumlah sasaran dan kutipan hasil papan iklan di ketiga-tiga bahagian bagi tempoh dari tahun 2015 hingga 2017 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.2
SASARAN DAN KUTIPAN HASIL PAPAN IKLAN BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA 2017

TAHUN	SEWA TAPAK		PERMIT STRUKTUR		LESEN VISUAL		JUMLAH KESELURUHAN		PERATUS (%)
	SASARAN (RM)	KUTIPAN (RM)	SASARAN (RM)	KUTIPAN (RM)	SASARAN (RM)	KUTIPAN (RM)	SASARAN (RM)	KUTIPAN (RM)	
2015	1,372,900	1,113,040	244,700	234,401	3,350,000	4,662,101	4,967,600	6,009,542	121.0
2016	1,200,000	1,327,646	213,000	362,222	3,550,000	3,497,257	4,963,000	5,187,125	104.5
2017	1,200,000	1,332,839	180,000	313,204	3,733,500	3,714,705	5,113,500	5,360,748	104.8
JUMLAH	3,772,900	3,773,525	637,700	909,827	10,633,500	11,874,063	15,044,100	16,557,415	110.1

Sumber: MPK

Maklum Balas MPK yang Diterima pada 20 Februari 2018

Sehingga akhir Disember 2017, jumlah kutipan sewa tapak papan iklan adalah RM1.33 juta melebihi sasaran sebanyak 111%. Manakala kutipan permit struktur pada tahun 2015 tidak mencapai sasaran yang ditetapkan kerana kelewatan pembayaran permit struktur oleh pengiklan. Namun begitu, tunggakan tersebut telah dikutip pada tahun 2016. Sehingga Disember 2017, kutipan permit struktur adalah berjumlah RM313,204. Pengurangan hasil lesen visual pada tahun 2016 dan 2017 adalah disebabkan faktor pengecualian bayaran lesen visual bersempena Tahun Melawat Pahang bagi papan iklan yang terlibat dengan mempromosikan visual Tourism Pahang.

Pada pendapat Audit, prestasi keseluruhan kutipan hasil papan iklan bagi kutipan sewa tapak, permit struktur dan lesen visual telah mencapai sasaran yang telah ditetapkan bagi tempoh dari tahun 2015 hingga 2017.

2.6.2.2. Tunggakan Bayaran Sewa Tapak dan Permit Struktur

- a. Surat kelulusan yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Lestari menyatakan bayaran sewa tapak tahunan perlu dibayar pada setiap tahun. Manakala mengikut UUK 29, Undang-undang Kecil Bangunan (Pahang) 1996 menyatakan fi permit struktur hendaklah dibayar mengikut Jadual Pertama Undang-undang Kecil Bangunan (Pahang) 1996.
- b. Semakan Audit terhadap laporan jumlah tunggakan bayaran sewa tapak dan permit struktur mendapati MPK mempunyai tunggakan sewa tapak papan iklan berjumlah RM645,544 dan tunggakan permit struktur berjumlah RM78,948 bagi tempoh dari tahun 2015 hingga Oktober 2017. Analisis Audit mendapati tunggakan bayaran sewa tapak dan permit struktur semakin meningkat pada setiap tahun iaitu daripada RM72,441 pada tahun 2015 kepada RM196,405 pada tahun 2016 dan meningkat kepada RM455,656

pada bulan Oktober 2017. Pihak Audit mendapati walaupun pengiklan tidak menjelaskan bayaran sewa tapak dan permit struktur, mereka masih boleh mempamerkan visual papan iklan kerana lesen visual telah dibayar. Perkara ini disebabkan MPK tidak mengeluarkan notis peringatan bayaran tunggakan sewa tapak dan permit struktur serta notis memperbaharui permit struktur kepada pengiklan. Selain itu, aktiviti pemantauan yang kurang cekap mengakibatkan tunggakan semakin meningkat setiap tahun. Tunggakan bayaran sewa tapak dan permit struktur bagi tempoh tahun 2015 hingga Oktober 2017 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.3
TUNGGAKAN BAYARAN SEWA TAPAK DAN PERMIT
STRUKTUR BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA OKTOBER 2017

TAHUN	TUNGGAKAN BAYARAN (RM)		JUMLAH (RM)
	SEWA TAPAK	PERMIT STRUKTUR	
2015	59,050	13,391	72,441
2016	178,139	18,266	196,405
Oktober 2017	408,355	47,291	455,646
JUMLAH	645,544	78,948	724,492

Sumber: MPK

- c. Selanjutnya, semakan Audit terhadap jumlah tunggakan sewa tapak juga mendapati sebanyak enam (6) pengiklan mempunyai tunggakan sewa tapak yang melebihi RM10,000 ke atas berjumlah RM603,644. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.4
PENGIKLAN TIDAK MENJELASKAN BAYARAN
SEWA TAPAK BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA OKTOBER 2017

BIL.	NO. PENDAFTARAN SYARIKAT	TUNGGAKAN SEWA TAPAK (RM)			JUMLAH (RM)
		2015	2016	2017	
1.	225435A	40,000	132,050	176,700	348,750
2.	624277D	-	-	102,000	102,000
3.	369573T	-	22,539	51,450	73,989
4.	470258W	-	-	53,055	53,055
5.	CA0101323V	-	7,600	7,600	15,200
6.	724665K	3,550	3,550	3,550	10,650
JUMLAH		43,550	165,739	394,355	603,644

Sumber: MPK

- d. Manakala pemeriksaan Audit terhadap jumlah tunggakan permit struktur pula mendapati sebanyak sembilan (9) pengiklan mempunyai tunggakan permit struktur yang melebihi RM1,000 ke atas berjumlah RM21,658. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.5
PENGIKLAN TIDAK MENJELASKAN BAYARAN
PERMIT STRUKTUR BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA OKTOBER 2017

BIL.	NO. PENDAFTARAN SYARIKAT	TAHUN/TUNGGAKAN PERMIT STRUKTUR (RM)			JUMLAH (RM)
		2015	2016	2017	
1.	234295-A	450	600	2,600	3,650
2.	660519-A	400	1,600	1,600	3,600
3.	477798-P	-	-	3,600	3,600
4.	163032V	-	-	2,800	2,800
5.	No. Sijil 032	583	600	600	1,783
6.	123958M	650	400	400	1,450
7.	471313-H	200	800	800	1,800
8.	773443-C	-	-	1,600	1,600
9.	CA0137515-D	175	600	600	1,375
JUMLAH		2,458	4,600	14,600	21,658

Sumber: MPK

Maklum Balas MPK yang Diterima pada 20 Februari 2018

Semasa perjumpaan MPK dengan pengiklan pada 22 Disember 2017, pengiklan dimaklumkan permohonan baru untuk tahun 2018 tidak akan diterima bagi syarikat yang mempunyai tunggakan sewa tapak. Mulai tahun 2018, MPK telah menghantar surat peringatan tunggakan, tuntutan dan menyediakan jadual bayaran bagi tujuan mendapatkan bayaran tunggakan kepada syarikat yang terlibat. Bagi syarikat yang gagal menjelaskan bayaran berjadual yang telah ditetapkan, surat penamatan sewa tapak telah dikeluarkan. Selain itu, MPK tidak mengenakan sebarang denda ke atas kelewatan bayaran tunggakan struktur papan iklan kerana tiada dinyatakan dalam Akta 133 (Akta Jalan, Parit dan Bangunan) dan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1996. MPK bercadang memasukkan klausa untuk mengambil alih milikan struktur papan iklan dalam perjanjian penyewaan tapak sekiranya pemilik struktur gagal untuk menjelaskan pembayaran sewaan. MPK juga telah mensyaratkan supaya pembaharuan sewa tapak dan permit struktur perlu dilaksanakan sebelum permohonan lesen visual.

Pada pendapat Audit, kelemahan pengurusan terhadap kutipan hasil sewa tunggakan sewa tapak dan permit struktur telah menyebabkan MPK kurang menerima hasil sejumlah RM724,492 bagi tempoh dari tahun 2015 hingga Oktober 2017. Bagaimanapun, MPK berpotensi mempertingkatkan kutipan hasil dengan melaksanakan pemantauan yang lebih berkesan.

2.6.3. Kadar Bayaran Papan Iklan

Bayaran yang terlibat dalam permohonan dan kelulusan papan iklan adalah seperti sewa tapak, permit struktur dan lesen visual. Semakan Audit terhadap kadar bayaran papan iklan mendapati perkara seperti berikut:

2.6.3.1. Penggunaan Kadar Bayaran Papan Iklan Tanpa Perakuan Mesyuarat Penuh Ahli Majlis

- a. Arahan penyeragaman kadar bayaran papan iklan telah dikeluarkan melalui Surat Arahan Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang bertarikh 24 Januari 2014. Surat arahan ini mengarahkan semua PBT di Negeri Pahang dikehendaki menggunakan kadar bayaran papan iklan sempena Tahun Melawat Malaysia 2014 bagi permohonan papan iklan. Butiran lanjut mengenai kadar bayaran tersebut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.6
KADAR BAYARAN PAPAN IKLAN

BIL.	JENIS IKLAN	WANG PERTARUHAN		SUMBANGAN LANDSKAP		SEWA TAPAK TAHUNAN	
		DALAM BANDAR (RM)	LUAR BANDAR (RM)	DALAM BANDAR (RM)	LUAR BANDAR (RM)	DALAM BANDAR (RM)	LUAR BANDAR (RM)
1.	Papan Iklan	2,000	2,000	500	500	3,000	1,500
2.	Unipole	50,000	50,000	5,000	5,000	10,000	3,500
3.	Minipole	30,000	30,000	4,500	4,500	6,000	3,000
4.	Lightbox	250	250	-	-	1,000	500
5.	Papan Iklan Perumahan	2,000	2,000	500	500	1,500	1,500
6.	Papan Iklan Digital	2,000	2,000	500	500	6,000	3,000
7.	Papan Tanda Arah Berlampu	2,000	2,000	500	500	1,500	750
8.	Jejantas	20,000	20,000	-	-	7,000	3,500
9.	Papan Tanda Arah Bergabung	2,000	2,000	500	500	1,500	1,500
10.	Lightbox Digital	500	500	-	-	2,000	1,000

Sumber: MPK

- b. Semakan Audit terhadap fail permohonan dan kelulusan bagi 112 papan iklan mendapati MPK telah mengguna pakai kadar bayaran papan iklan sempena Tahun Melawat Malaysia 2014 dari tahun 2014 sehingga tahun 2017 dan kadar bayaran yang dikenakan adalah mengikut peraturan. Bagaimanapun, pelaksanaan penggunaan kadar bayaran papan iklan sempena Tahun Melawat Malaysia 2014 tidak mendapat perakuan dalam Mesyuarat Penuh Ahli Majlis MPK. Perkara ini disebabkan pengurusan MPK tidak membentangkan kadar bayaran papan iklan tersebut kepada Ahli Majlis Mesyuarat Penuh MPK bagi mendapatkan perakuan penggunaan kadar berkenaan. Ini mengakibatkan pelaksanaan penggunaan kadar bayaran

papan iklan yang dikenakan kepada pengiklan tidak mengikut prosedur kerja yang ditetapkan.

Maklum Balas MPK yang Diterima pada 20 Februari 2018

MPK mengguna pakai kadar bayaran sewa tapak papan iklan yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Pengurusan Bil. 10/2008 pada 17 Oktober 2008 selaras dengan arahan penyeragaman bayaran papan iklan luar yang dikeluarkan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang. Bagaimanapun, MPK bercadang untuk membawa perkara ini ke Mesyuarat Penuh Ahli Majlis yang dijangka dilaksanakan pada akhir bulan Februari 2018 untuk kelulusan.

Pada pendapat Audit, kelemahan pengurusan terhadap pelaksanaan penggunaan kadar bayaran papan iklan sempena Tahun Melawat Malaysia 2014 menyebabkan kelewatan memperakukan penggunaan kadar bayaran ini selama empat (4) tahun iaitu dari tahun 2014 hingga 2017.

2.6.3.2. Perubahan Kadar Bayaran Permit Struktur Tidak Mengikut Undang-undang

- a. Menurut Seksyen 102A, Akta Kerajaan Tempatan 1976 menyatakan sesuatu undang-undang kecil, kaedah atau peraturan yang dibuat oleh Pihak Berkuasa Tempatan boleh menetapkan bayaran dan caj bagi apa-apa perkara atau benda yang dikehendaki atau dibenar supaya dilakukan di bawahnya. Manakala Seksyen 103 pula menetapkan setiap undang-undang kecil, kaedah atau peraturan tidak mempunyai kuat kuasa sehingga ia disahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dan disiarkan dalam warta. Selain itu, mengikut UUK 29, Undang-undang Kecil Bangunan (Pahang) 1996 yang diwartakan pada tahun 1996 menyatakan fi untuk menimbangkan pelan dan permit hendaklah dibayar mengikut Jadual Pertama Undang-undang Kecil Bangunan (Pahang) 1996 iaitu RM5/18 meter persegi atau bayaran minimum RM50.
- b. Semakan Audit terhadap Laporan Senarai Permit Sementara mendapati sebanyak 112 papan iklan telah menggunakan kadar seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama Undang-undang Kecil Bangunan (Pahang) 1996 sehingga tahun 2015. Pada tahun 2015, MPK telah menyediakan kertas kerja cadangan kadar baru permit struktur papan iklan dan cadangan tersebut dibentangkan serta dipersetujui dalam Mesyuarat Pengurusan MPK Bil. 8/2015 bertarikh 13 Mei 2015. Penggunaan kadar baru permit struktur

papan iklan telah berkuat kuasa mulai tahun 2016. Pihak Audit mendapati kadar baru yang diluluskan semasa Mesyuarat Pengurusan tidak diluluskan dalam Mesyuarat Penuh Ahli Majlis MPK dan tidak diwartakan. Perkara ini disebabkan pengurusan MPK tidak membuat pindaan undang-undang terhadap kadar bayaran permit struktur papan iklan tersebut dan mengakibatkan ketidakpatuhan kepada peraturan yang ditetapkan.

- c. Selanjutnya, semakan Audit terhadap Laporan Senarai Permit Sementara mendapati MPK telah mengutip bayaran permit struktur menggunakan kadar baru bagi 15 papan iklan berdasarkan keputusan Mesyuarat Pengurusan MPK Bil.8/2015 pada 13 Mei 2015. Pengiklan yang telah membayar permit struktur mengikut kadar baru adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.7
PENGIKLAN YANG MENJELASKAN PERMIT
STRUKTUR PAPAN IKLAN MENGIKUT KADAR BARU

BIL.	KOD TAPAK	NO. PENDAFTARAN SYARIKAT	SAIZ PAPAN IKLAN	KADAR BAYARAN (RM)		JUMLAH PERBEZAAN (RM)
				KADAR LAMA	KADAR BARU	
1.	U1A	477798-P	20' x 80'	200	800	600
2.	U29	477798-P	40' x 30'	200	800	600
3.	U30	477798-P	40' x 30'	100	800	700
4.	U23	724665K	20' x 60'	100	800	700
5.	U25	48350-V	25' x 50'	200	800	600
6.	M1	489475-U	20' x 40'	75	800	725
7.	M13	147062P	20' x 60'	75	600	525
8.	M18	123958M	20' x 60'	75	400	325
9.	27A	489475-U	10' x 40'	50	200	150
10.	4G	65322-T	30' x 20'	50	400	350
11.	47F	477798-P	10' x 40'	50	200	150
12.	69C	190281-D	10' x 20'	50	200	150
13.	13E	534564-A	10' x 40'	50	200	150
14.	J5	591703-D	4' x 50'	100	400	300
15.	20E	147062P	10' x 40'	50	200	150
JUMLAH						6,175

Sumber: MPK

Nota: * – Kadar Bayaran Adalah Berdasarkan Kelulusan Kadar Baru Melalui Mesyuarat Pengurusan Bil. 8/2015

Maklum Balas MPK yang Diterima pada 20 Februari 2018

MPK mengguna pakai kadar baru permit struktur papan iklan yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Pengurusan Bil. 8/2015 bertarikh 13 Mei 2015. Bagaimanapun, MPK bercadang untuk membawa perkara ini ke Mesyuarat Penuh Ahli Majlis yang dijangka dilaksanakan pada akhir bulan Februari 2018 untuk kelulusan.

Pada pendapat Audit, ketidakpatuhan terhadap peraturan mengenai penggunaan dan perubahan kadar bayaran papan iklan mempunyai implikasi undang-undang serta mengakibatkan bayaran permit struktur terlebih caj berjumlah RM6,175.

2.6.3.3. Lesen Visual Terkurang Caj

- a. Menurut UUK 8(1), Undang-undang Kecil Iklan (MPK) 1983 menyatakan bayaran lesen papan iklan adalah mengikut Jadual Ketiga Undang-undang Kecil Iklan (MPK) 1983. Kadar fi lesen adalah RM100 bagi setiap satu (1) meter persegi atau sebahagiannya.
- b. Lawatan Audit bersama pegawai MPK ke 90 lokasi papan iklan di sekitar Kuantan pada bulan Disember 2017 mendapati sebanyak sembilan (9) papan iklan telah dikenakan caj yang tidak mengikut bilangan paparan iklan lesen visual. Semakan Audit terhadap sembilan (9) fail papan iklan tersebut mendapati kesilapan ini telah disedari oleh MPK setelah pemantauan dan pemeriksaan fizikal terhadap papan iklan tersebut dijalankan pada tahun 2015 dan 2017. Pihak Audit juga mendapati, kadar bayaran lesen visual bagi sembilan (9) papan iklan tersebut tidak diambil kira sejak tahun lesen visual diluluskan sehingga pemeriksaan dijalankan oleh MPK. Bagaimanapun, MPK telah mengarahkan pengiklan supaya membayar kadar lesen visual sepatutnya mengikut tahun pemeriksaan fizikal dilaksanakan. Perkara ini disebabkan daftar dan pengurusan fail di Bahagian Pelesenan tidak lengkap dan kemas kini. Mengikut pengiraan Audit, sekiranya kadar sebenar lesen visual dikenakan sejak tahun lesen visual diluluskan, MPK boleh memperoleh anggaran hasil sejumlah RM695,250. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.8
ANGGARAN HASIL YANG BOLEH DIKUTIP
OLEH MPK BAGI PAPAN IKLAN MENGIKUT KADAR SEBENAR

BIL.	KOD TAPAK PAPAN IKLAN	TAHUN KELULUSAN LESEN VISUAL	PENGIKLAN MULA BAYAR KADAR SEBENAR (Tahun)	BEZA (Tahun) (a)	KADAR LESEN VISUAL		BEZA (RM) (d)=(c)-(b)	ANGGARAN HASIL (RM) (e)=(d)x(a)
					DIKENAKAN (RM) (b)	SEPATUTNYA (RM) (c)		
1.	U1A	2008	2017	9	12,000	24,000	12,000	108,000
2.	U6	2008	2017	9	9,000	36,000	27,000	243,000
3.	U23	2007	2015	8	3,000	9,000	6,000	48,000
4.	U24	2007	2017	10	9,000	18,000	9,000	90,000
5.	U25	2014	2015	1	9,000	18,000	9,000	9,000
6.	U26	2014	2015	1	9,000	18,000	9,000	9,000
7.	U27	2008	2017	9	18,000	36,000	18,000	162,000
8.	M20	2016	2017	1	11,250	22,500	11,250	11,250
9.	25A	2012	2017	5	3,000	6,000	3,000	15,000
JUMLAH								695,250

Sumber: MPK dan Jabatan Audit Negara

Maklum Balas MPK yang Diterima pada 20 Februari 2018

MPK telah mengambil tindakan pembetulan dengan mengeluarkan surat pemakluman kepada pihak syarikat yang terlibat berkenaan kadar lesen visual sebenar bagi papan iklan kod U25 dan U26 pada tahun 2015. Manakala bagi papan iklan yang lain pula, surat pemakluman kepada pihak syarikat dikeluarkan pada tahun 2017. Selepas teguran Audit, MPK merancang memohon pandangan perundangan Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri Pahang pada 25 April 2018 untuk mendapatkan pengesahan sama ada hasil yang tidak dikutip bagi tahun sebelumnya boleh dikutip semula atau sebaliknya. Bagaimanapun, MPK masih belum mendapat maklum balas daripada Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri Pahang.

Pada pendapat Audit, kelemahan diperingkat pemantauan dan penguatkuasaan telah menyebabkan kadar lesen visual telah berkurang caj berjumlah RM695,250.

2.6.4. Penyenggaraan Papan Iklan

2.6.4.1. Seksyen 13.(1) dan (2) Undang-undang Kecil Iklan (MPK) 1983 menyatakan Yang DiPertua boleh memberi notis secara bertulis mengarahkan mana-mana orang yang mendirikan atau mempamerkan iklan untuk membaiki, mengecat semula dan membersihkan iklan itu dalam tempoh masa sebagaimana yang dinyatakan dalam notis. Jika warna sesuatu papan iklan atau papan tanda bersinar yang menyebabkan kekeliruan kepada orang ramai Yang Dipertua boleh mengarahkan supaya warna tersebut dibaiki. Garis Panduan MPK pula menyatakan syarikat pengiklanan hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas penyenggaraan papan iklan dari segi permukaannya dan juga binaannya. Selain itu, sekiranya sesuatu kerosakan tidak dibaiki dalam tempoh satu (1) minggu, MPK akan membaiki kerosakan tersebut dengan menuntut bayaran daripada pihak pengiklan.

2.6.4.2. Lawatan Audit bersama pegawai MPK ke 90 lokasi papan iklan di sekitar Kuantan pada bulan Disember 2017 mendapati sebanyak 24 struktur papan iklan tidak disenggara dengan baik kerana terdapat visual yang terkoyak, ditutupi pokok dan semak serta struktur rosak. Papan iklan yang tidak disenggara dengan baik adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 2.1



**Persimpangan Jalan Tun Ismail - Bukit Sekilau
- Paparan Visual Papan Iklan Koyak
(07.12.2017)**

GAMBAR 2.2



**Jalan Beserah Kuantan - Kemaman
- Struktur Papan Iklan Rosak
(04.12.2017)**

GAMBAR 2.3



**Jalan Beserah Kuantan - Kemaman
- Papan Iklan Dilindungi Pokok
(04.12.2017)**

GAMBAR 2.4



**Jalan Kuantan - Gambang
- Paparan Visual Papan Iklan Koyak dan
Besi Struktur Papan Iklan Tercabut
(11.12.2017)**

2.6.4.3. Pihak Audit juga telah melaksanakan lawatan ke 94 lokasi papan iklan bersama pegawai ANIH Berhad pada bulan November 2017 mendapati sebanyak 24 struktur papan iklan di tanah persendirian sepanjang LPT1 berada dalam keadaan tidak sempurna seperti koyak, berkarat, struktur rosak dan hampir roboh serta ditutupi pokok. Perkara ini disebabkan MPK tidak memantau dan mengarahkan pengiklan supaya menyenggara papan iklan secara berkala. Selain itu, tiada tindakan penguatkuasaan untuk merobohkan papan iklan yang rosak seperti gambar berikut:

GAMBAR 2.5



**LPT KM235 Menghala ke Kuala Lumpur
- Struktur Papan Iklan Dibina Hampir Roboh
(23.11.2017)**

GAMBAR 2.6



**LPT KM222.9 Menghala ke Terengganu
- Papan Iklan Telah Roboh
(23.11.2017)**

GAMBAR 2.7



LPT KM225.9 Menghala ke Kuala Lumpur
- Paparan Visual Papan Iklan Rosak
(23.11.2017)

GAMBAR 2.8



LPT KM226.4 Menghala ke Kuala Lumpur
- Papan Iklan Dilindungi Pokok
(23.11.2017)

Maklum Balas MPK yang Diterima pada 20 Februari 2018

MPK telah mengeluarkan surat kepada semua pengiklan berkenaan struktur papan iklan yang lama dan perlu dibaik pulih serta mengemukakan laporan daripada jurutera berdaftar berkaitan kekuatan struktur papan iklan mulai Januari 2018. Selain itu, MPK juga telah mengeluarkan surat kepada pihak ANIH Berhad bagi operasi bersepadu untuk mengenal pasti pengiklan yang mempunyai struktur papan iklan di tanah persendirian sepanjang LPT1.

Pada pendapat Audit, pemantauan MPK terhadap penyenggaraan papan iklan perlu dipertingkatkan lagi untuk memastikan tindakan penguatkuasaan dapat diambil dengan segera.

2.6.5. Pemantauan dan Penguatkuasaan Tidak Berkesan

2.6.5.1. Tindakan pemantauan dan penguatkuasaan perlu dilaksanakan secara sistematik, berterusan dan efektif bagi memastikan pengiklan mematuhi undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan. Semakan Audit terhadap Jadual Perancangan Pemantauan di ketiga-tiga bahagian mendapati hanya di Bahagian Pelesenan sahaja yang menyediakan Jadual Perancangan dan Pelaksanaan Program/Operasi Pemeriksaan Lesen Papan Iklan bagi tempoh 2015 hingga 2017. Pihak Audit mendapati pada tahun 2015 sebanyak empat (4) pelaksanaan operasi pemantauan dilaksanakan terhadap papan iklan yang didirikan. Manakala pada tahun 2016 sebanyak 13 kali pemantauan telah dijalankan dan sebanyak tiga (3) kali pemantauan pada tahun 2017. Bagaimanapun, Bahagian Pembangunan Lestari dan Bahagian Bangunan tidak menyediakan perancangan pemantauan papan iklan serta penguatkuasaan terhadap kelulusan sewa tapak dan permit struktur tidak dilaksanakan.

Maklum Balas MPK yang Diterima pada 20 Februari 2018

Mulai tahun 2018, Jadual Perancangan dan Pelaksanaan Pemantauan papan iklan secara bersepadu bagi ketiga-tiga bahagian telah disediakan.

Pada pendapat Audit, penyelarasan terhadap pemantauan dan penguatkuasaan bagi papan iklan perlu dipertingkatkan dengan mematuhi Garis Panduan MPK supaya pelanggaran syarat papan iklan dapat dielakkan.

2.6.5.2. Semakan Audit selanjutnya mendapati MPK tidak melaksanakan penguatkuasaan terhadap pengiklan yang tidak mematuhi undang-undang, peraturan dan garis panduan yang ditetapkan menyebabkan berlaku pelanggaran syarat seperti di perenggan berikut:

a. Papan Iklan Didirikan Tanpa Kelulusan Permit Struktur dan Lesen Visual

- i. Mengikut UUK 5(1), Undang-undang Kecil Iklan (MPK) 1983 menyatakan tiada seorang pun boleh mempamerkan atau mengarah dipamerkan apa-apa iklan tanpa lesen. Manakala UUK 5(4) pula menetapkan papan tanda yang dipamerkan tanpa kebenaran boleh dikenakan fi denda tiga (3) kali ganda bayaran lesen tahunan. Jadual Ketiga, Undang-undang Kecil Iklan Majlis Perbandaran Kuantan 1983, 7(1), 8 dan 9 menetapkan pemasangan papan iklan adalah tidak dibenarkan selagi bayaran lesen iklan dan sewa tapak belum dijelaskan. Kadar fi yang dikenakan bagi paparan iklan adalah RM100 untuk satu (1) meter persegi pertama dan RM10 tambahan untuk tiap meter persegi.
- ii. Selain itu, menurut UUK 20, Undang-undang Kecil Bangunan (Pahang) 1996 sebelum sesuatu papan iklan didirikan ia hendaklah mendapatkan kelulusan permit sementara tahunan. Manakala di dalam Garis Panduan MPK pula menyatakan pengiklan perlu menyediakan ruangan khas berukuran 2' x 1' untuk tujuan melekat stiker maklumat pengiklan dan kod tapak papan iklan.
- iii. Semakan Audit terhadap daftar kelulusan tapak papan iklan dan lawatan Audit bersama pegawai MPK ke 90 lokasi papan iklan di sekitar Kuantan pada bulan Disember 2017 mendapati sebanyak 39 papan iklan telah didirikan tanpa kelulusan tetapi mempunyai paparan visual. Semasa lawatan Audit dilaksanakan, pihak Audit juga mendapati tiada stiker

dilekatkan pada papan iklan tersebut bagi mengetahui maklumat pengiklan.

- iv. Selain itu, pihak Audit juga telah membuat lawatan pada bulan November 2017 bersama pegawai ANIH Berhad ke 94 lokasi papan iklan di sepanjang LPT1 yang mana ia berada di tanah persendirian. Lawatan Audit bermula dari KM245 hingga KM188 menghala ke Kuala Lumpur dan KM178 hingga KM242 menghala ke Terengganu mendapati sebanyak 73 papan iklan telah dibina tanpa kelulusan permit struktur dan lesen visual. Antara contoh papan iklan tanpa kelulusan permit struktur dan lesen visual di sekitar Kuantan dan di sepanjang LPT1 adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 2.9



Jalan Sultan Abdullah
- Papan Iklan Dibina Tanpa Kelulusan
Permit Struktur dan Lesen Visual
(05.12.2017)

GAMBAR 2.10



Jalan Sungai Lembing/Petronas
- Papan Iklan Dibina Tanpa Kelulusan
Permit Struktur dan Lesen Visual
(11.12.2017)

GAMBAR 2.11



LPT KM209.4 Menghala ke Kuala Lumpur
- Papan Iklan Dibina Tanpa Kelulusan
Permit Struktur dan Lesen Visual
(23.11.2017)

GAMBAR 2.12



LPT KM235 Menghala ke Kuala Lumpur
- Papan Iklan Dibina Tanpa Kelulusan
Permit Struktur dan Lesen Visual
(23.11.2017)

- v. Mengikut pegiraan Audit, anggaran hasil permit struktur dan lesen visual yang boleh dikutip oleh MPK bagi 39 papan iklan di sekitar Kuantan dan 73 papan iklan di sepanjang LPT1 sekiranya ia diluluskan adalah berjumlah RM358,400 setahun. Ia berdasarkan saiz purata setiap papan iklan adalah 10' x 40' dan kadar minimum bayaran permit struktur adalah berjumlah RM200 bagi setiap papan iklan. Manakala bayaran lesen visual adalah berjumlah RM3,000 bagi setiap papan iklan. Anggaran

hasil permit struktur dan lesen visual yang tidak dikutip pada tahun 2017 mengikut pegiraan Jabatan Audit Negara adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.9
BAYARAN PERMIT STRUKTUR DAN LESEN VISUAL
PADA TAHUN 2017 MENGIKUT PERKIRAAN JABATAN AUDIT NEGARA

LOKASI	BILANGAN PAPAN IKLAN TIDAK MENDAPAT KELULUSAN	BAYARAN PERMIT STRUKTUR DAN LESEN VISUAL (RM)	HASIL YANG TIDAK DIKUTIP (RM)
Sekitar Kuantan	39	3,200	124,800
KM245 hingga KM188 menghala ke Kuala Lumpur	73	3,200	233,600
KM178 hingga KM242 menghala ke Terengganu			
JUMLAH	112		358,400

Sumber: MPK dan Jabatan Audit Negara

- vi. Perkara ini berlaku disebabkan tindakan pemantauan dan penguatkuasaan tidak dilaksanakan secara berkesan. Selain itu, tiada perancangan khusus disediakan oleh MPK bagi memantau pembinaan papan iklan tanpa kelulusan. MPK juga masih belum melaksanakan tindakan undang-undang sepenuhnya berdasarkan undang-undang sedia ada terhadap pemilik papan iklan seperti merobohkan papan iklan yang tiada kelulusan. Hal ini mengakibatkan MPK boleh kehilangan hasil sejumlah RM358,400 setahun dan keselamatan orang awam tidak terjamin sekiranya struktur berkenaan runtuh.

Maklum Balas MPK yang Diterima pada 20 Februari 2018

MPK mengadakan operasi roboh sebanyak dua (2) kali setahun secara bersepadu di mana tumpuan operasi adalah kepada papan iklan. Cadangan penambahbaikan dengan mengadakan operasi pemutihan terhadap kesemua pemilik struktur papan iklan yang tidak mematuhi syarat mulai Januari 2018.

Pada pendapat Audit, penguatkuasaan MPK terhadap papan iklan yang didirikan tanpa kelulusan adalah tidak cekap kerana tindakan undang-undang tidak dikenakan kepada pemilik papan iklan yang mendirikan secara haram.

b. Insurans Tanggungan Awam Bagi Papan Iklan Tidak Disediakan

- i. Garis Panduan MPK untuk pemasangan *Minipole* dan *Unipole* menyatakan Insurans Tanggungan Awam sebanyak RM500,000 bagi

seunit *minipole* dan RM1.0 juta bagi seunit *unipole* hendaklah disediakan untuk mana-mana satu (1) kemalangan dan yang tidak terhad kepada mana-mana tempoh masa *indemnity*. Insurans hendaklah diperbaharui setiap tahun dan salinan polisi insurans serta bukti pembayaran premium mestilah diserahkan kepada Bahagian Pelesenan. Manakala Garis Panduan MPK bagi pemasangan papan iklan pula menyatakan Insurans Tanggungan Awam untuk papan iklan hendaklah diambil sejumlah RM100,000 bagi seunit papan iklan untuk mana-mana satu (1) kemalangan dan yang tidak terhad kepada mana-mana tempoh masa *indemnity*. Insurans hendaklah diperbaharui setiap tahun dan salinan polisi insurans serta bukti pembayaran premium mestilah diserahkan kepada Bahagian Bangunan. Selain itu, salinan polisi insurans perlu diserahkan kepada Bahagian Pelesenan dan Bahagian Bangunan semasa permohonan dikemukakan ke bahagian berkenaan.


- ii. Semakan Audit terhadap fail permohonan dan kelulusan bagi 112 papan iklan mendapati sebanyak 82 papan iklan tidak dilindungi oleh Insurans Tanggungan Awam. Pihak Audit juga dimaklumkan oleh pegawai MPK bahawa tiada sebarang tuntutan insurans kemalangan daripada orang awam kepada MPK. Tanpa Insurans Tanggungan Awam, tiada jaminan perlindungan liabiliti kepada pihak ketiga untuk membayar pampasan sekiranya berlaku kemalangan yang berpunca daripada papan iklan tersebut. Antara contoh papan iklan yang tiada salinan polisi Insurans Tanggungan Awam sehingga tahun 2017 adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 2.10
ANTARA PAPAN IKLAN TIDAK MEMPUNYAI
INSURANS TANGGUNGAN AWAM SEHINGGA TAHUN 2017

BIL.	KOD TAPAK	NO. PENDAFTARAN SYARIKAT	TEMPOH TIADA INSURANS TANGGUNGAN AWAM (Tahun)
1.	M6	234295-A	2015- 2017
2.	J12	123958M	2015 - 2017
3.	J7	234295-A	2015 - 2017
4.	M1	489475-U	2015 - 2017
5.	M18	123958M	2015 - 2017
6.	M19	147062P	2015 - 2017
7.	J3	452517-T	2015 - 2017
8.	J4	452517-T	2015 - 2017
9.	U23	724665K	2015 - 2017
10.	U24	147062P	2015 - 2017

Sumber: MPK

GAMBAR 2.13



Jalan Sungai Lembing
- Papan Iklan Tidak Dilindungi Insurans
Tanggungjawab Awam
(06.12.2017)

GAMBAR 2.14



Jalan Beserah
- Papan Iklan Tidak Dilindungi Insurans
Tanggungjawab Awam
(06.12.2017)

Maklum Balas MPK yang Diterima pada 20 Februari 2018

MPK telah mengeluarkan surat peringatan bagi mengemukakan insurans tanggungjawab awam terkini bermula tahun 2017. Setiap permohonan papan iklan diwajibkan mengemukakan insurans tanggungjawab awam sebelum sebarang kelulusan permit struktur dikeluarkan.

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap penyediaan Insurans Tanggungjawab Awam bagi papan iklan oleh pelesen adalah tidak cekap kerana pihak Audit mendapati sebanyak 82 papan iklan tidak dilindungi dengan insurans.

c. Permit Struktur Tidak Diperbaharui

- i. Mengikut UUK 20 (1), Undang-undang Kecil Bangunan (Pahang) 1996 menyatakan sebelum sesuatu papan iklan didirikan ia hendaklah mendapatkan kelulusan permit sementara tahunan. Sekiranya pengiklan tidak membayar permit struktur papan iklan, MPK berhak mengarahkan supaya pengiklan merobohkan struktur papan iklan berkenaan.
- ii. Semakan Audit terhadap fail permohonan dan kelulusan bagi 112 papan iklan mendapati sebanyak 60 papan iklan tidak diperbaharui permit struktur tahunan dari tahun 2015 hingga 2017. Pihak Audit juga mendapati tiada tindakan oleh MPK bagi merobohkan struktur papan iklan yang tidak diperbaharui permit struktur papan iklan tahunan. Perkara ini disebabkan pemantauan dan penguatkuasaan yang tidak dilaksanakan dan menyebabkan MPK tidak dapat mengutip sejumlah RM48,000. Antara contoh papan iklan yang tidak diperbaharui permit struktur adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 2.11
ANTARA PERMIT STRUKTUR PAPAN IKLAN
TIDAK DIPERBAHARUI BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA 2017

BIL.	KOD TAPAK	NO. PENDAFTARAN SYARIKAT	SAIZ PAPAN IKLAN	TAHUN TERAKHIR BAYARAN PERMIT	KADAR BAYARAN (RM)			JUMLAH TUNGGAKAN BAYARAN PERMIT (RM)
					2015	2016*	2017*	
1.	U2	12695 P	20' x 80'	2012	100	800	800	1,700
2.	U4	508930-W	60' x 40'	2012	100	800	800	1,700
3.	U6	123958M	20' x 80'	TM	100	800	800	1,700
4.	U8	444585V	20' x 60'	TM	75	600	600	1,275
5.	U10	477798-P	60' x 40'	TM	100	800	800	1,700
6.	U11	477798-P	60' x 40'	TM	100	800	800	1,700
7.	U24	147062P	30' x 60'	TM	100	800	800	1,700
8.	M4	1024359-X	30' x 40'	TM	75	600	600	1,275
9.	M5	234295-A	20' x 40'	TM	75	600	600	1,275
10.	M6	234295-A	10' x 40'	TM	75	600	600	1,275
11.	M7	774705T	40' x 30'	2014	75	600	600	1,275
12.	M11	Akta Parlimen688	20' x 40'	TM	75	600	600	1,275
13.	M19	147062P	25' x 50'	TM	75	600	600	1,275
14.	M25	109563X	20' x 40'	TM	75	600	600	1,275
15.	M26	109563X	20' x 40'	TM	75	600	600	1,275

Sumber: MPK

Nota: TM – Tiada Maklumat


* – Kadar Bayaran Adalah Berdasarkan Kelulusan Kadar Baru Melalui Mesyuarat Pengurusan Bil. 8/2015

GAMBAR 2.15



Taman Pelindung Bayu
 - Papan Iklan (U2) Tidak Diperbaharui
 Permit Struktur
 (04.12.2017)

GAMBAR 2.16



Jalan Tun Ismail
 - Papan Iklan (M19) Tidak Diperbaharui
 Permit Struktur
 (07.12.2017)

Maklum Balas MPK yang Diterima pada 20 Februari 2018

Mulai tahun 2018, MPK mengeluarkan notis peringatan kepada pemilik struktur untuk menjelaskan tunggakan bayaran permit struktur tersebut. Sehubungan itu, dua (2) pengiklan telah menjelaskan bayaran tunggakan permit struktur. Selain itu, notis arahan untuk merobohkan struktur dikeluarkan sekiranya pemilik struktur gagal menjelaskan tunggakan bayaran permit struktur.

Pada pendapat Audit, kelemahan pengurusan terhadap pembaharuan 60 permit struktur tahunan bagi papan iklan menyebabkan MPK tidak dapat mengutip hasil sejumlah RM48,000.

d. Maklumat Kelulusan Tidak Dicatat pada Papan Iklan

- i. Mengikut syarat kelulusan struktur/kerangka binaan papan iklan yang dikeluarkan oleh Bahagian Bangunan, pengiklan dikehendaki mencatatkan nombor rujukan fail pelan struktur di bahagian bawah papan iklan. Garis Panduan MPK juga menyatakan pengiklan perlu menyediakan ruangan khas berukuran 2' x 1' untuk tujuan melekat stiker maklumat pengiklan dan kod tapak papan iklan. Selain itu, pengiklan juga dikenakan bayaran stiker tapak papan iklan sebanyak RM50 di Bahagian Pembangunan Lestari semasa kelulusan dasar diperoleh dan stiker lesen visual sebanyak RM2 di Bahagian Pelesenan. Perkara ini bertujuan bagi memastikan tindakan kawalan dan pemantauan yang efektif dapat dilaksanakan terhadap papan iklan yang didirikan.
- ii. Lawatan Audit ke 90 lokasi papan iklan bersama pegawai MPK di sekitar Kuantan pada bulan Disember 2017 mendapati sebanyak 40 papan iklan tidak mematuhi syarat dengan tidak mencatatkan nombor rujukan fail pelan struktur pada papan iklan. Selain itu, tiada ruang yang disediakan untuk melekatkan stiker maklumat pengiklan dan kod papan iklan. Pihak Audit juga mendapati papan iklan tersebut tidak dilekatkan stiker tapak papan iklan dan lesen visual bagi tujuan pemantauan walaupun stiker berkenaan telah dibekalkan dan dibayar oleh pengiklan sejumlah RM52 semasa kelulusan kepada pengiklan. Pemeriksaan fizikal selanjutnya mendapati sebanyak empat (4) papan iklan telah dilekatkan stiker yang berbeza dengan maklumat di dalam daftar.
- iii. Perkara ini berlaku disebabkan MPK tidak melaksanakan penguatkuasaan terhadap pengiklan yang tidak mematuhi peraturan tersebut. Ini mengakibatkan pengiklan telah melekatkan stiker yang salah pada papan iklan dan MPK sukar untuk mengenal pasti lokasi sebenar setiap papan iklan yang didirikan.

Maklum Balas MPK yang Diterima pada 20 Februari 2018

Pengiklan telah dimaklumkan semasa Majlis Perjumpaan MPK dengan pengiklan yang telah diadakan pada 22 Disember 2017 untuk mematuhi syarat pemasangan papan iklan dan perjanjian. Mulai tahun 2018, Unit

Pengurusan Papan Iklan bertindak untuk menyeragamkan syarat kelulusan papan iklan bagi ketiga-tiga bahagian.

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap penguatkuasaan syarat kelulusan serta Garis Panduan MPK adalah kurang cekap kerana pengiklan tidak mematuhi syarat yang dinyatakan. Selain itu, ketidaktepatan maklumat dalam daftar menyukarkan MPK mengenal pasti lokasi sebenar setiap papan iklan yang didirikan.

e. Papan Iklan Tanpa Visual

- i. Mengikut Garis Panduan Perancangan Papan Iklan Luar Tahun 2009 dan Garis Panduan MPK tidak dibenarkan paparan kosong pada papan iklan pada setiap masa bagi mengelak pencemaran pandangan. Sekiranya tiada visual yang dipaparkan, pengiklan hendaklah memaparkan mesej sivik yang dibenarkan oleh MPK. Lawatan Audit ke 90 lokasi papan iklan bersama pegawai MPK di sekitar Kuantan pada bulan Disember 2017 mendapati sebanyak 47 papan iklan didirikan tanpa paparan visual serta tidak memaparkan mesej kerajaan seperti yang dinyatakan dalam garis panduan tersebut. Perkara ini disebabkan tiada pemantauan dan penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh MPK bagi memastikan pengiklan mematuhi syarat yang ditetapkan mengakibatkan pencemaran pemandangan. Antara contoh papan iklan yang didirikan tanpa paparan visual adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 2.17



Jalan Tun Ismail
- Tiada Paparan Visual pada Papan Iklan di Jejantas
(07.12.2017)

GAMBAR 2.18



Jalan Pintasan Kuantan
- Tiada Paparan Visual pada Papan Iklan
(11.12.2017)

Maklum Balas MPK yang Diterima pada 20 Februari 2018

Mulai tahun 2018, MPK telah mengeluarkan surat peringatan beserta cakera padat yang mengandungi mesej sivik kepada pemilik struktur untuk dipaparkan pada papan iklan. Selain itu, operasi pemantauan terhadap papan iklan tanpa visual turut dijalankan.

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap penguatkuasaan Garis Panduan MPK adalah kurang cekap kerana terdapat papan iklan yang didirikan tanpa paparan visual dan menjejaskan pemandangan sekitar.

2.7. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan pengurusan hasil papan iklan di masa hadapan, adalah disyorkan supaya Majlis Perbandaran Kuantan mengambil tindakan penambahbaikan terhadap perkara seperti berikut:

2.7.1. meningkatkan kawalan dalaman antara bahagian yang terlibat dalam pengurusan hasil papan iklan seperti menyediakan daftar permohonan dan kelulusan dengan lengkap dan kemas kini serta mengkaji semula proses kerja di MPK bagi permohonan dan kelulusan papan iklan di setiap bahagian;

2.7.2. mengadakan perancangan strategik yang lebih menyeluruh seperti mengeluarkan notis peringatan bayaran tunggakan dan notis memperbaharui sewa tapak dan permit struktur bagi memastikan hasil dapat dikutip dengan optimum supaya tunggakan hasil dapat dikurangkan;

2.7.3. menyemak semula undang-undang dan peraturan serta garis panduan yang diguna pakai supaya mengikut perkembangan semasa dan setiap perubahan yang berkaitan penggunaan kadar bayaran perlu melalui pindaan undang-undang yang ditetapkan; dan

2.7.4. memantapkan pemantauan dan penguatkuasaan secara tetap dan berkala terhadap pengiklan yang tidak mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

3. PENGURUSAN AIR PAHANG BERHAD

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP) ditubuhkan pada 6 Februari 2008 melalui pengkorporatan Jabatan Bekalan Air Pahang. PAIP merupakan syarikat berhad menurut syer dan dimiliki oleh Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang (PSK) dengan pegangan saham sebanyak 99.89% dan bakinya milik Kerajaan Negeri Pahang. Modal dibenarkan berjumlah RM250 juta dan modal berbayar berjumlah RM190.2 juta. Kegiatan Utama Syarikat ialah menjalankan aktiviti perkhidmatan pengurusan pembekalan air. Objektif PAIP adalah meningkatkan kecekapan operasi bekalan air, mematuhi program jaminan kualiti air bersih kebangsaan, membudayakan penyenggaraan pencegahan bagi keseluruhan sistem bekalan air, meningkatkan hasil, memenuhi kepuasan pelanggan dan *stakeholder*, mengukuhkan pengurusan kewangan, mengurangkan kadar air tidak berhasil (NRW), meningkatkan kompetensi personel serta memupuk budaya korporat di dalam organisasi.

3.1.2. Lembaga Pengarah PAIP dianggotai oleh 11 orang Ahli Lembaga Pengarah yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang. Pengurusan PAIP diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan dibantu oleh dua (2) Pengurus Besar Cawangan, 11 Pengurus Bahagian, 11 Pengurus Daerah, tiga (3) Ketua Unit dan 1,633 orang kakitangan. Pengurusan PAIP adalah tertakluk kepada Akta Syarikat 2016, Akta Industri Perkhidmatan Air (AIPA) 2006 (Akta 655), Memorandum dan Artikel Penubuhan (M&A) serta *Standard Operating Procedures* (SOP) syarikat.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai kedudukan kewangan adalah kukuh, amalan tadbir urusnya adalah baik serta pengurusan aktiviti PAIP telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan selaras dengan objektif yang ditetapkan.

3.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek kedudukan kewangan bagi tahun berakhir 31 Mac 2015 hingga 31 Mac 2017 serta amalan tadbir urus dan pengurusan aktiviti bagi tahun 2015 hingga bulan Disember 2017. Bagi pengurusan aktiviti, dua (2) aktiviti telah dipilih untuk

diaudit iaitu pengurusan bekalan air dan pengurusan pengebilan air. Justifikasi aktiviti yang dipilih untuk pengauditan adalah bagi menentukan perkhidmatan bekalan air mencukupi untuk diagihkan kepada pengguna. Manakala pengebilan air melibatkan urus niaga jualan air yang merupakan sumber pendapatan utama PAIP. Pengauditan dijalankan di ibu pejabat PAIP di Kuantan, Pahang dan lawatan Audit ke lapan (8) Loji Rawatan Air (LRA) dan Stor PAIP telah dijalankan.

3.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Penilaian kedudukan kewangan dilaksanakan berdasarkan penyata kewangan PAIP bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2015, 31 Mac 2016 dan 31 Mac 2017 yang telah diaudit dan diberi laporan Tanpa Teguran oleh Tetuan MNZWAJ Associates (MNZWAJA) bagi Penyata kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2015 dan 2016. Manakala bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2017 diberi laporan Tanpa Teguran dengan Pendapat Bersyarat disebabkan juruaudit tidak dapat mengesahkan jumlah baki akhir inventori syarikat. Penilaian ini melibatkan empat (4) analisis iaitu analisis trend pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi, analisis trend aset dan liabiliti, analisis nisbah kewangan dan analisis aliran tunai. Bagi amalan tadbir urus dan pengurusan aktiviti, pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, fail dan dokumen yang dikemukakan oleh pengurusan PAIP. Selain itu, pihak Audit menjalankan analisis terhadap data syarikat dan menemu bual pegawai berkaitan bagi mendapatkan penjelasan lanjut. Pemeriksaan fizikal turut dilakukan bagi menilai pelaksanaan aktiviti yang dijalankan di LRA Sekor di Daerah Pekan, LRA Sg. Bilut dan Sg. Klau di Daerah Raub, LRA Kechau di Daerah Lipis, LRA Bukit Ubi, Panching dan Semambu di Daerah Kuantan, LRA Sepayang di Daerah Rompin serta Stor Cheroh di Daerah Raub.

3.5. RUMUSAN AUDIT

3.5.1. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober 2017 hingga Januari 2018 merumuskan perkara berikut:

a. Kedudukan Kewangan

Kedudukan kewangan PAIP adalah kurang stabil di mana PAIP mencatatkan kerugian sebelum cukai bagi tiga (3) tahun kewangan berturut-turut masing-masing berjumlah RM114.55 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2015, RM108.22 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2016 dan RM103.00 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2017. Tahap kecairan aset semasa berbanding liabiliti semasa pada kadar 0.27:1 bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2017 menunjukkan syarikat kurang berupaya memenuhi obligasi jangka pendek menggunakan sumber

dalamannya. Selain itu, pulangan atas aset juga kurang memuaskan kerana tiada pulangan atas aset bagi tempoh tiga (3) tahun kewangan berturut-turut.

b. Pengurusan Aktiviti

i. Pengurusan Bekalan Air

Secara keseluruhannya, pengurusan bekalan air telah diuruskan dengan kurang cekap di mana prestasi NRW PAIP tidak mencapai sasaran KPI yang ditetapkan bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2015 hingga 31 Mac 2017. Di samping itu juga, peratus pelanggaran parameter bagi Kekeruhan dan Aluminium melebihi tahap QAP KKM setiap tahun.

ii. Pengurusan Pengebilan Air

Secara keseluruhannya, pengurusan pengebilan air telah diuruskan dengan kurang cekap di mana tunggakan hasil air bagi kategori rumah tangga dan perdagangan meningkat setiap tahun.

c. Amalan Tadbir Urus

Secara keseluruhannya amalan tadbir urus PAIP adalah kurang memuaskan kerana *Standard Operating Procedures* (SOP) tidak disediakan dengan lengkap berserta peraturan yang diguna pakai berkaitan urusan dan operasi syarikat serta tidak diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah kecuali Bahagian Kewangan. Selain itu, Rancangan Korporat dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) tidak dibentangkan dan diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah.

3.5.2. Penemuan Audit utama yang perlu diberikan perhatian dan tindakan oleh PAIP adalah seperti berikut:

- i. Kadar Air Tidak Berhasil (NRW) yang tinggi;
- ii. tunggakan hasil air yang tinggi setiap tahun;
- iii. SOP tidak disediakan dengan lengkap dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah kecuali bagi Bahagian Kewangan; dan
- iv. Rancangan Korporat dan KPI tidak dibentangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

3.6. PENEMUAN AUDIT TERPERINCI

Perkara yang ditemui dan maklum balas PAIP telah dibincangkan di dalam *exit conference* pada 5 Mac 2018. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan Audit adalah seperti perenggan berikut:

3.6.1. Kedudukan Kewangan

Analisis terhadap kedudukan kewangan PAIP bagi tahun kewangan 2015, 2016 dan 2017 telah dilaksanakan merangkumi pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi, aset dan liabiliti serta tunai dan kesetaraan tunai seperti jadual berikut:

JADUAL 3.1
KEDUDUKAN KEWANGAN BAGI
TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2015, 2016 DAN 2017

BUTIRAN	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
Pendapatan	135.26	155.43	162.53
Lain-lain Pendapatan	6.43	8.46	10.99
JUMLAH PENDAPATAN	141.69	163.89	173.52
Kos Perolehan	174.67	185.31	184.77
Kos Pentadbiran	74.35	75.74	78.89
Lain-lain Perbelanjaan Operasi dan Korporat	7.13	10.53	12.07
Kos Kewangan	0.09	0.53	0.79
JUMLAH PERBELANJAAN	256.24	272.11	276.52
KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SEBELUM CUKAI	(114.55)	(108.22)	(103.00)
Cukai	-	-	-
KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SELEPAS CUKAI	(114.55)	(108.22)	(103.00)
Pelarasan	-	-	0.23
KERUGIAN TERKUMPUL	(229.47)	(337.69)	(440.46)
JUMLAH ASET	74.88	101.81	109.30
JUMLAH LIABILITI	184.15	269.30	359.56
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI	74.88	101.81	109.30
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	8.39	11.97	20.04

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac 2015, 2016 dan 2017


3.6.1.1. Pendapatan utama PAIP adalah daripada perkhidmatan bekalan air. Di samping itu, PAIP juga menerima pendapatan lain yang terdiri daripada pendapatan pelbagai, sumbangan modal, bayaran perkhidmatan pelbagai, bayaran penyambungan dan lain-lain. Pendapatan utama PAIP bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2017 berjumlah RM162.53 juta meningkat 4.6% berbanding tahun kewangan 2016. Manakala bagi tahun kewangan 2016 meningkat sebanyak 14.9% berbanding tahun kewangan 2015 iaitu dari RM135.26 juta kepada RM155.43 juta. Pendapatan lain PAIP bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2017 sejumlah RM10.99 juta menunjukkan peningkatan sebanyak 29.9% berbanding tahun kewangan 2016. Manakala bagi

tahun kewangan 2016 pula, pendapatan lain meningkat sejumlah 31.6% kepada RM8.46 juta berbanding RM6.43 juta bagi tahun kewangan 2015. Di antara pendapatan lain yang menyumbang kepada peningkatan pada tahun 2017 adalah pendapatan pelbagai iaitu penerimaan geran daripada Kerajaan Negeri untuk pembayaran wang cagaran bekalan elektrik bagi projek di PAIP sejumlah RM2.49 juta. Selain itu, sumbangan modal iaitu caj yang dikenakan kepada pemaju sebagaimana yang ditetapkan di dalam Peraturan-peraturan Industri Perkhidmatan Air (Deposit, Fi dan Caj Perkhidmatan Air) 2014 juga meningkat sejumlah RM465,659. Manakala peningkatan pendapatan lain pada tahun 2016 pula antaranya adalah dijana daripada sumbangan modal sejumlah RM761,218, pembayaran notis sejumlah RM384,282 dan bayaran perkhidmatan pelbagai seperti caj pemotongan, fi retikulasi dan ujian tekanan sejumlah RM278,158. Butiran lanjut pendapatan seperti **Jadual 3.1** dan **Carta 3.1**.


3.6.1.2. Perbelanjaan PAIP terdiri daripada kos perolehan, perbelanjaan pentadbiran, lain-lain perbelanjaan operasi dan korporat serta kos kewangan. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2017, jumlah perbelanjaan sejumlah RM276.52 juta meningkat RM4.4 juta (1.6%) berbanding tahun kewangan 2016. Manakala bagi tahun kewangan 2016, jumlah perbelanjaan meningkat sejumlah RM15.87 juta (6.2%) kepada RM272.11 juta berbanding RM256.24 juta bagi tahun kewangan 2015. Faktor peningkatan perbelanjaan bagi tahun kewangan 2017 adalah peningkatan kos perolehan antaranya terdiri daripada kos elektrik sejumlah RM3.41 juta, pembelian bahan kimia sejumlah RM2.96 juta dan penyenggaraan peralatan kawalan mutu air sejumlah RM292,694. Selain itu, perbelanjaan pentadbiran meningkat 4.17% dan lain-lain perbelanjaan operasi dan korporat juga turut meningkat 14.5% berbanding tahun sebelumnya sejumlah RM4.69 juta. Peningkatan ini antara lainnya adalah disebabkan peningkatan gaji serta upah sejumlah RM1.70 juta, denda dan penalti sejumlah RM1.54 juta dan belanja susut nilai sejumlah RM1.28 juta. Bagi tahun kewangan 2016 pula, antara faktor peningkatan jumlah perbelanjaan adalah disebabkan oleh peningkatan kos perolehan terdiri daripada penyenggaraan peralatan sistem agihan sejumlah RM2.36 juta, penyenggaraan peralatan sistem pengeluaran sejumlah RM2.07 juta dan penyenggaraan peralatan mekanikal sejumlah RM1.71 juta. Selain itu, perbelanjaan seperti perkhidmatan ikhtisas, lesen dan susut nilai juga meningkat masing-masing sejumlah RM2.89 juta, RM2.87 juta dan RM1.48 juta. Butiran lanjut perbelanjaan seperti **Jadual 3.1** dan **Carta 3.1**.

3.6.1.3. Trend pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2015 hingga 31 Mac 2017 dan trend kerugian sebelum cukai serta kerugian terkumpul bagi tiga (3) tahun kewangan yang berkaitan adalah seperti **Jadual 3.1** dan **Carta 3.2**.

CARTA 3.1
TREND PENDAPATAN DAN
PERBELANJAAN BAGI TAHUN
KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC
2015, 2016 DAN 2017



CARTA 3.2
TREND KERUGIAN SEBELUM CUKAI
DAN KERUGIAN TERKUMPUL BAGI
TAHUN KEWANGAN BERAKHIR
31 MAC 2015, 2016 DAN 2017



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac 2015, 2016 dan 2017

3.6.1.4. Analisis Audit terhadap kedudukan aset dan liabiliti syarikat mendapati PAIP tidak mempunyai sumber yang mencukupi bagi memenuhi obligasi kerana liabiliti syarikat melebihi aset bagi tempoh tiga (3) tahun kewangan ini. Komponen terbesar yang menyumbang kepada aset syarikat ialah penghutang perdagangan. Manakala bagi liabiliti adalah pemiutang perdagangan. Tahap kecairan syarikat adalah kurang memuaskan kerana aset semasa kurang daripada liabiliti semasa. Namun, syarikat mampu menjana pendapatan antara RM11.25 hingga RM25.43 bagi setiap ringgit yang dilaburkan dalam aset bukan semasa. Manakala pulangan atas aset adalah kurang memuaskan kerana tiada pulangan atas aset diperoleh bagi tempoh tiga (3) tahun kewangan tersebut.

3.6.1.5. Analisis Audit juga telah dijalankan terhadap aliran tunai syarikat PAIP bagi menilai keupayaan syarikat menjana aliran tunai daripada operasi, pelaburan dan pembiayaan untuk menampung keperluan perbelanjaan syarikat. Pada akhir tahun kewangan 2017, PAIP mempunyai tunai dan kesetaraan tunai berjumlah RM20.40 juta berbanding RM11.87 juta pada akhir tahun kewangan 2016. Antara faktor yang menyumbang kepada aliran tunai positif adalah disebabkan peningkatan dalam pemiutang sejumlah RM99.95 juta dan kerja dalam kemajuan sejumlah RM149,700 serta bantuan amanah sejumlah RM272,891.

Maklum Balas PAIP yang Diterima pada 27 Februari 2018

Prestasi kewangan PAIP bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2015 hingga Mac 2017 berkeadaan tidak stabil disebabkan oleh tarif air yang rendah yang menyebabkan jualan air tidak dapat menampung kos operasi dan pentadbiran PAIP. Walaupun tarif air yang rendah PAIP mencatatkan trend peningkatan jualan air bagi tiga (3) tahun berturut-turut sebanyak 1.5% untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2015, 14.9% untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2016 dan 4.6% bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2017. Bagi kos operasi dan pentadbiran pula tidak termasuk bil TNB, peningkatan kos yang ketara adalah pada tahun kewangan berakhir 31 Mac 2015 yang disebabkan oleh peningkatan kos bahan mentah oleh pembekal. Kos berkenaan walau bagaimanapun turun kepada 10.1% pada tahun kewangan berakhir 31 Mac 2016 dan 0.6% bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2017. Kos bil TNB pula menunjukkan peningkatan yang ketara bagi tahun berakhir 31 Mac 2015 iaitu 19.7% berbanding tahun sebelumnya disebabkan oleh peningkatan tarif eklektik oleh pihak TNB. Kadar baru tarif TNB berkuat kuasa pada 1 Januari 2014. Kos ini kemudiannya turun kepada 0.1% bagi tahun berakhir 31 Mac 2016 dan naik sedikit kepada 3.4% bagi tahun berakhir 31 Mac 2017. Kos bil TNB ini termasuk dengan denda surcay lewat bayar bil yang dikenakan oleh pihak TNB berjumlah 1% daripada baki tunggakan. Jumlah surcay lewat bayar bil yang dikenakan oleh pihak TNB sehingga 31 Ogos 2016 ialah berjumlah RM15.8 juta. Sungguhpun PAIP mengalami kerugian bagi tiga (3) tahun kewangan berturut-turut, PAIP masih mampu menampung kos operasi dan pentadbiran tidak termasuk bil elektrik TNB melalui kutipan daripada jualan air dan bantuan modal daripada pihak Kerajaan Negeri. Berkaitan dengan cadangan untuk meningkatkan tarif air, pihak PAIP bersama dengan SPAN telah memohon kenaikan tarif berkenaan dengan Kerajaan Negeri pada tahun 2015 di mana cadangan peningkatan tarif ini ditangguhkan oleh pihak Kerajaan Negeri. PAIP juga telah menubuhkan Jawatan Kuasa Kajian Tarif di peringkat Lembaga Pengarah dan telah bersidang pada tahun 2016 di mana cadangan pelarasan tarif telah dikemukakan sekali lagi kepada pihak Kerajaan Negeri dan ia sedang menunggu keputusan muktamad daripada mereka.

Pada pendapat Audit, berdasarkan analisis penyata kewangan yang dijalankan, secara keseluruhannya kedudukan kewangan PAIP adalah kurang stabil kerana mengalami kerugian sebelum cukai selama tiga (3) tahun berturut-turut.

3.6.2. Pengurusan Aktiviti

PAIP berperanan bagi membekalkan air bersih yang selamat dan mencukupi kepada pengguna negeri Pahang berdasarkan piawaian *Drinking Water Quality Standard* yang dikeluarkan oleh *World Health Organization* (WHO). Air akan dirawat di loji rawatan air sebelum dibekalkan kepada pengguna. Sehingga bulan Disember 2017, PAIP menguruskan 72 Loji Rawatan Air (LRA). Pengauditan yang dijalankan terhadap pelaksanaan aktiviti syarikat mendapati perkara berikut:

3.6.2.1. Prestasi Output

- i. Semakan Audit terhadap Laporan Pencapaian PAIP bagi tahun 2015 hingga 2017 mendapati *Key Performance Indicator* (KPI) yang telah ditetapkan oleh PAIP bagi sasaran kadar NRW untuk seluruh Negeri Pahang bagi tahun 2015 hingga 2017 masing-masing ialah 49% bagi tahun 2015 dan 47% bagi tahun 2016 dan juga 2017. Pada tahun 2015, 2016 dan 2017, PAIP telah mencatat kadar NRW yang lebih tinggi berbanding sasaran KPI bagi tempoh tersebut iaitu masing-masing 52.8% bagi tahun 2015, 47.9% bagi tahun 2016 dan 47.5% bagi tahun 2017. Laporan Pencapaian tersebut perlu dihantar kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) secara tahunan dan setiap enam (6) bulan sekali. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.2
PENCAPAIAN NRW BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017

AKTIVITI	2015 (%)		2016 (%)		2017 (%)	
	SASAR	CAPAI	SASAR	CAPAI	SASAR	CAPAI
KADAR NRW	49.0	52.8	47.0	47.9	47.0	47.5
JUMLAH	49.0	52.8	47.0	47.9	47.0	47.5

Sumber: PAIP

- ii. Semakan Audit terhadap Laporan Pencapaian tersebut mendapati punca utama kehilangan air terbesar adalah kehilangan fizikal yang mencecah antara 69.0% hingga 74.2% daripada keseluruhan kehilangan sebanyak 604,833,452m³ air bersih. Ia diikuti oleh ketidaktepatan meter pengguna/meter rosak yang mengalami peningkatan daripada 15.4% pada tahun 2015 kepada 26.4% sehingga tahun 2017. Kehilangan isi padu air bagi tahun 2015 hingga Disember 2017 menyebabkan PAIP menanggung kos operasi kesan daripada NRW berjumlah RM423.52 juta.

3.6.2.2. Pengurusan Bekalan Air

a. Rizab Kapasiti Pengeluaran Air yang Tinggi

Bagi memastikan bekalan air terawat adalah mencukupi, kapasiti reka bentuk berbanding dengan pengeluaran air terawat semasa hendaklah mengambil kira margin rizab yang disarankan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) iaitu antara 10% hingga 15%. Semakan Audit terhadap Laporan Pencapaian PAIP tahun 2017 mendapati sehingga bulan Disember, PAIP telah menyediakan 72 LRA yang mempunyai reka bentuk pengeluaran air sebanyak 1,631.28 juta liter sehari bagi memastikan pengeluaran air terawat yang mencukupi untuk penduduk Negeri Pahang. Kapasiti pengeluaran air bagi 72 loji tersebut adalah 1,119.50 juta liter sehari. Sehingga bulan Disember 2017, purata pengeluaran air terawat di 72 LRA adalah 68.6%. Ini menunjukkan PAIP masih mempunyai rizab kapasiti pengeluaran air sebanyak 31.4% dan dapat memenuhi peningkatan permintaan bekalan air. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 3.3
KAPASITI PENGELUARAN LOJI RAWATAN AIR
MENGIKUT DAERAH PADA BULAN DISEMBER 2017

BIL.	DAERAH	BILANGAN LOJI RAWATAN AIR	REKA BENTUK PENGELUARAN (Juta Liter/Hari)	KAPASITI PENGELUARAN (Juta Liter/Hari)	PENGUNAAN LRA (%)
1.	Kuantan	6	534.00	367.36	68.8
2.	Maran	8	122.31	87.34	71.4
3.	Rompin	6	108.89	84.00	77.1
4.	Pekan	7	142.55	86.85	60.9
5.	Cameron Highland	3	34.07	16.56	48.6
6.	Temerloh	5	194.16	159.71	82.3
7.	Bentong	7	125.46	76.61	61.1
8.	Lipis	9	84.48	49.37	58.4
9.	Raub	8	93.2	65.26	70.0
10.	Jerantut	10	115.40	77.84	67.5
11.	Bera	3	70.76	48.60	68.7
JUMLAH		72	1,631.28	1,119.50	68.6

Sumber: PAIP

b. Kadar Air Tidak Berhasil (NRW) yang Tinggi

- i. Air Tidak Berhasil atau *Non Revenue Water* (NRW) adalah jumlah kuantiti air yang telah dirawat dan disalurkan ke dalam sistem bekalan air tetapi tidak memberi pulangan hasil. Secara teknikal, NRW adalah jumlah pengeluaran air terawat yang dibekalkan dan ditolak dengan jumlah penggunaan yang dikeluarkan bil menggunakan meter dan penggunaan yang dikeluarkan bil tanpa meter. Kadar NRW yang rendah menunjukkan kecekapan pengurusan operator pengeluaran air. Berdasarkan Laporan Perbelanjaan Projek Bekalan Air Pahang RMK10

dan RMK11, PAIP telah menerima sejumlah RM74.93 juta bagi Projek NRW secara holistik daripada Kerajaan Negeri Pahang. Daripada jumlah itu, sejumlah RM61.50 juta telah dibelanjakan bagi program NRW tersebut yang hanya melibatkan Daerah Kuantan dan Lipis sahaja. Berdasarkan Laporan Ringkas Projek NRW Pahang, projek NRW di Daerah Kuantan telah siap dilaksanakan dengan penurunan NRW sebanyak 21.7% iaitu melebihi sasaran penurunan 15% yang ditetapkan. Manakala bagi Daerah Lipis pula, projek NRW tidak mencapai sasaran 20% penurunan yang ditetapkan di mana hanya 13.1% yang berjaya diturunkan.

- ii. Semakan Audit terhadap Laporan Pencapaian PAIP bagi tahun 2015 hingga 2017 mendapati *Key Performance Indicator* (KPI) yang telah ditetapkan oleh PAIP bagi sasaran kadar NRW untuk seluruh Negeri Pahang bagi tahun 2015 hingga 2017 masing-masing ialah 49% bagi tahun 2015 dan 47% bagi tahun 2016 dan juga 2017. Pada tahun 2015, 2016 dan 2017, PAIP telah mencatat kadar NRW yang lebih tinggi berbanding sasaran KPI bagi tempoh tersebut iaitu masing-masing 52.8% bagi tahun 2015, 47.9% bagi tahun 2016 dan 47.5% bagi tahun 2017. Laporan Pencapaian tersebut perlu dihantar kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) secara tahunan dan setiap enam (6) bulan sekali. Berdasarkan semakan Audit terhadap Statistik NRW yang dikeluarkan oleh SPAN mendapati kadar NRW PAIP juga lebih tinggi berbanding kadar kebangsaan. Kadar NRW kebangsaan berdasarkan semakan tersebut bagi tahun 2015 ialah 35.5% dan 35.2% bagi tahun 2016. Butiran lanjut seperti di jadual berikut:

**JADUAL 3.4
PENCAPAIAN NRW
BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017**

TAHUN	KADAR NRW (%)		
	KPI		KEBANGSAAN
	SASARAN	PENCAPAIAN	
2015	49.0	52.8	35.5
2016	47.0	47.9	35.2
2017	47.0	47.5	TM

Sumber: PAIP

- iii. Semakan Audit terhadap Laporan Pencapaian tersebut mendapati jumlah kehilangan isi padu air bagi tahun 2015 hingga Disember 2017 ialah di antara 192,658,853m³ hingga 217,602,904m³. Kos operasi yang ditanggung oleh PAIP kesan daripada NRW dari tahun 2015 hingga 2017 berjumlah RM423.52 juta seperti maklumat di jadual berikut:

JADUAL 3.5
KOS KEHILANGAN AIR BERSIH
BAGI TAHUN 2015 HINGGA BULAN DISEMBER 2017

TAHUN KEWANGAN	KOS OPERASI/M ³ (RM)	ISIPADU NRW (M ³)	JUMLAH KOS PENGELUARAN (RM Juta)
2015	0.71	217,602,904	154.50
2016	0.64	194,571,695	124.53
2017	0.75	192,658,853	144.49
JUMLAH		604,833,452	423.52

Sumber: PAIP

- iv. Berdasarkan pecahan komponen Jadual Imbangan yang disediakan di dalam Laporan Pencapaian tersebut, PAIP melaporkan kehilangan air terbahagi kepada tiga (3) kategori iaitu kehilangan fizikal, kehilangan komersial dan penggunaan yang dibenarkan tanpa bil. Kehilangan fizikal ialah kehilangan air secara fizikal seperti pecah dan kebocoran pada sesalur utama, agihan dan retikulasi; kebocoran pada paip perhubungan hingga ke meter pelanggan; serta kebocoran dan limpahan kolam/tangki simpanan. Kehilangan komersial pula terbahagi kepada dua (2) iaitu penggunaan tanpa kebenaran dan ketidaktepatan meter pengguna. Penggunaan tanpa kebenaran meliputi sambungan haram, pengambilan air di *hydrant* tanpa kebenaran dan penggunaan air dari *tempered* meter. Manakala kehilangan air dari ketidaktepatan meter pengguna akibat dari bacaan meter yang tidak tepat/meter rosak dan kesilapan data kawalan. Penggunaan yang dibenarkan tanpa bil terbahagi kepada dua (2) iaitu penggunaan dengan meter tanpa bil dan penggunaan tanpa meter tanpa bil. Penggunaan dengan meter tanpa bil adalah pemberian air secara percuma kepada institusi yang dibenarkan. Manakala penggunaan tanpa meter tanpa bil adalah bagi kegunaan semasa kebakaran, kegunaan kerja amal dan penghantaran air menggunakan *tanker* secara percuma semasa berlaku krisis/bencana dan aktiviti *scouring* dan *flushing* PAIP.
- v. Semakan Audit terhadap Laporan Pencapaian tersebut juga mendapati punca utama kehilangan air terbesar adalah kehilangan fizikal yang mencecah antara 69.0% hingga 74.2% daripada keseluruhan kehilangan sebanyak 604,833,452m³ air bersih. Ia diikuti oleh ketidaktepatan meter pengguna/meter rosak yang mengalami peningkatan daripada 15.4% pada tahun 2015 kepada 26.4% sehingga tahun 2017. Maklumat kehilangan air PAIP bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017 mengikut kategori adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 3.6
KEHILANGAN AIR BERSIH BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017

KATEGORI	2015		2016		2017		CATATAN
	ISIPADU/M ³	(%)	ISIPADU/M ³	(%)	ISIPADU/M ³	(%)	
Kehilangan Fizikal	161,431,375	74.2	134,266,441	69.0	132,924,072	69.0	Kerosakan/kebocoran paip.
Kehilangan Komersial	33,439,356	15.4	50,017,170	25.7	50,778,617	26.4	Ketidaktepatan meter pengguna/meter rosak.
	10,666,001	4.9	2,236,540	1.2	2,026,282	1.0	Penggunaan tanpa kebenaran.
Penggunaan Dibenarkan Tanpa Bil	7,495,028	3.4	3,578,464	1.8	3,282,576	1.7	Penggunaan dengan meter tanpa bil.
	4,571,144	2.1	4,473,080	2.3	3,647,307	1.9	Penggunaan tanpa meter tanpa bil.
JUMLAH	217,602,904	100	194,571,695	100	192,658,853	100	

Sumber: PAIP

- vi. Semakan Audit terhadap Laporan Pencapaian PAIP juga mendapati kos operasi bagi setiap m³ air yang dikeluarkan bagi tahun 2015 sehingga 2017 adalah di antara RM0.64 hingga RM0.75. Kos operasi tersebut melebihi tarif minimum air yang dikenakan. Berdasarkan Enakmen Bekalan Air, Warta Kerajaan Negeri Pahang yang berkuat kuasa mulai 20 Januari 1983, tarif minimum air ialah RM0.37 bagi setiap penggunaan 18m³ air yang pertama bagi pengguna kategori rumah tangga. Ini menunjukkan bagi tahun 2015 sehingga 2017, PAIP menanggung kerugian antara RM0.27 hingga RM0.38 bagi setiap pembekalan 18m³ air yang pertama kepada pengguna kategori rumah tangga. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.7
KOS OPERASI PAIP BERBANDING
TARIF MINIMUM AIR BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017

TAHUN	KOS OPERASI/M ³ (RM) (a)	TARIF MINIMUM AIR (RM) (b)	PERBEZAAN (RM) (a-b)
2015	0.71	0.37	-0.34
2016	0.64	0.37	-0.27
2017	0.75	0.37	-0.38

Sumber: PAIP

Maklum Balas PAIP yang Diterima pada 27 Februari 2018

Kegagalan PAIP mencapai KPI bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 kepada 47% dan KPI NRW kebangsaan kepada 35.2% adalah disebabkan ketiadaan program penurunan yang menyeluruh bagi Negeri Pahang. Hanya dua (2) daerah iaitu Kuantan dan Lipis mendapat peruntukan daripada Kementerian Tenaga Hijau dan Air (KETTHA) bagi melaksanakan program NRW secara holistik. Dengan pelaksanaan dua (2) projek ini NRW Negeri Pahang daripada 55% kepada 47.5% tahun 2017. Pada tahun 2018 pihak KETTHA telah meluluskan program NRW Pendekatan 1 Perintis yang

melibatkan sembilan (9) daerah di Negeri Pahang tidak termasuk Daerah Kuantan dan Lipis yang melibatkan skop seperti penggantian meter-meter rosak dan usang, kerja-kerja pembaikan tangki, penukaran meter-meter System Input Volume (SIV) dan menaik taraf sistem Geographic Information System (GIS). Dengan pelaksanaan program ini, dijangkakan peratusan kadar NRW dapat diturunkan lagi antara 2% ke 5% daripada peratusan NRW Negeri Pahang. Program-program penurunan kadar NRW memerlukan perbelanjaan yang tinggi. Keadaan kewangan PAIP tidak membolehkan program-program ini dilaksanakan secara menyeluruh. Keadaan kewangan PAIP disebabkan kadar tarif yang rendah dan telah tidak dinaikkan sejak tahun 1983. Kos pengeluaran air bersih di loji adalah lebih kurang RM0.70 per meter padu tetapi sekiranya mengambil kos NRW kos per meter padu air yang di bil meningkat kepada RM1.25 sedangkan kadar jualan kepada pengguna adalah RM0.37 per meter padu (tarif minimum kategori rumah tangga).

Pada pendapat Audit, prestasi NRW PAIP bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 adalah kurang cekap kerana tidak mencapai sasaran KPI yang ditetapkan. Peratus NRW PAIP juga jauh lebih tinggi daripada kadar NRW Kebangsaan.

c. Pelanggaran Parameter Kualiti Air Terawat

- i. Antara objektif PAIP adalah mematuhi program jaminan kualiti air bersih kebangsaan. Bagi membekalkan air terawat yang berkualiti dan selamat, PAIP perlu mematuhi Standard Kualiti Air Minum Kebangsaan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Ujian persampelan dijalankan oleh Unit Kawalan Mutu Air Minum (KMAM), Jabatan Kesihatan Negeri Pahang di *basic station* iaitu muka sauk loji rawatan air, *treatment plant outlet* (TPO) dan *service reservoir outlet* (SRO) serta di sistem agihan. Manakala di bawah Quality Assurance Program (QAP), lima (5) parameter pematuhan ditetapkan iaitu bagi *E.coli* & Baki Klorin, *E.coli*, Kekeruhan, Baki Klorin dan Aluminium. Berdasarkan Standard Kualiti Air yang ditetapkan oleh KKM di bawah QAP, bagi parameter kekeruhan, ketidakpatuhan wujud apabila bacaan melebihi 5 NTU. Bagi aluminium, bacaan tidak boleh melebihi 0.2. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.8
STANDARD YANG DITETAPKAN OLEH KEMENTERIAN
KESIHATAN MALAYSIA DI BAWAH *QUALITY ASSURANCE PROGRAM*

BIL.	PARAMETER	STANDARD QAP TAHUN 2015 & 2016 (% Ketidakpatuhan)	STANDARD QAP TAHUN 2017 (% Ketidakpatuhan)	STANDARD KUALITI AIR (mg/l)
1.	Kekeruhan	< 2.00	< 2.00	5 NTU
2.	Aluminium	< 10.20	< 10.20	0.2

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia

Nota: NTU – *Nephelometric Turbidity Unit*

- ii. Berdasarkan Laporan Pencapaian PAIP bagi tahun 2017, PAIP mempunyai 566 lokasi pengujian (*Sampling Point Location*) terdiri daripada 77 muka sawi loji rawatan air, 79 *Treatment Plant Outlet* (TPO), 116 *Service Reservoir Outlet* (SRO) dan 294 sistem agihan. Kualiti air dipantau oleh KKM dengan menjalankan ujian di lokasi pengujian. Semakan Audit telah dijalankan terhadap Laporan Pencapaian Pematuhan Kualiti Air Terawat Bagi Program *Quality Assurance Programme* (QAP) yang dikeluarkan oleh KKM bagi tahun 2015 hingga 2017.
- iii. Berdasarkan laporan tersebut, bagi keseluruhan sampel yang diuji didapati:
 - a. Pelanggaran parameter Kekeruhan pada tahun 2015 pula adalah sebanyak 488 kes dan menunjukkan penurunan pada tahun 2016 kepada 316 kes dan pada tahun 2017, bilangan kes menunjukkan sedikit peningkatan kepada 332 kes. Peratus pelanggaran parameter Kekeruhan pada tahun 2015 hingga 2017 tersebut adalah melebihi tahap QAP KKM.
 - b. Pelanggaran parameter Aluminium pada tahun 2015 pula adalah sebanyak 498 kes dan menunjukkan penurunan pada tahun 2016 kepada 468 kes dan pada tahun 2017, bilangan pelanggaran menurun lagi kepada 361 kes. Peratus pelanggaran parameter Aluminium pada tahun 2015 hingga 2017 tersebut adalah melebihi tahap QAP KKM.
 - c. Jumlah pelanggaran yang tertinggi dari tahun 2015 hingga 2017 adalah pelanggaran parameter Aluminium iaitu sebanyak 1,327 kes diikuti dengan Kekeruhan sebanyak 1,136 kes. Pencapaian ujian sampel air terawat yang dijalankan oleh KKM secara bulanan bagi tahun 2015 hingga 2017 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.9
JUMLAH PELANGGARAN PARAMETER
KUALITI AIR TERAWAT BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017

PARAMETER	TAHUN SAMPEL									JUMLAH
	2015			2016			2017			
	BIL. DIUJI	KETIDAKPATUHAN		BIL. DIUJI	KETIDAKPATUHAN		BIL. DIUJI	KETIDAKPATUHAN		
		(Bil.)	(%)		(Bil.)	(%)		(Bil.)	(%)	
Kekeruhan	12,509	488	3.90	12,409	316	2.55	12,330	332	2.69	1,136
Aluminium	2,780	498	17.91	2,756	468	16.98	2,158	361	16.73	1,327

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia

- iv. Berdasarkan Laporan Pencapaian PAIP, punca pelanggaran yang tinggi bagi parameter Kekeruhan antaranya adalah disebabkan penerokaan tanah, perlombongan, pembalakan dan perladangan di hulu sungai serta pelepasan tidak berjadual daripada empangan-empangan di bawah kawalan agensi lain. Perubahan kekeruhan air mentah secara mendadak telah menyebabkan proses rawatan air terganggu apabila *dosing* koagulan sukar untuk dilaraskan secara konsisten akibat ketidakstabilan bacaan kekeruhan.
- v. Pelarasan *dosing* dibuat secara reaktif dan keberkesanan rawatan terlewat sehingga mengganggu kualiti air terawat. Selain itu, kehadiran semula jadi logam-logam seperti aluminium, ferum dan manganese yang tinggi di dalam air mentah akibat kerja-kerja tanah di hulu sungai dan air berwarna akibat pelepasan air dari empangan telah mengganggu proses rawatan air sedia ada. Kemerosotan terhadap kualiti air mentah terutamanya bagi parameter kekeruhan (bacaan melebihi 1000 NTU) yang tidak mampu dirawat oleh loji-loji rawatan air sering kali berlaku.
- vi. Semakan Audit terhadap Laporan Penutupan Operasi Loji PAIP mendapati pada tahun 2017 sebanyak 323 kali loji rawatan air terpaksa dihenti tugas yang melibatkan tempoh selama 1,988.50 jam akibat kekeruhan air mentah yang tinggi.

Maklum Balas PAIP yang Diterima pada 27 Februari 2018

Antara faktor-faktor yang menyumbang kepada pelanggaran QAP adalah seperti peningkatan kekeruhan air mentah yang melebihi bacaan 1000 NTU dan tidak dapat dirawat dengan berkesan oleh loji-loji rawatan konvensional dan dynasand/kompak sedia ada, perubahan kekeruhan air mentah secara mendadak yang menyebabkan proses rawatan air menjadi tidak stabil dan terganggu kerana dosing koagulan sukar untuk dilaraskan secara konsisten akibat ketidakstabilan bacaan kekeruhan, kehadiran semula jadi logam-logam seperti aluminium, ferum dan manganese

yang tinggi di dalam air mentah akibat kerja-kerja tanah di hulu sungai dan air berwarna akibat pelepasan air dari empangan dan sistem perpaipan yang sedia ada telah uzur/berusia menyebabkan berlakunya kebocoran dan paip pecah secara kerap sekali gus menjejaskan parameter QAP bagi kekeruhan. Antara langkah-langkah penambahbaikan yang telah diambil oleh bagi meningkatkan pencapaian QAP adalah seperti meneruskan aktiviti menaiktaraf loji-loji rawatan air bagi meningkatkan kuantiti dan kualiti air, pembinaan Sabo Dam oleh KETTHA bagi menangani masalah kekeruhan air mentah yang terlalu tinggi di muka sauk Loji Rawatan Air Sungai Bilut, menutup operasi loji-loji kecil yang tidak efisien dalam rawatan air dan sering kali melanggar parameter QAP, mengadakan kursus berkaitan rawatan air bagi meningkatkan tahap kemahiran dan kompetensi staf, mengadakan program water task group bagi menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi di loji rawatan air, menjalankan program penyelenggaraan berkala secara berterusan ke atas komponen-komponen loji yang bermasalah, menjalankan kajian semula terhadap berkeberkesanan penggunaan koagulan di loji-loji yang bermasalah, mengadakan audit dalaman loji secara berterusan dan menjalankan kerja-kerja pencucian tangki-tangki servis dan aktiviti flushing/scouring dengan memberi tumpuan kepada stesen yang kerap kali melanggar parameter QAP.

Pada pendapat Audit, langkah-langkah yang diambil oleh PAIP masih kurang berkesan kerana peratus pelanggaran parameter bagi Kekeruhan dan Aluminium melebihi tahap QAP KKM pada setiap tahun.

3.6.2.3. Pengurusan Pengebilan Air

Pengurusan Hasil Air merangkumi proses pengeluaran bil, kutipan hasil dan pengendalian tunggakan. PAIP mengeluarkan bil secara bulanan melalui tiga (3) jenis bacaan meter sama ada secara normal (N - Bacaan Sebenar), anggaran (E – Meter Tidak Boleh Dibaca) atau purata (A – Meter Rosak). Pembayaran bil boleh dibuat di 13 pejabat cawangan PAIP, pusat bayaran bil setempat, bayaran secara *online*, *mobile banking* dan *Elektronik Data Capture Terminal*. Semakan Audit terhadap pengurusan hasil air mendapati perkara berikut:

a. Prestasi Pengeluaran Bil

- i. Jumlah bil air yang dikeluarkan meningkat daripada 4,722,649 pada tahun 2015 kepada 4,947,573 pada tahun 2017. Manakala bil yang tidak dapat dikeluarkan mencatatkan penurunan sebanyak 3,985 (70.9%) daripada 5,618 pada tahun 2015 kepada 1,633 pada tahun 2016 dan

meningkat semula sebanyak 1,866 (114.3%) kepada 3,499 pada tahun 2017. Maklumat pengeluaran bil bagi tahun 2015 hingga 2017 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 3.10
PENGELUARAN BIL BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017

TAHUN	BIL SEPATUT DIKELUARKAN (Bil.)	BIL DIKELUARKAN			BIL TIDAK DIKELUARKAN	
		BIL NORMAL (Bil.)	BIL ANGGARAN (Bil.)	BIL PURATA (Bil.)	(Bil.)	(%)
2015	4,728,267	3,885,567	286,147	550,935	5,618	0.1
2016	4,841,201	4,333,284	202,323	303,961	1,633	*
2017	4,951,072	4,473,944	209,545	264,084	3,499	*
JUMLAH	14,520,540	12,692,795	698,015	1,118,980	10,750	0.1*

Sumber: Sistem eWater PAIP

Nota: * - Kurang dari 0.1%

- ii. Bil normal dikeluarkan berdasarkan bacaan sebenar pada meter yang berfungsi secara normal. Bil anggaran dibuat apabila bacaan normal tidak dapat dilaksanakan seperti cuaca buruk, pagar berkunci, dial meter kotor, gangguan/halangan, meter tak dijumpai, masalah haiwan dan meter tertimbus. Manakala bil purata dikeluarkan apabila berlaku kerosakan meter di mana bacaan dibuat berdasarkan purata tiga (3) bulan bacaan meter terdahulu. PAIP mengklasifikasikan bil tidak dikeluarkan berdasarkan status akaun iaitu sambungan semula, akaun tukar penghuni, akaun sambungan baru, akaun potong bekalan, akaun tutup ferul dan akaun potong (penguatkuasaan). Semakan Audit terhadap Laporan Analisa Bacaan Meter bagi seluruh Negeri Pahang mendapati pengeluaran bil normal meningkat setiap tahun daripada 3,885,567 bagi tahun 2015 kepada 4,473,944 bagi tahun 2017. Manakala pengeluaran bil anggaran menunjukkan penurunan sebanyak 83,824 (29.3%) daripada 286,147 bagi tahun 2015 kepada 202,323 pada tahun 2016 dan meningkat semula sebanyak 7,222 (3.6%) kepada 209,545 pada tahun 2017. Bil purata pula menunjukkan penurunan setiap tahun daripada 550,935 pada tahun 2015 kepada 264,084 pada tahun 2017.
- iii. Lawatan Audit pada 18 dan 20 Disember 2017 ke 13 premis pengguna mendapati punca bil dikeluarkan secara anggaran adalah kerana meter hilang, meter tidak dijumpai, meter berada dalam pagar berkunci, meter tertimbus dan nombor siri meter di lokasi tidak sama dengan di sistem eWater PAIP. Butiran lanjut meter yang dibaca secara anggaran adalah seperti di jadual dan gambar-gambar berikut.

JADUAL 3.11
CONTOH METER YANG DIBACA SECARA ANGGARAN

BIL.	NO. SIRI METER	ALAMAT	PERKARA	TARIKH LAWATAN
1.	110621883	Lorong IM 16/1, Taman Sri Perdana	Meter Dalam Pagar Berkunci	18 Disember 2017
2.	110621884			
3.	110621890			
4.	110621082	Jalan Air Putih, Taman Harapan	Meter Dalam Pagar Berkunci	20 Disember 2017
5.	1208010721	Jalan Haji Abdul Aziz	Meter Hilang	20 Disember 2017
6.	09014168	Jalan Tanah Putih Baru		
7.	558861	Loji Rawatan Kumbahan Balok Baru		
8.	080734351	Pusat Rekreasi MPK, Pantai Balok	No. Siri Meter Tidak Sama Dengan Di Sistem <i>eWater</i>	20 Disember 2017
9.	09014638			
10.	09003721			
11.	05A09050	Tandas Awam Balok	Meter Tidak Dijumpai	20 Disember 2017
12.	B00010445	Kg Balok		
13.	5569	Batu 5, Jalan Gambang	Meter Tertimbus	20 Disember 2017

Sumber: Sistem *eWater* PAIP

GAMBAR 3.1



Jalan Tanah Putih Baru 15
- Meter Hilang
(20.12.2017)

GAMBAR 3.2




Tandas Awam Balok
- Meter Tidak Dijumpai
(20.12.2017)

GAMBAR 3.3



Jalan Air Putih, Taman Harapan
- Meter di Dalam Pagar Berkunci
(20.12.2017)

GAMBAR 3.4



Batu 5, Jalan Gambang
- Meter Tertimbus
(20.12.2017)

- iv. Semakan Audit terhadap Laporan Kerosakan Meter mendapati setakat bulan Disember 2017, terdapat sebanyak 26,335 meter yang rosak di seluruh Negeri Pahang dan bacaan bagi meter yang rosak dibuat dengan

menggunakan bil purata. Pihak PAIP memaklumkan meter-meter tersebut belum ditukar disebabkan oleh kekangan kewangan dan keutamaan penukaran meter akan dibuat berdasarkan aduan yang diterima. Maklumat lanjut kerosakan meter berdasarkan usia iaitu kurang dari satu (1) tahun hingga melebihi sepuluh tahun adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 3.12
KEROSAKAN METER BERDASARKAN USIA
SEHINGGA BULAN DISEMBER 2017

BIL.	USIA	BILANGAN
1.	< 1 Tahun	1,393
2.	1 – 5 Tahun	12,165
3.	6 – 10 Tahun	5,617
4.	> 10 Tahun	7,160
JUMLAH		26,335

Sumber: Sistem eWater

Pada pendapat Audit, prestasi pengeluaran bil adalah cekap dan berkesan kerana pengeluaran bil normal bagi tahun 2015 hingga tahun 2017 meningkat setiap tahun manakala pengeluaran bil anggaran dan bil purata pula menunjukkan penurunan setiap tahun.

b. Pengurusan Tunggakan Hasil Air

Seksyen 88 dan 89 AIPA 2006 menetapkan bayaran bekalan air perlu dibuat dalam masa 30 hari dari tarikh penyerahan bil. Pengguna yang gagal membuat bayaran akan diberi notis bertulis dan selepas 14 hari tindakan pemotongan bekalan akan dibuat. Sekiranya tunggakan tidak dapat diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan, Bahagian Pengurusan Hasil akan merujuk kepada Bahagian Undang-undang untuk tindakan. Tunggakan hasil air terdiri dari akaun aktif dan akaun tidak aktif. Akaun aktif adalah akaun pengguna yang masih menerima bekalan air. Akaun ini termasuk akaun *main meter* dan *hydrant meter* yang tidak dapat dibuat pemotongan air. Manakala akaun tidak aktif adalah akaun pengguna yang telah dihentikan bekalan air selepas pemotongan dibuat.

i. Tunggakan Hasil Air yang Tinggi

- Pada tahun 2017, tunggakan hasil air PAIP berjumlah RM36.93 juta merangkumi akaun aktif dan tidak aktif. Analisis Audit mendapati ia menurun sebanyak RM94,938 atau 0.3% berbanding RM37.02 juta pada tahun 2016. Manakala peningkatan pada tahun 2016 adalah sejumlah RM1.21 juta atau 3.4% berbanding RM35.81 juta pada

tahun 2015. Bagaimanapun, tunggakan hasil air bagi akaun aktif menunjukkan trend penurunan setiap tahun berbanding akaun tidak aktif. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 3.13
TUNGGAKAN HASIL AIR DARI TAHUN
2015 HINGGA BULAN DISEMBER 2017

TAHUN	AKAUN AKTIF (RM Juta)	AKAUN TIDAK AKTIF (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
2015	13.49	22.32	35.81
2016	12.72	24.30	37.02
2017	12.09	24.84	36.93

Sumber: Sistem eWater

- PAIP mengeluarkan bil berdasarkan jenis bacaan meter mengikut tarif yang ditetapkan seperti rumah tangga (kod A), perdagangan (kod B), rumah ibadat dan amal (kod D), masjid dan surau (Kod E), industri (kod J) dan bangunan Kerajaan (kod K). Semakan Audit mendapati tunggakan hasil air yang paling tinggi bagi tahun 2015 hingga 2017 ialah dari kategori rumah tangga iaitu antara 47.4% hingga 51.9%. Manakala kategori kedua tertinggi tunggakan hasil air ialah perdagangan iaitu antara 40.0% hingga 43.8%. Manakala terdapat juga penggunaan yang tidak dikenakan bayaran penggunaan air iaitu rumah ibadat dan amal bekalan percuma (kod D1) dan masjid dan surau bekalan percuma (kod E1). Maklumat tunggakan hasil air berdasarkan tarif bagi tahun 2015 hingga 2017 adalah seperti jadual berikut.

JADUAL 3.14
TUNGGAKAN HASIL AIR BERDASARKAN
TARIF BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017

JENIS BACAAN	KOD TARIF	TAHUN					
		2015		2016		2017	
		(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
Rumahtangga	A	16.99	47.4	19.06	51.5	19.18	51.9
Perdagangan	C	15.64	40.0	15.95	43.1	16.16	43.8
Bekalan Secara Banyak Ke Kompleks-Kompleks Tentera, Perkhidmatan Sukarela, Asrama, Rumah Pangsa, Kondominium, Rumah Sakit, Bangunan Pejabat Kerajaan dan Padang Stadium Darul Makmur	K	1.23	3.4	1.20	3.2	0.95	2.6
Industri Terletak Di Kawasan Industri Yang Diluluskan Kerajaan	J	1.09	3.0	0.64	1.7	0.47	1.3
Masjid dan Surau	E0	0.06	0.2	0.06	0.2	0.07	0.2
Masjid dan Surau Bekalan Percuma	E1	0.61	1.7	0.04	0.1	0.04	0.1
Pelabuhan	I	0.11	0.3	0.01	*	0.01	*
Kolam Renang	F	0.03	*	0.02	*	0.03	*
Sebahagian Perdagangan/Sebahagian Rumahtangga	B	0.03	*	0.02	*	0.0	0

JENIS BACAAN	KOD TARIF	TAHUN					
		2015		2016		2017	
		(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
Rumah Ibadat & Amal (Bukan Milik Kerajaan)	D0	0.01	*	0.01	*	0.01	*
Rumah Ibadat Ada Bekalan Percuma & Bekalan Air Secara Banyak	D1 & H	0.01	*	0.01	*	0.01	*
JUMLAH		35.81	100.0	37.02	100.0	36.93	100.0

Sumber: Sistem eWater)

Nota: * - Kurang dari 0.1%

- Berdasarkan semakan Audit terhadap Laporan Tunggakan Akaun mendapati Daerah Kuantan mempunyai jumlah tunggakan yang paling tinggi iaitu RM17.93 juta (50.1%) pada tahun 2015, RM19.27 juta (52.1%) pada tahun 2016 dan RM18.57 juta (50.3%) pada tahun 2017. Antara tindakan yang telah diambil oleh PAIP ialah mengeluarkan notis pemetongan, membuat pemetongan sementara dan kekal, pengambilan deposit dan tindakan sivil. Maklumat lanjut tunggakan hasil air mengikut daerah bagi tempoh tersebut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 3.15
TUNGGAKAN HASIL AIR MENGIKUT
DAERAH BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA 2017

DAERAH	TAHUN		
	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
Kuantan	17.93	19.27	18.57
Temerloh	5.04	4.70	4.70
Maran	2.90	3.04	3.02
Rompin	2.37	2.20	2.30
Bentong	1.66	1.75	1.66
Pekan	1.66	1.60	1.75
Bera	1.20	1.26	1.25
Raub	1.05	1.18	1.31
Jerantut	1.01	1.02	1.12
Lipis	0.80	0.79	0.89
Cameron Highlands	0.19	0.21	0.36
JUMLAH	35.81	37.02	36.93

Sumber: Sistem eWater

Maklum Balas PAIP yang Diterima pada 27 Februari 2018

Bagi kes meter hilang, meter tidak dijumpai, meter berada dalam pagar berkunci, meter tertimbus dan nombor meter di lokasi tidak sama dengan sistem eWater sepertimana penemuan Audit, pihak PAIP telah membuat semakan semula dan mengambil tindakan pembetulan. Selain itu, pihak

PAIP membuat penambahbaikan dengan mengadakan program audit bacaan di daerah-daerah. Bagi kes meter rosak, pihak PAIP melakukan penukaran meter mengikut keperluan semasa dan telah memberikan maklumat senarai meter rosak untuk Program NRW Nasional Pendekatan 1 bagi tujuan penukaran meter rosak. Antara langkah-langkah yang telah diambil untuk menurunkan jumlah tunggakan adalah seperti menghantar notis pemotongan, melakukan pemotongan sementara, merampas deposit dan melakukan pemotongan kekal, menyerahkan notis tuntutan guaman dan mengeluarkan saman. PAIP mengambil beberapa langkah bagi meningkatkan kecekapan kutipan hasil dan juga mengurangkan tunggakan. Bagi akaun-akaun yang melebihi 60 hari atau nilai tunggakan RM50, pihak PAIP akan mengeluarkan notis pemotongan bagi memaklumkan kepada pengguna untuk menjelaskan tunggakan. Selepas 14 hari daripada tarikh notis dikeluarkan, jika tiada bayaran dibuat, pihak PAIP akan memotong bekalan air di premis berkenaan. Manakala bagi tunggakan akaun tidak aktif pula, pihak PAIP akan membuat rampasan deposit dan pemotongan kekal dan seterusnya tindakan sivil. PAIP Berhad juga telah diberi sasaran oleh SPAN bagi mengukur kecekapan kutipan iaitu tempoh kutipan purata adalah 110 hari. PAIP Berhad menunjukkan prestasi yang baik di mana telah mencapai sasaran dengan pencapaian sebanyak 103 hari bagi tahun 2017 dan tahun 2016. Walau bagaimanapun, PAIP akan mengambil langkah berterusan dan lebih efisien bagi meningkatkan lagi prestasi kutipan hasil air dan mengurangkan tunggakan.

Pada pendapat Audit, pengurusan tunggakan hasil air PAIP kurang cekap dan PAIP perlu mengambil tindakan dengan lebih agresif bagi mengurangkan jumlah tunggakan sedia ada. Selain itu, sasaran bacaan anggaran perlu ditetapkan supaya bil dapat dikeluarkan kepada pengguna berdasarkan penggunaan sebenar.

3.6.3. Tadbir Urus

3.6.3.1. Tadbir urus merujuk kepada proses yang digunakan untuk mentadbir, mengurus dan mengawal syarikat. Tadbir urus yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan syarikat diurus dengan lebih sempurna, telus dan bertanggungjawab. Pihak Audit telah menilai amalan tadbir urus syarikat berdasarkan *Malaysian Code on Corporate Governance* (MCCG) 2017, *The Green Book - Enhancing Board Effectiveness* April 2006, Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Lantikan Menteri Kewangan (Diperbadankan) Disember

2014 [*Handbook MKD*] dan panduan tadbir urus daripada *Chartered Institute of Internal Auditor*.

3.6.3.2. Aspek amalan terbaik tadbir urus telah diamalkan oleh PAIP bagi pelantikan dan peranan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif.

3.6.3.3. Manakala aspek tadbir urus yang tidak diamalkan oleh PAIP adalah seperti penemuan Audit berikut:

a. Lembaga Pengarah

- i. Lembaga Pengarah bertanggungjawab memastikan syarikat beroperasi selaras dengan objektif penubuhannya melalui penyediaan strategi, pelan perniagaan (*business plan*) yang mantap, dan rangka kerja tadbir urus yang berkesan. Semakan Audit terhadap Borang 49 mendapati keanggotaan Lembaga Pengarah PAIP adalah seramai 12 orang dan terdapat empat (4) orang pengarah bebas. Bagaimanapun, mulai 22 Mac 2017 seorang pengarah bebas telah bersara dan tiada pengarah baru dilantik bagi menggantikannya. Semakan selanjutnya terhadap amalan terbaik tadbir urus bagi Lembaga Pengarah mendapati dua (2) daripada sepuluh amalan terbaik bagi Lembaga Pengarah tidak diamalkan iaitu majoriti keahlian Lembaga Pengarah tidak bebas dan tidak semua keputusan perniagaan yang material/signifikan dibuat melalui mesyuarat Lembaga Pengarah seperti SOP bagi semua aktiviti Bahagian kecuali Kewangan tiada kelulusan Lembaga Pengarah, Rancangan Korporat dan KPI tidak dibentangkan dan diluluskan Lembaga Pengarah serta tiada kelulusan mengenai perolehan. Butiran lanjut amalan terbaik adalah seperti di jadual berikut.

JADUAL 3.16
KEDUDUKAN AMALAN TERBAIK TADBIR URUS - LEMBAGA PENGARAH

BIL.	AMALAN TERBAIK	YA (/)/ TIDAK (X)
1.	Komposisi Lembaga Pengarah hendaklah tidak melebihi 10 orang. Jadual 3.17 dirujuk. [<i>Green Book</i> perenggan 1.1.1]	/
2.	Sekiranya Pengerusi bukan bebas, satu (1) per tiga (3) keahlian Lembaga Pengarah hendaklah bebas. Jadual 3.17 dirujuk. [<i>Green Book</i> perenggan 1.1.2, MCCG 2012 <i>principle</i> 3, <i>recommendation</i> 3.5]	X
3.	Ahli Lembaga Pengarah hendaklah berada dalam komposisi Lembaga Pengarah tidak melebihi sembilan (9) tahun bagi mengekalkan status bebas. Jadual 3.17 dirujuk. [MCCG 2012, <i>principal</i> 3, <i>recommendation</i> 3.2]	/
4.	Lembaga Pengarah hendaklah dilantik atas kepakaran dan pengalaman dalam bidang yang berkaitan dengan perniagaan syarikat. Jadual 3.17 dirujuk. [<i>Green Book</i> perenggan 1.1.4]	/
5.	Lembaga Pengarah hendaklah mewujudkan kod etika rasmi syarikat. [MCCG 2012 <i>principle</i> 1 <i>recommendation</i> 1.3]	/
6.	Lembaga Pengarah hendaklah menyatakan peranan dan tanggungjawab ahli dengan jelas dalam melaksanakan tanggungjawab fidusiari (TOR /surat pelantikan). [MCCG 2012 <i>principle</i> 1 <i>recommendation</i> 1.2]	/
7.	Lembaga Pengarah hendaklah menyediakan dan meluluskan terma rujukan (TOR) bagi setiap jawatankuasa yang ditubuhkan. (<i>Green Book</i> perenggan 1.2.2)	/

BIL.	AMALAN TERBAIK	YA (/)/ TIDAK (X)
8.	Minimum kedatangan Pengarah ke mesyuarat Lembaga Pengarah mestilah sekurang-kurangnya 50%. [<i>Green Book</i> , perenggan 2.1]	/
9.	Lembaga Pengarah hendaklah memastikan ahlinya mempunyai akses kepada program pembelajaran yang berterusan. [MCCG 2012, <i>principle 4 recommendation 4.2</i>]	/
10.	Semua keputusan perniagaan yang material/signifikan dibuat melalui mesyuarat Lembaga Pengarah dan bukan secara DCR (Resolusi Lembaga Pengarah). [<i>Handbook</i> - perenggan 2.5(d)]	X

Sumber: PAIP

- ii. Perenggan 1.1.1. *Green Book* menyatakan Jumlah Pengarah mestilah mencukupi untuk memastikan bahawa Lembaga Pengarah dapat melaksanakan tanggungjawab dan peranan dengan berkesan. Komposisi Lembaga Pengarah seharusnya tidak lebih daripada sepuluh orang tetapi jika syarikat mempunyai rasionalnya, saiz Lembaga boleh sehingga 12 orang. Semakan Audit mendapati, perenggan 111 (1) Memorandum dan Artikel Penubuhan PAIP menyatakan bilangan pengarah hendaklah tidak kurang dari dua (2) atau lebih daripada 12 (kecuali dinyatakan sebaliknya oleh syarikat di dalam Mesyuarat Agung) dan sehingga 21 Mac 2017, PAIP mempunyai 12 orang Ahli Lembaga Pengarah. Maklumat lanjut seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.17
AHLI LEMBAGA PENGARAH PADA 31 DISEMBER 2017

BIL.	KELAYAKAN/KEMAHIRAN/ PENGALAMAN	TARIKH LANTIKAN (Bil. Tahun)	STATUS PENGARAH	
			EKSEKUTIF (X)/ BUKAN EKSEKUTIF (/)	BEBAS(/)/ BUKAN BEBAS (X)
1.	Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang	2008 (9 tahun)	/	X
2.	Pesara	2008 (9 tahun)	/	/
3.	Pesara	2014 (3 tahun)	/	/
4.	Pegawai Kewangan Negeri Pahang	2016 (1 tahun)	/	X
5.	Penasihat Undang-undang Negeri Pahang	2016 (1 tahun)	/	X
6.	Pengarah Perhutanan Negeri Pahang	2016 (1 tahun)	/	X
7.	Pengarah Pengairan dan Saliran Negeri Pahang	2016 (1 tahun)	/	X
8.	Pengarah Kerja Raya Negeri Pahang	2016 (1 tahun)	/	X
9.	Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pahang	2016 (1 tahun)	/	X
10.	Pengarah Perancang Bandar dan Desa Negeri Pahang	2016 (1 tahun)	/	X
11.	Bekas Ketua Pegawai Eksekutif SPAN	2016 (1 tahun)	/	/

Sumber: PAIP

- iii. Pelantikan semula Ahli Lembaga Pengarah yang telah memegang jawatan tersebut selama sembilan (9) tahun sebagai Pengarah Bebas selaras

dengan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (MCCG) 2012 (*Principle 3, Recommendation 3.2 dan 3.3*), di mana pelantikan tersebut telah mendapat kelulusan pemegang saham dan disokong oleh justifikasi.

Maklum Balas PAIP yang Diterima pada 27 Februari 2018

Kesemua pelantikan bagi Ahli Lembaga Pengarah akan dilantik melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pahang. Sehubungan itu, pihak PAIP sebagai Syarikat Penuh Milik Kerajaan Negeri Pahang tertakluk kepada keputusan pelantikan yang telah dibuat oleh pihak Kerajaan Negeri.

Pada pendapat Audit, pelantikan Ahli Lembaga Pengarah PAIP adalah baik kerana lapan (8) daripada sepuluh amalan terbaik tadbir urus bagi Lembaga Pengarah diamalkan.

b. Jawatankuasa Audit

- i. Lembaga Pengarah hendaklah mewujudkan Jawatankuasa Audit (JKA) yang bertanggungjawab menilai dan memberi syor terhadap kualiti kawalan dalaman operasi syarikat kepada Lembaga Pengarah untuk meningkatkan integriti, akauntabiliti dan ketelusan syarikat.
- ii. Semakan Audit mendapati PAIP baru menubuhkan Jawatankuasa Audit menerusi Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Bil. 2/2017 bertarikh 20 September 2017. Jawatankuasa ini dianggotai oleh tiga (3) ahli dari Lembaga Pengarah dan dipengerusikan oleh Pegawai Kewangan Negeri Pahang. Semakan selanjutnya juga mendapati Terma Rujukan JKA tidak disediakan. Bagaimanapun, berdasarkan cadangan terma dan syarat penubuhan yang dibentangkan di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 2/2017 bertarikh 20 September 2017, JKA dicadangkan untuk bermesyuarat sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun dan mesyuarat pertama telah dijalankan pada 12 Disember 2017. Butiran lanjut amalan terbaik tadbir urus dalam aspek Jawatankuasa Audit adalah seperti diringkaskan di jadual berikut:

JADUAL 3.18
KEDUDUKAN AMALAN TERBAIK TADBIR URUS – JAWATANKUASA AUDIT

BIL.	AMALAN TERBAIK	YA (/)/ TIDAK (X)
1.	Jawatankuasa Audit (JKA) hendaklah ditubuhkan. [MCCG 2017 <i>intended outcome</i> 8.0 & <i>Green Book</i> perenggan 1.2.1]	/
2.	Kesemua ahli JKA hendaklah mempunyai pengetahuan dalam bidang kewangan dan dapat memahami perkara di bawah bidang kuasa JKA termasuk proses pelaporan penyata kewangan. [MCCG 2017 <i>practice</i> 8.5]	/
3.	Keanggotaan JKA hendaklah sekurang-kurangnya tiga (3) ahli dan tidak melebihi empat (4) ahli sama ada di kalangan Lembaga Pengarah atau orang luar yang memiliki kepakaran kewangan. [<i>Green Book</i> perenggan 1.2.3]	/
4.	Pengerusi JKA hendaklah Pengarah Bebas dan bukan Pengerusi Lembaga Pengarah. [<i>Green Book</i> perenggan 1.2.3 & MCCG 2017 <i>Practice</i> 8.1]	X
5.	JKA hendaklah terdiri daripada Pengarah Bebas sahaja. [MCCCG 2017 <i>practice</i> 8.4]	X
6.	JKA hendaklah bermesyuarat seperti perancangan yang ditetapkan. [Terma rujukan]	/
7.	Laporan JKA hendaklah dibentangkan di mesyuarat Lembaga Pengarah. [<i>Green Book Appendix</i> 3]	/
8.	JKA hendaklah mengadakan perjumpaan dengan Ketua Audit Dalaman sekurang-kurangnya sekali setahun tanpa kehadiran pengurusan syarikat. [<i>Chartered Institute of Internal Auditor, What Every Director Should Know – How to get the most from your internal audit</i> , muka surat 5]	/

Sumber: PAIP

- iii. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa ini dianggotai oleh tiga (3) ahli dari Lembaga Pengarah dan dipengerusikan oleh Pegawai Kewangan Negeri Pahang. Amalan terbaik tadbir urus bagi aspek kebebasan pengarah mendapati Pengerusi JKA dan kesemua ahli JKA adalah Pengarah Tidak Bebas. Maklumat Lanjut seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.19
KEAHLIAN JAWATANKUASA AUDIT

BIL.	JAWATAN	PEKERJAAN	STATUS PENGARAH BEBAS(/)/ BUKAN BEBAS (X)
1.	Pengerusi	Pegawai Kewangan Negeri Pahang	X
2.	Ahli	Pengarah Kerja Raya Negeri Pahang	X
3.	Ahli	Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pahang	X

Sumber: PAIP

Maklum Balas PAIP yang Diterima pada 27 Februari 2018

Cadangan penambahbaikan terma rujukan akan dibawa ke Lembaga Pengarah untuk kelulusan pada mesyuarat ahli lembaga pengarah yang berikutnya. Pelantikan Pengerusi dan ahli Jawatankuasa Audit adalah keputusan daripada Kerajaan Negeri Pahang.

Pada pendapat Audit, walaupun pengerusi dan majoriti ahli JKA adalah tidak bebas, namun penubuhan Jawatankuasa Audit adalah baik kerana PAIP telah melaksanakan enam (6) daripada lapan (8) amalan terbaik tadbir urus dalam aspek Jawatankuasa Audit.

c. Audit Dalaman

- i. Peranan utama Audit Dalaman ialah untuk menilai pematuhan, pengurusan kepada dasar dan prosedur yang ditetapkan. Ia membantu JKA dalam menilai dan meningkatkan keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan dalaman dan tadbir urus.
- ii. Semakan Audit terhadap amalan terbaik tadbir urus bagi Audit Dalaman mendapati ia baru ditubuhkan dengan pelantikan seorang pegawai sebagai Pegawai Unit Audit dan Integriti mulai 1 Jun 2017. Tiga (3) daripada empat (4) amalan terbaik bagi Audit Dalaman tidak diamalkan iaitu Ketua Audit Dalaman tidak dilantik oleh JKA, skop kerja Audit Dalaman tidak disediakan dan tiada pengauditan dilaksanakan kerana Audit Dalaman baru ditubuhkan. Semakan selanjutnya mendapati satu (1) pengauditan kewangan dari segi perbelanjaan dan prosedur berkaitan kewangan bagi tempoh 2014 hingga 2016 telah dijalankan oleh Jawatankuasa Audit Kewangan yang dilantik oleh Ketua Pegawai Eksekutif bertarikh 28 Oktober 2016. Pihak Audit mendapati hasil penemuan Audit tersebut telah dikemukakan kepada bahagian dan daerah yang diaudit bagi tujuan maklum balas namun laporan penuh masih belum dibentangkan di Mesyuarat Lembaga Pengarah atau Mesyuarat JKA. Keterangan lanjut bagi amalan tadbir urus adalah seperti jadual berikut.

JADUAL 3.20
KEDUDUKAN AMALAN TERBAIK TADBIR URUS – AUDIT DALAMAN

BIL.	KRITERIA	YA (/)/ TIDAK(X)
1.	JKA hendaklah memastikan Audit Dalaman berfungsi secara bebas. [MCCG 2017 <i>practice</i> 10.1]	/
2.	Pelantikan/penyingkiran untuk fungsi Audit Dalaman hendaklah diputuskan oleh JKA. [MCCG 2017 <i>Guidance</i> 10.1]	X
3.	Skop kerja Audit Dalaman hendaklah jelas dan diluluskan oleh JKA. [MCCG 2017 <i>Guidance</i> 10.1]	X
4.	Audit Dalaman hendaklah melaksanakan pengauditan bagi menilai dan meningkatkan keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan dalaman dan tadbir urus serta menyarankan penambahbaikan yang dapat membantu nilai tambah aktiviti syarikat. [MCCG 2017 <i>guidance</i> 10.1]	X

Sumber: PAIP

Maklum Balas PAIP yang Diterima pada 27 Februari 2018

Pelantikan telah dibuat dalam minit mesyuarat JKA Bil. 1/2017 dan skop kerja Audit akan dibawa ke kelulusan JKA pada mesyuarat berikutnya. Bagi laporan pengauditan kewangan dari segi perbelanjaan dan prosedur berkaitan kewangan bagi tempoh 2014 hingga 2016 telah dibentangkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif kepada Jawatankuasa Audit Ahli Lembaga Pengarah pada mesyuarat JKA Bil. 1/2017 bertarikh 12 Disember 2017.

Pada pendapat Audit, penubuhan Audit Dalaman tidak dilaksanakan dengan baik kerana tiada persetujuan JKA berkenaan pelantikan Ketua Audit Dalaman dan skop kerja Audit Dalaman juga tidak disediakan.

d. Standard Operating Procedures (SOP)

- i. Seksyen 246, Akta Syarikat 2016 menyatakan Pengarah suatu syarikat awam atau subsidiari bagi syarikat awam hendaklah mempunyai suatu sistem kawalan dalaman yang akan memberi jaminan yang munasabah bahawa aset syarikat itu dilindungi terhadap kerugian akibat penggunaan atau pelupusan yang tidak dibenarkan dan dapat memberikan keterangan aset yang sepatutnya dan semua transaksi dibenarkan dengan sepatutnya dan transaksi itu direkodkan yang perlu untuk membolehkan penyata kewangan syarikat yang benar dan patut disediakan.
- ii. Lembaga Pengarah hendaklah memastikan SOP merangkumi proses, prosedur dan polisi yang lengkap dan menyeluruh terhadap aspek kewangan dan aktiviti dalam menguruskan syarikat bagi mencapai objektifnya. Semakan semula terhadap SOP perlu dilaksanakan sekiranya terdapat keperluan dan perubahan dalam operasi syarikat. SOP dan sebarang perubahannya perlu mendapat kelulusan Lembaga Pengarah.
- iii. Semakan Audit mendapati PAIP ada menyediakan proses kerja dan prosedur berkaitan urusan dan operasi syarikat dan mengguna pakai Polisi dan Terma-Terma Pengurusan Kewangan bagi aktiviti berkaitan kewangan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah tetapi tidak lengkap. Walau bagaimanapun, tiada polisi yang lengkap berkaitan undang-undang dan peraturan untuk dirujuk dan dibaca bersama proses kerja serta prosedur tersebut bagi aktiviti-aktiviti syarikat yang lainnya. Selain itu, proses kerja bagi aktiviti lain juga tiada kelulusan oleh Lembaga

Pengarah. Keterangan lanjut bagi amalan terbaik tadbir urus adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.21
KEDUDUKAN AMALAN TERBAIK TADBIR URUS
– STANDARD OPERATING PROCEDURES (SOP)

BIL.	KRITERIA	YA (/)/ TIDAK(X)
1.	Syarikat mempunyai <i>Standard Operating Procedures (SOP)</i> yang lengkap dan menyeluruh merangkumi urusan kewangan syarikat yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. [<i>Handbook</i> – perenggan 1.9(c), perenggan 2.2 (f), perenggan 3.25 hingga 3.28]	X
2.	Syarikat mempunyai <i>SOP</i> yang lengkap dan menyeluruh merangkumi aktiviti utama syarikat yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. [<i>Handbook</i> – perenggan 1.9(c), perenggan 2.2 (f), perenggan 3.25 hingga 3.28]	X
3.	Pematuhan <i>SOP</i> yang telah diluluskan yang merangkumi pengurusan kewangan dan aktiviti syarikat. [<i>SOP</i> syarikat yang diaudit]	X

Sumber: PAIP

Maklum Balas PAIP yang Diterima pada 27 Februari 2018

PAIP mempunyai Standard Operating Procedures (SOP) yang lengkap untuk urusan dan aktiviti yang melibatkan segala perjalanan operasi dan pentadbiran syarikat. Berikutan dengan penemuan audit, SOP semasa yang digunakan dibuat berdasarkan polisi dan undang-undang berkaitan dan sentiasa diperbaharui jika terdapat perubahan pada polisi dan undang-undang tersebut, selain dari polisi dan undang-undang SOP tertentu jika ada arahan dari pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) selaku badan pengawal selia industri air. Walau bagaimanapun, PAIP akan menyemak kembali SOP semasa dan menambah baik SOP dengan menyenaraikan undang-undang dan terma rujukan yang dibaca bersama SOP tersebut. Selain itu juga selepas semakan dan penambahbaikan dibuat, SOP ini akan diangkat ke Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah yang terdekat untuk diluluskan.

Pada pendapat Audit, SOP PAIP tidak disediakan dengan baik kerana tidak lengkap berserta peraturan yang diguna pakai berkaitan urusan dan operasi syarikat.

e. Rancangan Korporat

- i. Mengikut amalan terbaik seperti yang dinyatakan pada *Green Book*, syarikat hendaklah menyediakan rancangan korporat berserta matlamat bagi tempoh jangka pendek (tahunan) dan jangka panjang. Tujuan perancangan strategik korporat adalah untuk memastikan segala

perancangan yang dibuat memenuhi kehendak *stakeholders* dan pelanggan dalam jangka masa yang ditetapkan dengan mengambil kira aspek kewangan. Perancangan strategik korporat menetapkan fokus, objektif dan strategi pelaksanaan terhadap aktiviti syarikat. Rancangan korporat yang disediakan hendaklah diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan amalan terbaik MCCG 2017 (*practice 1.1, guidance 1.1*). Antara tugas Lembaga Pengarah adalah meneliti dan meluluskan pelan strategik yang dicadangkan oleh pengurusan syarikat serta memantau pelaksanaannya.

- ii. Semakan Audit mendapati PAIP menyediakan rancangan korporat melalui *Three Years Business Plan 2015-2017* yang menetapkan fokus, objektif dan strategi pelaksanaan terhadap aktiviti syarikat. Bagaimanapun, rancangan korporat ini tidak dibentangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah kerana penyediaannya hanya memenuhi Seksyen 30 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 yang menghendaki pemegang lesen mengemukakan Rancangan Perniagaan. Keterangan lanjut bagi amalan terbaik tadbir urus adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.22
KEDUDUKAN AMALAN TERBAIK TADBIR URUS –
RANCANGAN KORPORAT/PELAN STRATEGIK

KRITERIA	YA (/)/ TIDAK(X)
Rancangan Korporat/Pelan Strategik diluluskan dan pelaksanaannya dipantau oleh Lembaga Pengarah. [MCCG 2017 <i>practice 1.1, guidance 1.1 & Handbook</i> perenggan 2.2(b)]	X

Sumber: PAIP

Maklum Balas PAIP yang Diterima pada 27 Februari 2018

Rancangan Korporat yang disediakan melalui Three Years Business Plan 2015-2017 tidak dibentangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Pihak PAIP mengambil maklum perkara ini dan akan membentangkan rancangan perniagaan yang seterusnya bagi tempoh 2018-2021 dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah yang dijangka akan diadakan dalam bulan Mac 2018.

Pada pendapat Audit, perancangan strategik syarikat tidak dilaksanakan dengan baik memandangkan rancangan korporat tidak dibentangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

f. Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

- i. Mengikut *Blue Book Version 2, Intensifying Performance Management*, syarikat Kerajaan perlu menyediakan KPI bagi mengukur prestasi syarikat. KPI yang disediakan perlulah berkait rapat dengan strategi syarikat yang melibatkan semua peringkat dalam organisasi iaitu KPI bagi Ketua Eksekutif dan syarikat keseluruhannya, dan KPI bagi seksyen/unit perniagaan. KPI yang baik perlulah boleh dicapai, dibandingkan dengan tanda aras yang bersesuaian, mengandungi jangkaan, halangan dan situasi terhadap pencapaian KPI, mengambil kira rancangan jangka pendek dan sederhana serta indikator operasi dan kewangan dan KPI hendaklah disampaikan kepada semua peringkat dari kakitangan sehinggalah Ahli Lembaga Pengarah. Berdasarkan amalan terbaik *Green Book* Bahagian 1 Perenggan 3.2 menyarankan peranan Lembaga Pengarah adalah memantau prestasi dan pencapaian syarikat serta memastikan syarikat diuruskan dengan baik dan berkesan. Kaedah yang paling berkesan adalah dengan mengukur pencapaian dan prestasi syarikat melalui penetapan KPI.
- ii. Semakan Audit mendapati PAIP tidak menyediakan KPI bagi Ketua Eksekutif tetapi ada menyediakan KPI bagi setiap bahagian untuk mengukur prestasi syarikat. Walau bagaimanapun, KPI ini tidak dibentangkan di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah dan hanya dibentangkan secara bulanan di dalam Mesyuarat Pengurusan. Keterangan lanjut bagi amalan terbaik tadbir urus adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.23
KEDUDUKAN AMALAN TERBAIK TADBIR URUS – PETUNJUK PRESTASI UTAMA

KRITERIA	YA (/)/ TIDAK(X)
Sasaran dan pencapaian petunjuk prestasi utama di sedia dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. [<i>Green Book</i> Bahagian 1, perenggan 3.2 & <i>Handbook</i> perenggan 3.33 hingga 3.35]	X

Sumber: PAIP

Maklum Balas PAIP yang Diterima pada 27 Februari 2018

Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Ketua Pegawai Eksekutif adalah merujuk kepada KPI syarikat di mana KPI tersebut telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan laporan KPI tersebut perlu dihantar sebanyak dua (2) kali dalam tempoh setahun untuk tempoh penilaian selama enam (6) bulan. Berdasarkan penemuan audit, PAIP akan menambah baik pengurusan KPI dengan membuat pembentangan KPI tersebut di dalam mesyuarat Lembaga Pengarah.

Pada pendapat Audit, perancangan strategik syarikat tidak dilaksanakan dengan baik memandangkan KPI tidak dibentangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

3.7. SYOR AUDIT

Bagi memastikan objektif penubuhan PAIP dapat dicapai sepenuhnya, adalah disyorkan Lembaga Pengarah serta pengurusan PAIP mengambil langkah yang proaktif dan berkesan bagi menangani kelemahan yang dibangkitkan seperti berikut:

- 3.7.1. menetapkan sasaran tahunan penggantian paip lama dan meter rosak bagi mengurangkan NRW secara berterusan;
- 3.7.2. mengurangkan kos pengeluaran untuk mengatasi masalah kadar tarif minimum air;
- 3.7.3. mengambil langkah proaktif bagi mengutip semula tunggakan air yang tinggi dan mengurangkan pengeluaran bil secara anggaran dan purata; dan
- 3.7.4. menambah baik amalan tadbir urus seperti memastikan SOP semua Bahagian serta Rancangan Korporat dan KPI dibentangkan dan diluluskan Ahli Lembaga Pengarah.



BAHAGIAN II

**PENGURUSAN KEWANGAN
JABATAN/AGENSI NEGERI**

PENGURUSAN KEWANGAN (INDEKS AKAUNTABILITI) JABATAN/AGENSI NEGERI

4. PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN (INDEKS AKAUNTABILITI)

4.1. PENDAHULUAN

4.1.1. Pengurusan kewangan sesebuah organisasi adalah merangkumi proses perancangan, pelaksanaan, penyelarasan, pengawalan, pemantauan dan penilaian. Proses ini perlu dilaksanakan berdasarkan dua (2) prinsip utama iaitu legaliti dan akauntabiliti. Ini bermaksud seseorang pegawai yang diberi kuasa untuk menguruskan sumber awam perlu melaksanakan tanggungjawab tersebut dengan penuh dedikasi serta mematuhi segala undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa. Pegawai tersebut juga bertanggungjawab untuk melaporkan pencapaiannya kepada pegawai yang mewakilkan kuasa.

4.1.2. Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan pengurusan kewangan selaras dengan Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957. Pengauditan pengurusan kewangan dilaksanakan bagi menentukan sama ada Jabatan/Agensi Negeri telah mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan serta rekod berkaitan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Pengauditan ini membolehkan Jabatan Audit Negara menilai prestasi pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri yang diaudit dan memberi pandangan bagi menambah baik pengurusan kewangannya.

4.1.3. Pematuhan terhadap peraturan kewangan bagi setiap elemen kawalan utama akan diberikan markah bagi tujuan penarafan. Jabatan/Agensi Negeri yang mendapat tahap penarafan yang Cemerlang boleh dijadikan sebagai tanda aras kepada Jabatan/Agensi Negeri yang lain. Secara umumnya, penarafan sesebuah Jabatan/Agensi Negeri akan diberi berdasarkan markah keseluruhan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.1
PEMARKAHAN TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN

MARKAH KESELURUHAN (%)	TAHAP PRESTASI	PENARAFAN
90 hingga 100	Cemerlang	
80 hingga 89.9	Baik	
70 hingga 79.9	Memuaskan	
60 hingga 69.9	Kurang Memuaskan	
59.9 ke bawah	Tidak Memuaskan	

Sumber: Jabatan Audit Negara

4.1.4. Penambahbaikan Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti)

4.1.4.1. Pada tahun 2017, kajian semula terhadap pengauditan pengurusan kewangan telah dilaksanakan berdasarkan maklum balas daripada pelbagai pihak dan juga *lessons learnt* daripada pengauditan yang dilaporkan. Antara isu yang dikenal pasti dan dikaji semula adalah:

- a. Auditi dinilai secara menyeluruh dan tidak diklasifikasikan mengikut kriteria yang tertentu seperti peruntukan, bilangan pusat tanggungjawab, perbelanjaan, hasil dan lain-lain;
- b. persampelan Audit tidak mengambil kira saiz sesebuah auditi; dan
- c. aspek risiko tidak diterapkan dalam pemberian markah dan keberkesanan kriteria.

4.1.4.2. Pindaan kepada Garis Panduan Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) telah mengambil kira penambahbaikan berikut:

- a. klasifikasi Kementerian kepada dua (2) kategori iaitu Jabatan Mengakaun Sendiri dan Jabatan Tidak Mengakaun Sendiri;
- b. persampelan – saiz sampel mengambil kira sampel yang dilaksanakan dalam pengauditan interim penyata kewangan, pengauditan prestasi, tadbir urus dan lain-lain;
- c. setiap kriteria Audit diberikan tahap risiko;
- d. tempoh pengauditan bagi Jabatan/Agensi yang dilaksanakan secara pusingan; dan

- e. format pelaporan bagi pengauditan pengurusan kewangan (AI) disediakan dengan berteraskan konsep "ABC" iaitu tepat, padat dan sempurna (*accuracy, brevity and completeness*).

4.1.5. Penetapan Risiko Terhadap Kriteria Audit

Risiko adalah kebarangkalian berlakunya perkara-perkara yang tidak sepatutnya atau berlaku ketidakpatuhan terhadap peraturan kewangan yang memberi impak kepada pengurusan kewangan. Tujuan analisis risiko dan impak dilakukan terhadap isu/penemuan Audit adalah untuk memaklumkan kepada Jabatan/Agensi Negeri mengenai tahap keseriusan sesuatu isu/penemuan. Ketidakpatuhan terhadap penemuan boleh menjadi indikator kepada kelemahan pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri serta membantu pihak pengurusan atasan mengambil tindakan susulan. Skala pemarkahan bagi setiap kriteria yang diaudit dikategorikan kepada tiga (3) tahap risiko adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.2
SKALA PEMARKAHAN BERDASARKAN TAHAP RISIKO

SKALA	TAHAP RISIKO	KETERANGAN
3	Tinggi	Ketidakpatuhan yang memberi impak besar kepada kawalan dalaman organisasi serta boleh mengakibatkan berlakunya pemborosan, pembaziran, kehilangan dan penyelewengan.
2	Sederhana	Ketidakpatuhan yang memberi impak sederhana kepada pengurusan kewangan dan boleh menjejaskan operasi organisasi dalam jangka panjang.
1	Rendah	Ketidakpatuhan yang memberi impak kecil kepada pengurusan kewangan dan tidak menjejaskan operasi organisasi.

Sumber: Jabatan Audit Negara

4.1.6. Memandangkan Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) pada tahun 2017 menggunakan pendekatan baharu iaitu berdasarkan risiko, hanya prestasi kewangan tahun 2017 sahaja dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2017 Siri 1 dan tiada perbandingan dengan prestasi tahun sebelum.

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan terhadap pengurusan kewangan telah dijalankan bagi tujuan berikut:

- 4.2.1. menilai wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan;
- 4.2.2. menilai wujudnya kawalan dalaman yang berkesan terhadap pengurusan kewangan;
- 4.2.3. menentukan sama ada pengurusan kewangan dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan; dan

4.2.4. menentukan sama ada rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

4.3. SKOP PENGAUDITAN

4.3.1. Bagi Jabatan Negeri, semakan Audit merangkumi lapan (8) elemen kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Pengurusan Perolehan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit; Pengurusan Aset dan Stor serta Pengurusan Kenderaan Kerajaan. Transaksi yang disemak meliputi tempoh bulan Januari sehingga Disember 2017 melibatkan tujuh (7) Jabatan.

4.3.2. Bagi Agensi Negeri, penilaian telah dibuat terhadap sembilan (9) elemen kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Pengurusan Perolehan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman dan Deposit; Pengurusan Aset dan Stor; Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman serta Pengurusan Penyata Kewangan. Pengauditan telah dijalankan di lima (5) Agensi. Pengauditan telah dilaksanakan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tahun 2017 serta penyata kewangan Agensi bagi tahun berakhir 31 Disember 2016.

4.4. METODOLOGI PENGAUDITAN


4.4.1. Pengauditan dijalankan berpandukan Garis Panduan Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) Berdasarkan Risiko yang disediakan berasaskan *International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) yang diterima pakai oleh negara anggota *International Organisation of Supreme Audit Institutions* (INTOSAI). ISSAI 4000 *Compliance Audit* menggalakkan amalan tadbir urus organisasi yang baik dengan memastikan pematuhan terhadap undang-undang, peraturan dan polisi yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa.

4.4.2. Semakan telah dijalankan terhadap rekod dan dokumen kewangan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang dipilih. Pemeriksaan fizikal dan temu bual dengan pegawai terlibat juga telah diadakan bagi mengesahkan maklumat yang diperoleh dan memperkukuhkan ketepatan penemuan Audit.

4.5. PENEMUAN AUDIT

4.5.1. Prestasi Keseluruhan


4.5.1.1. Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan di 12 Jabatan/Agensi Negeri Pahang bagi tahun kewangan 2017 menunjukkan empat (4) Jabatan/Agensi mencapai tahap Cemerlang, enam (6) Jabatan/Agensi mencapai tahap Baik serta dua (2) Agensi berada pada tahap Memuaskan. Kedudukan tahap prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:



Sumber: Jabatan Audit Negara

4.5.1.2. Pencapaian tahap prestasi pengurusan kewangan bagi 12 Jabatan/Agensi yang dinilai pada tahun 2017 adalah seperti carta berikut:


CARTA 4.2
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN
JABATAN/AGENSI NEGERI PAHANG BAGI TAHUN 2017



4.5.2. Prestasi Jabatan/Agensi Mengikut Elemen Kawalan


4.5.2.1. Analisis Audit terhadap prestasi pengurusan kewangan pada tahun 2017 mengikut elemen kawalan bagi tujuh (7) Jabatan Negeri mendapati masing-masing empat (4) daripada lapan (8) elemen kawalan berada pada tahap Cemerlang dan Baik adalah seperti carta berikut:

CARTA 4.3
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN
JABATAN NEGERI BAGI TAHUN 2017 MENGIKUT ELEMEN KAWALAN



4.5.2.2. Analisis Audit terhadap prestasi pengurusan kewangan pada tahun 2017 mengikut elemen kawalan bagi lima (5) Agensi Negeri pula mendapati tiga (3) daripada sembilan (9) elemen kawalan berada pada tahap Cemerlang, empat (4) elemen kawalan berada pada tahap Baik serta masing-masing satu (1) elemen kawalan berada pada tahap Memuaskan dan Kurang Memuaskan adalah seperti carta berikut:


CARTA 4.4
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN
AGENSI NEGERI BAGI TAHUN 2017 MENGIKUT ELEMEN KAWALAN



a. Kawalan Pengurusan


- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, lima (5) Jabatan mencapai tahap Cemerlang dan masing-masing satu (1) berada pada tahap Baik dan Memuaskan dalam Kawalan Pengurusan. Bagi Agensi Negeri, satu (1) Agensi mencapai tahap Cemerlang, dua (2) Agensi berada pada tahap Baik dan masing-masing satu (1) Agensi berada pada tahap Memuaskan dan Kurang Memuaskan. Pencapaian Jabatan/Agensi bagi elemen Kawalan Pengurusan bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:

CARTA 4.5
PENCAPAIAN KAWALAN PENGURUSAN JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2017



- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 28 kriteria bagi tujuh (7) Jabatan dalam Kawalan Pengurusan adalah seperti carta berikut:


CARTA 4.6
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP KRITERIA BAGI JABATAN DALAM KAWALAN PENGURUSAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 51 kriteria bagi lima (5) Agensi dalam Kawalan Pengurusan adalah seperti carta berikut:

CARTA 4.7
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP KRITERIA BAGI AGENSI DALAM KAWALAN PENGURUSAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iv. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.3
KELEMAHAN DALAM KAWALAN PENGURUSAN BAGI JABATAN/AGENSI


BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN		IMPAK
		JABATAN	AGENSI	
1.	Kursus/Latihan diberi tidak berkaitan dengan tugas yang dilaksanakan atau pegawai yang terlibat tidak menghadiri kursus pengurusan kewangan dalam tahun semasa.	i. Pejabat Daerah dan Tanah Lipis ii. Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pahang	i. Majlis Perbandaran Temerloh ii. Majlis Daerah Jerantut iii. Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser iv. Perbadanan Stadium Darul Makmur	Boleh menyebabkan: i. Pengetahuan pegawai mengenai tugas yang dilaksanakan tidak terkini. ii. Kemahiran pegawai tidak dapat ditingkatkan. iii. Memberi kesan kepada kualiti kerja dalam jangka masa panjang.
2.	Manual Prosedur Kerja/ Proses Kerja berkaitan kewangan tidak lengkap dan kemas kini.	i. Pejabat Daerah dan Tanah Lipis ii. Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pahang	i. Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser ii. Perbadanan Stadium Darul Makmur	Boleh menyebabkan: i. Tugas yang dilakukan tidak mengikut proses yang betul dan tidak mengikut peraturan terkini. ii. Pegawai kurang jelas proses kerja yang perlu dilaksanakan. iii. Memberi kesan kepada kualiti kerja dalam jangka masa panjang.
3.	Pemeriksaan Mengejut tidak dijalankan oleh Ketua Jabatan sekurang-kurangnya setiap enam (6) bulan sekali (AP309) atau Pemeriksaan Mengejut tidak direkodkan dalam Daftar.	i. Pejabat Daerah dan Tanah Lipis ii. Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pahang	i. Majlis Daerah Jerantut ii. Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser	Boleh menyebabkan: i. Kehilangan wang/barang berharga lewat dikesan yang boleh menyebabkan membuka ruang kepada penyelewengan/penyalahgunaan kuasa. ii. Pemeriksaan yang dijalankan tidak lengkap menyebabkan kehilangan wang/barang berharga tidak dikesan. iii. Tindakan pembetulan dan pencegahan tidak dapat diambil menyebabkan isu yang sama berulang dan boleh menyebabkan kerugian kepada Kerajaan. iv. Hasil Pemeriksaan Mengejut yang tidak direkodkan menyebabkan pemantauan tidak dapat dijalankan.
4.	Laporan Suku Tahun Pengurusan Tatatertib Pegawai Awam tidak/lewat dihantar kepada Urus setia Tatatertib mengikut tempoh yang ditetapkan.	i. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang ii. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pahang		Boleh menyebabkan: Laporan tidak/lewat dikemukakan boleh menyebabkan JPA tidak mempunyai data yang lengkap mengenai tindakan tatatertib yang diambil terhadap penjawat awam.
5.	Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun tidak bermesyuarat mengikut tempoh yang ditetapkan.		i. Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser ii. Perbadanan Stadium Darul Makmur	Boleh menyebabkan: Mesyuarat tidak diadakan/ tidak mengikut tempoh boleh menyebabkan isu berbangkit lewat dikenal pasti dan diambil tindakan.

Sumber: Jabatan Audit Negara

b. Kawalan Bajet


- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, kesemua tujuh (7) Jabatan mencapai tahap Cemerlang dalam Kawalan Bajet. Bagi Agensi Negeri, tiga (3) Agensi mencapai tahap Cemerlang dan masing-masing satu (1) Agensi berada pada tahap Baik dan Kurang Memuaskan. Pencapaian Jabatan/Agensi bagi elemen Kawalan Bajet bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:

CARTA 4.8
PENCAPAIAN KAWALAN BAJET JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2017



- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 25 kriteria bagi tujuh (7) Jabatan dalam Kawalan Bajet adalah seperti carta berikut:


CARTA 4.9
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN
RISIKO TERHADAP KRITERIA BAGI JABATAN DALAM KAWALAN BAJET



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap sembilan (9) kriteria bagi lima (5) Agensi dalam Kawalan Bajet adalah seperti carta berikut:

CARTA 4.10
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN
RISIKO TERHADAP KRITERIA BAGI AGENSI DALAM KAWALAN BAJET



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iv. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.4
KELEMAHAN DALAM KAWALAN BAJET BAGI JABATAN/AGENSI


BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN		IMPAK
		JABATAN	AGENSI	
1.	Unjuran Anggaran Keperluan Aliran Tunai Bulanan/Tahunan Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan yang disahkan oleh Pegawai Pengawal lewat dikemukakan Kepada Perbendaharaan atau cadangan belanjawan tidak/lewat dibentangkan kepada Lembaga Pengarah serta diluluskan oleh Ketua Eksekutif/Ketua Pengarah.	Pejabat Daerah dan Tanah Lipis	Perbadanan Stadium Darul Makmur	Boleh menjejaskan perancangan aliran tunai Kerajaan Persekutuan/ Agensi.
2.	Pindah peruntukan dibuat sebelum mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Melulus dan lewat/tidak dikemas kini dalam Sistem Kewangan.		Majlis Daerah Jerantut	Boleh menyebabkan: i. Perbelanjaan tanpa kelulusan. ii. Sistem kawalan dalaman yang lemah.

Sumber: Jabatan Audit Negara

c. Kawalan Terimaan


- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, enam (6) Jabatan mencapai tahap Cemerlang dan satu (1) Jabatan tidak berkaitan. Bagi Agensi Negeri, tiga (3) Agensi mencapai tahap Cemerlang dan dua (2) Agensi berada pada tahap Memuaskan. Pencapaian Jabatan/ Agensi bagi elemen Kawalan Terimaan bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:

CARTA 4.11
PENCAPAIAN KAWALAN TERIMAAN JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2017



- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 36 kriteria bagi enam (6) Jabatan dalam Kawalan Terimaan adalah seperti carta berikut:


CARTA 4.12
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN
RISIKO TERHADAP KRITERIA BAGI JABATAN DALAM KAWALAN TERIMAAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 39 kriteria bagi lima (5) Agensi dalam Kawalan Terimaan adalah seperti carta berikut:

CARTA 4.13
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN
RISIKO TERHADAP KRITERIA BAGI AGENSI DALAM KAWALAN TERIMAAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iv. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.5
KELEMAHAN DALAM KAWALAN TERIMAAN BAGI JABATAN/AGENSI


BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN		IMPAK
		JABATAN	AGENSI	
1.	Resit hasil melalui mel tidak disediakan pada hari yang sama dan dihantar selewat-lewatnya pada hari bekerja berikutnya.	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang	i. Majlis Perbandaran Temerloh ii. Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser	Boleh menyebabkan: i. Hasil lewat diakaunkan. ii. <i>Teeming and lading</i> .
2.	Pegawai yang bertanggungjawab tidak menyemak setiap hari buku tunai dengan resit.		i. Majlis Perbandaran Temerloh ii. Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser	Boleh menyebabkan: i. Kelewatan mengesan kesilapan. ii. <i>Teeming and lading</i> . iii. Ketirisan hasil Kerajaan.
3.	Proses pungutan ke bank tidak dibuat dengan segera dan teratur.	i. Pejabat Daerah dan Tanah Lipis ii. Pengairan dan Saliran Negeri Pahang		Boleh menyebabkan: i. Hasil lewat diakaunkan dengan tepat. ii. <i>Teeming and lading</i> . iii. Ketirisan hasil Kerajaan.
4.	Daftar Mel tidak diperiksa dan disemak setiap hari dengan Buku Tunai oleh Pegawai Penyelia dengan menurunkan tandatangan ringkas.		Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser	Boleh menyebabkan: i. Kelewatan mengesan kesilapan. ii. Sistem kawalan dalaman yang lemah.
5.	Terimaan dan hasil tidak dicatat dengan betul.		Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser	Boleh menyebabkan pelaporan kurang tepat.

Sumber: Jabatan Audit Negara

d. Pengurusan Perolehan


- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, kesemua tujuh (7) Jabatan mencapai tahap Cemerlang dalam elemen Pengurusan Perolehan. Bagi Agensi Negeri, tiga (3) Agensi mencapai tahap Cemerlang dan masing-masing satu (1) berada pada tahap Memuaskan dan Tidak Memuaskan. Pencapaian Jabatan/Agensi bagi elemen Pengurusan Perolehan bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:

CARTA 4.14
PENCAPAIAN PENGURUSAN PEROLEHAN JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2017



- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 39 kriteria bagi tujuh (7) Jabatan dalam Pengurusan Perolehan adalah seperti carta berikut:


CARTA 4.15
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP KRITERIA BAGI JABATAN DALAM PENGURUSAN PEROLEHAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 49 kriteria bagi lima (5) Agensi dalam Pengurusan Perolehan adalah seperti carta berikut:

CARTA 4.16
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP KRITERIA BAGI AGENSI DALAM PENGURUSAN PEROLEHAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iv. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.6
KELEMAHAN DALAM PENGURUSAN PEROLEHAN BAGI JABATAN/AGENSI


BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN		IMPAK
		JABATAN	AGENSI	
1.	Pembelian terus dibuat bagi bekalan setiap jenis item/perkhidmatan melebihi RM20,000 setahun.	i. Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Pahang ii. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pahang	i. Majlis Perbandaran Temerloh ii. Majlis Daerah Maran	Boleh menyebabkan: i. Risiko tidak melaksanakan sebut harga (pecah kecil perolehan). ii. Perolehan dibuat dengan pembekal tidak berdaftar. iii. Pembaziran dan penyelewengan dari aspek harga tidak kompetitif dan pemilihan pembekal yang tidak berkelayakan.
2.	Kontrak ditandatangani melebihi empat (4) bulan daripada tarikh keluarnya Surat Setuju Terima.	i. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang ii. Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pahang	Perbadanan Stadium Darul Makmur	Boleh menyebabkan: i. Kepentingan Kerajaan tidak terjaga kerana kontraktor tidak terikat dengan terma perjanjian. ii. Pembayaran hanya boleh dilaksanakan sehingga tiga (3) kali pembayaran dalam tempoh Surat Setuju Terima. iii. Sistem penyampaian Perkhidmatan Awam terjejas.
3.	Pelaksanaan <i>Integrity Pact</i> tidak dipatuhi.	Pejabat Daerah dan Tanah Lipis	i. Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser ii. Perbadanan Stadium Darul Makmur	Boleh menyebabkan: i. Pegawai yang terlibat tidak terikat dengan terma <i>Integrity Pact</i> . ii. Pegawai tidak berintegriti dan salah guna kuasa. iii. Reputasi dan imej Kerajaan/Pegawai Awam terjejas.
4.	Daftar/Rekod pembayaran kontrak secara berkala tidak diselenggarakan untuk rujukan dan pemantauan bayaran.	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang	i. Majlis Perbandaran Temerloh ii. Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser	Boleh menyebabkan: i. Risiko lewat atau gagal mendapatkan maklumat untuk mengenal pasti prestasi bayaran kontrak. ii. Boleh mengakibatkan lebihan bayaran.
5.	Semua kontrak tidak didaftarkan.	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang	Majlis Perbandaran Temerloh	Boleh menyukarkan semak silang dan pemantauan bayaran/prestasi projek.

Sumber: Jabatan Audit Negara

e. Kawalan Perbelanjaan


- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, lima (5) Jabatan mencapai tahap Cemerlang dan dua (2) Jabatan berada pada tahap Baik dalam elemen Kawalan Perbelanjaan. Bagi Agensi Negeri, dua (2) Agensi mencapai tahap Cemerlang, dua (2) Agensi berada pada tahap Memuaskan dan satu (1) Agensi berada pada tahap Kurang Memuaskan. Pencapaian Jabatan/Agensi bagi elemen Kawalan Perbelanjaan bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:

CARTA 4.17
PENCAPAIAN KAWALAN PERBELANJAAN JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2017



- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 23 kriteria bagi tujuh (7) Jabatan dalam Kawalan Perbelanjaan adalah seperti carta berikut:


CARTA 4.18
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP KRITERIA BAGI JABATAN DALAM KAWALAN PERBELANJAAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 18 kriteria bagi lima (5) Agensi dalam Kawalan Perbelanjaan adalah seperti carta berikut:

CARTA 4.19
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP KRITERIA BAGI AGENSI DALAM KAWALAN PERBELANJAAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iv. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti jadual berikut:


JADUAL 4.7
KELEMAHAN DALAM KAWALAN PERBELANJAAN BAGI JABATAN/AGENSI

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN		IMPAK
		JABATAN	AGENSI	
1.	Proses Bayaran tidak mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan.	i. Jabatan Mufti Negeri Pahang ii. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang	i. Majlis Perbandaran Temerloh ii. Majlis Daerah Maran iii. Majlis Daerah Jerantut	Boleh menyebabkan: Kerugian, penyelewengan dan salah guna kuasa.
2.	Bil tidak dijelaskan dalam tempoh 14 hari atau tempoh yang ditetapkan oleh Agensi dari tarikh ia diterima di Bahagian/ Unit Kewangan.		i. Perbadanan Stadium Darul Makmur ii. Majlis Perbandaran Temerloh iii. Majlis Daerah Jerantut iv. Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser	Boleh menjejaskan imej dan reputasi Jabatan/Agensi.
3.	Penyata Penyesuaian Bank tidak disediakan mengikut tempoh ditetapkan.		i. Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser ii. Majlis Daerah Jerantut iii. Majlis Daerah Maran	Tidak menggambarkan kedudukan kewangan yang sebenarnya.
4.	Tiada bukti menunjukkan Laporan Pukal (BP08) disemak dengan bil asal.	i. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang ii. Pejabat Daerah dan Tanah Lipis		Boleh menyebabkan: Berlakunya pembayaran dua (2) kali dan boleh menyebabkan kerugian wang awam.
5.	Bayaran bagi invois tanpa Pesanan Tempatan dibuat untuk jenis perbelanjaan yang tidak dibenarkan.		Majlis Daerah Jerantut	Boleh menyebabkan: Perbelanjaan yang dibuat tidak dipertanggungjawabkan menjejaskan peruntukan Jabatan/Agensi.

Sumber: Jabatan Audit Negara


f. Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit

- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, enam (6) Jabatan mencapai tahap Cemerlang dan satu (1) Jabatan tidak berkaitan. Bagi Agensi Negeri, masing-masing satu (1) Agensi berada pada tahap Cemerlang, Baik, Memuaskan, Kurang Memuaskan dan Tidak Memuaskan. Pencapaian Jabatan/Agensi bagi elemen Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:



- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 23 kriteria bagi enam (6) Jabatan dalam Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit adalah seperti carta berikut:


CARTA 4.21
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN
BERDASARKAN RISIKO TERHADAP KRITERIA BAGI JABATAN
DALAM PENGURUSAN KUMPULAN WANG/AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 24 kriteria bagi lima (5) Agensi dalam Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit adalah seperti carta berikut:

CARTA 4.22
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN
BERDASARKAN RISIKO TERHADAP KRITERIA BAGI AGENSI
DALAM PENGURUSAN KUMPULAN WANG/AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iv. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.8
KELEMAHAN DALAM PENGURUSAN KUMPULAN
WANG/AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT BAGI JABATAN/AGENSI


BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN		IMPAK
		JABATAN	AGENSI	
1.	Daftar/Rekod kecil/Lejar Subsidiari tidak diselenggarakan sekiranya banyak bilangan deposit yang sama jenisnya.	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pahang	i. Majlis Perbandaran Temerloh ii. Majlis Daerah Maran	Boleh menyebabkan: i. Amaun deposit dalam akaun tidak menggambarkan amaun sebenar (terlebih/terkurang nyata). ii. Pemantauan tidak cekap dan berkesan. iii. Semakan silang kepada Akaun Utama tidak dapat dibuat.
2.	Baki dalam lejar subsidiari tidak di jumlah dan disamakan dengan daftar deposit.		i. Majlis Perbandaran Temerloh ii. Majlis Daerah Maran	Boleh menyebabkan: i. Amaun deposit dalam akaun tidak menggambarkan amaun sebenar (terlebih/terkurang nyata). ii. Pemantauan tidak cekap dan berkesan. iii. Risiko salah guna kuasa. iv. Kesan kepada penyediaan penyata kewangan yang tidak tepat
3.	Deposit yang tidak dituntut melebihi 12 bulan (serta tidak diperlukan) tidak diwartakan.		Majlis Daerah Jerantut	Boleh menyebabkan: i. Membuka ruang penyalahgunaan kuasa oleh pegawai yang bertanggungjawab dengan mengemukakan maklumat tuntutan palsu. ii. Penyeliaan dan pemantauan yang lemah. iii. Menjejaskan imej Agensi - tidak mengambil langkah sewajarnya. iv. Kesan kepada penyediaan penyata kewangan - amaun yang tidak bergerak/meningkat.
4.	Bayaran balik Pendahuluan dan pelarasan tidak dibuat mengikut tempoh ditetapkan.		Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser	Boleh menyebabkan: i. Bayaran balik tidak dibuat dalam tempoh yang ditetapkan dan penalti tidak dikenakan. ii. Kawalan dalaman yang lemah. iii. Kehilangan hasil.
5.	Daftar deposit tidak diselenggarakan dengan lengkap.		Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser	Boleh menyebabkan: i. Amaun yang ditunjukkan dalam Penyata Kewangan Agensi tidak tepat (terlebih/terkurang nyata). ii. Menjejaskan imej Agensi dari segi penyelenggaraan rekod lengkap dan kemas kini.

Sumber: Jabatan Audit Negara

g. Pengurusan Aset dan Stor


- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, dua (2) Jabatan mencapai tahap Cemerlang, dua (2) Jabatan berada pada tahap Baik dan tiga (3) Jabatan berada pada tahap Kurang Memuaskan dalam elemen Pengurusan Aset dan Stor. Bagi Agensi Negeri, satu (1) Agensi mencapai tahap Baik, tiga (3) Agensi berada pada tahap Kurang Memuaskan dan satu (1) Agensi berada pada tahap Tidak Memuaskan. Pencapaian Jabatan/Agensi bagi elemen Pengurusan Aset dan Stor bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:

CARTA 4.23
PENCAPAIAN PENGURUSAN ASET DAN STOR JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2017



- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 64 kriteria bagi tujuh (7) Jabatan dalam Pengurusan Aset dan Stor adalah seperti carta berikut:


CARTA 4.24
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP KRITERIA BAGI JABATAN DALAM PENGURUSAN ASET DAN STOR



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 98 kriteria bagi lima (5) Agensi dalam Pengurusan Aset dan Stor adalah seperti carta berikut:

CARTA 4.25
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP KRITERIA BAGI AGENSI DALAM PENGURUSAN ASET DAN STOR



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iv. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.9
KELEMAHAN DALAM PENGURUSAN ASET DAN STOR BAGI JABATAN/AGENSI


BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN		IMPAK
		JABATAN	AGENSI	
1.	Kad Kawalan Stok (KEW.PS-3) dan Kad Petak (KEW.PS-4) tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.	i. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pahang ii. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pahang iii. Pejabat Daerah dan Tanah Lipis iv. Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pahang	i. Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser ii. Majlis Daerah Jerantut iii. Majlis Perbandaran Temerloh iv. Perbadanan Stadium Darul Makmur v. Majlis Daerah Maran	Boleh menyebabkan: i. Maklumat baki stok tidak tepat. ii. Tiada rekod kedudukan stok semasa. iii. Boleh menjejaskan operasi berikutan risiko kekurangan/ kehabisan barang stor seperti kertas dan toner.
2.	Semua aset tidak diperiksa sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun.	i. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pahang ii. Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pahang iii. Pejabat Daerah dan Tanah Lipis	i. Majlis Daerah Jerantut ii. Majlis Perbandaran Temerloh iii. Perbadanan Stadium Darul Makmur iv. Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser	Boleh menyebabkan: i. Keadaan fizikal aset tidak dapat disahkan. ii. Kehilangan aset tidak dapat dikesan. iii. Maklumat aset tidak tepat.
3.	Pemeriksaan tidak dilaksanakan di Stor Pusat dan Stor Utama sekali setahun ke atas semua stok secara 100% mulai 1 Oktober tahun kewangan yang diaudit.	i. Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Pahang ii. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pahang iii. Pejabat Daerah dan Tanah Lipis	i. Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser ii. Majlis Perbandaran Temerloh iii. Perbadanan Stadium Darul Makmur	Boleh menyebabkan: i. Kedudukan baki stok sukar ditentukan. ii. Sukar mengenal pasti stok hilang/rosak. iii. Kerugian kepada Kerajaan dari segi ruang penyimpanan stok yang berlebihan/ usang/ tamat tempoh luput. iv. Pembaziran wang awam stok yang tidak digunakan sehingga tamat tempoh luput/usang.
4.	Laporan Pemeriksaan Harta Modal (KEW.PA-10) dan Laporan Pemeriksaan Inventori (KEW.PA-11) yang lengkap tidak disediakan oleh Pegawai Pemeriksa dan dikemukakan kepada Ketua Jabatan.	i. Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pahang ii. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pahang	i. Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser ii. Majlis Daerah Jerantut iii. Majlis Perbandaran Temerloh iv. Perbadanan Stadium Darul Makmur	Boleh menyebabkan: i. Keadaan fizikal aset tidak dapat disahkan. ii. Kehilangan aset tidak dapat dikesan. iii. Maklumat aset tidak tepat.
5.	Daftar Harta Modal (KEW.PA-2) dan Daftar Aset Alih Bernilai Rendah (KEW.PA-3) tidak diselenggarakan dengan kemas kini.	i. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pahang ii. Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pahang	i. Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser ii. Perbadanan Stadium Darul Makmur	Boleh menyebabkan: i. Aset tidak dikesan. ii. Maklumat aset tidak tepat.

Sumber: Jabatan Audit Negara

h. Pengurusan Kenderaan Kerajaan


- i. Secara keseluruhannya bagi Jabatan Negeri, lima (5) Jabatan mencapai tahap Baik dan masing-masing satu (1) berada pada tahap Memuaskan dan Kurang Memuaskan bagi elemen Pengurusan Kenderaan Kerajaan. Pencapaian Jabatan bagi elemen Pengurusan Kenderaan Kerajaan bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut. Manakala pengurusan kenderaan bagi agensi adalah dinilai di bawah elemen Pengurusan Aset dan Stor.

CARTA 4.26
PENCAPAIAN KAWALAN PENGURUSAN KENDERAAN JABATAN BAGI TAHUN 2017



- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 35 kriteria dalam Pengurusan Kenderaan Kerajaan bagi tujuh (7) Jabatan adalah seperti carta berikut:

CARTA 4.27
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP KRITERIA BAGI JABATAN DALAM PENGURUSAN KENDERAAN KERAJAAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.10
KELEMAHAN DALAM PENGURUSAN KENDERAAN KERAJAAN BAGI JABATAN

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN	IMPAK
		JABATAN	
1.	Buku rekod pergerakan Kad Inden tidak diperiksa oleh Ketua Jabatan dari semasa ke semasa.	i. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pahang ii. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pahang iii. Pejabat Daerah dan Tanah Lipis iv. Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pahang v. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang vi. Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Pahang	Boleh menyebabkan Ketua Jabatan tidak dapat mengesan salah guna/kehilangan kad inden.
2.	Penyelesaian saman tertunggak tidak diberi peringatan bertulis oleh Ketua Jabatan.	i. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pahang ii. Pejabat Daerah dan Tanah Lipis iii. Jabatan Mufti Negeri Pahang iv. Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Pahang	Boleh menyebabkan: i. Tiada pemantauan saman oleh Jabatan. ii. Peningkatan jumlah saman tertunggak di Jabatan. iii. Kerajaan terpaksa menanggung pembayaran saman sekiranya saman tertunggak terlalu lama dan pegawai bertanggungjawab tidak lagi berkhidmat.
3.	Setelah diberi peringatan bertulis dalam tempoh sebulan oleh Ketua Jabatan, tiada tindakan seterusnya (seperti potongan gaji) dilaksanakan.	i. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pahang ii. Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pahang iii. Jabatan Mufti Negeri Pahang	Boleh menyebabkan: i. Peningkatan jumlah saman tertunggak di Jabatan. ii. Kerajaan terpaksa menanggung pembayaran saman sekiranya saman tertunggak terlalu lama dan pegawai bertanggungjawab tidak lagi berkhidmat.
4.	Penyata penggunaan Kawalan Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit (KSBTTTR) bagi kenderaan Jabatan diterima/dicetak daripada syarikat pembekal KSBTTTR dan tiada semakan dilaksanakan oleh pegawai kenderaan.	i. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pahang ii. Jabatan Mufti Negeri Pahang iii. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang	Boleh menyebabkan: i. Salah guna KSBTTTR tidak dapat dikesan. ii. Kerugian kepada Kerajaan sekiranya pembayaran adalah tidak wajar. (Kerajaan menanggung kos bagi salah guna KSBTTTR - kehilangan wang awam.
5.	Buku log tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini untuk semua kenderaan kecuali untuk Kereta Rasmi Jawatan bagi Pegawai Gred Utama.	i. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pahang ii. Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pahang	Boleh menyebabkan: i. Salah guna kenderaan Kerajaan. ii. Tiada pegawai boleh dipertanggungjawabkan jika ada kes kehilangan/ kemalangan/ saman. iii. Rekod penggunaan minyak tidak dapat disemak. iv. Kelemahan kawalan dalaman penggunaan kenderaan Kerajaan.

Sumber: Jabatan Audit Negara

i. Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman

- i. Secara keseluruhannya, kesemua lima (5) Agensi Negeri mencapai tahap Cemerlang dalam Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman.

Pencapaian Agensi daripada aspek Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:

CARTA 4.28
PENCAPAIAN PENGURUSAN PELABURAN DAN PINJAMAN AGENSI BAGI TAHUN 2017




Cemerlang

Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 25 kriteria dalam Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman bagi lima (5) Agensi adalah seperti carta berikut:

CARTA 4.29
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP KRITERIA BAGI AGENSI DALAM PENGURUSAN PELABURAN DAN PINJAMAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.11
KELEMAHAN DALAM PENGURUSAN PELABURAN DAN PINJAMAN


BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN	IMPAK
		AGENSI	
1.	Pelaburan tidak didaftar dengan lengkap.	i. Majlis Daerah Maran ii. Majlis Daerah Jerantut	Boleh menyebabkan: i. Pemantauan berkesan tidak dapat dibuat terhadap pelaburan dari aspek tempoh matang, institusi kewangan dan keuntungan. ii. Pemantauan terhadap lain-lain pelaburan (jenis, had lulus, dividen diterima dan lain-lain) tidak dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. iii. Risiko salah guna kuasa dan kedudukan. iv. Risiko kehilangan hasil.
2.	Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Pelaburan tidak dilantik.	Majlis Daerah Jerantut	Boleh menyebabkan: i. Tiada pihak/jawatankuasa yang mahir/pakar dalam bidang pelaburan. ii. Tiada pihak yang boleh dipertanggungjawabkan secara khusus untuk membuat keputusan yang tepat.

Sumber: Jabatan Audit Negara

j. Pengurusan Penyata Kewangan

- i. Secara keseluruhannya, bagi Agensi Negeri, tiga (3) Agensi mencapai tahap Cemerlang dan dua (2) Agensi berada pada tahap Baik. Pencapaian Agensi bagi elemen Pengurusan Penyata Kewangan bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:


CARTA 4.30
PENCAPAIAN PENGURUSAN PENYATA KEWANGAN AGENSI BAGI TAHUN 2017



Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 28 kriteria dalam Pengurusan Penyata Kewangan bagi lima (5) Agensi adalah seperti carta berikut:

CARTA 4.31
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP KRITERIA BAGI AGENSI DALAM PENGURUSAN PENYATA KEWANGAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.12
KELEMAHAN DALAM PENGURUSAN PENYATA KEWANGAN

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN	IMPAK
		AGENSI	
1.	Penyata kewangan yang dikemukakan untuk diaudit mempunyai kesilapan persembahan, pengiraan dan angka.	Majlis Perbandaran Temerloh	Boleh menyebabkan keputusan Lembaga Pengarah dalam meluluskan penyata kewangan belum diaudit yang dikemukakan kepada Audit.
2.	Penyata kewangan selepas diaudit dan isu mengenainya tidak dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah.	Majlis Daerah Jerantut	Boleh menyebabkan: i. Lembaga Pengarah tidak dimaklumkan mengenai kedudukan Penyata Kewangan. ii. Lembaga Pengarah tidak boleh dipertanggungjawabkan sebarang <i>error and misstatement</i>

Sumber: Jabatan Audit Negara

4.6. SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri Pahang bagi tahun 2017 berada pada tahap Baik berdasarkan kepada markah keseluruhan pematuhan terhadap peraturan pengurusan kewangan. Bagaimanapun, terdapat beberapa Jabatan/Agensi yang perlu meningkat dan memantapkan lagi kawalan dalaman pengurusan kewangan agar isu yang dibangkitkan tidak berulang

serta mengurangkan risiko ketidakpatuhan yang lebih serius. Sehubungan itu, Jabatan/Agensi hendaklah mengambil tindakan sewajarnya seperti yang berikut:

4.6.1. memastikan pengetahuan dan kemahiran pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan dipertingkatkan dengan memberi latihan sewajarnya secara berterusan. Selain itu, penilaian ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai berkenaan hendaklah dilakukan dari semasa ke semasa;

4.6.2. pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara juga berlaku di Bahagian lain memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan sampel dan skop yang terhad;

4.6.3. memastikan isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam diambil tindakan pembetulan dan pencegahan;

4.6.4. Ketua Jabatan mengambil tindakan sewajarnya terhadap pegawai yang telah dipastikan melakukan ketidakpatuhan serius sehingga menyebabkan kerugian kepada Kerajaan dan menjejaskan imej Kerajaan;

4.6.5. berusaha mewujudkan budaya kerja berasaskan amalan terbaik untuk mengekalkan kecemerlangan tahap prestasi pengurusan kewangan. Buku Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Daripada Perspektif Jabatan Audit Negara Edisi Kedua boleh dijadikan rujukan;

4.6.6. menjalankan penyeliaan yang lebih rapi terhadap kerja yang dilaksanakan oleh pegawai bawahan yang terlibat dalam pengurusan kewangan untuk memastikan peraturan Kerajaan yang ditetapkan sentiasa dipatuhi serta penglibatan secara *hands on* dalam urusan tersebut;

4.6.7. melaksanakan pusingan tugas setiap lima (5) tahun terhadap pegawai yang diberi tanggungjawab kewangan terutamanya pengurusan terimaan, perolehan serta perbelanjaan untuk memastikan tiada ruang dan peluang untuk pegawai melakukan ketidakpatuhan yang serius; dan

4.6.8. pihak Audit ingin memaklumkan bahawa pengauditan Pengurusan Kewangan (AI) ini dilakukan berdasarkan sampel dan pihak Jabatan/Agensi adalah bertanggungjawab terhadap tadbir urus dan kawalan dalaman organisasi. Oleh itu, tindakan penambahbaikan tidak hanya dilakukan terhadap penemuan Audit sahaja tetapi perhatian seluruhnya diberi kepada sistem, prosedur dan kawalan dalaman yang berkaitan bagi mengelakkan risiko berlakunya fraud dan salah laku.

5. PENGAUDITAN MENGEJUT

5.1. PENDAHULUAN

Pengauditan ini dilaksanakan selaras dengan kehendak Seksyen 5 Akta Audit 1957 yang menyatakan Ketua Audit Negara hendaklah mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut memeriksa, menyiasat dan mengaudit akaun pegawai perakaunan Persekutuan dan Negeri, akaun mana-mana kumpulan wang berasingan yang ditubuhkan di sesuatu negeri atau Wilayah Persekutuan.

Seksyen 6(a) Akta Audit 1957 juga menyatakan bahawa Ketua Audit Negara hendaklah dalam pengauditannya membuat apa-apa pemeriksaan yang difikirkannya perlu untuk menentukan sama ada segala langkah berjaga-jaga yang munasabah telah diambil untuk melindungi pungutan dan penjagaan wang awam atau wang lain yang tertakluk kepada pengauditannya.

Pengauditan Mengejut adalah satu pendekatan Audit yang meliputi pemeriksaan, penyiasatan dan pengauditan tanpa memaklumkan terlebih dahulu tarikh sebenar lawatan dan jangka masa pengauditan kepada pihak Auditi.

5.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif Pengauditan Mengejut adalah untuk menentukan sama ada penerimaan, kutipan, kawalan perbelanjaan, kawalan aset dan stor, dokumen berharga, barang rampasan dan barang kes serta kenderaan yang berada di bawah jagaan/seliaan pegawai yang bertanggungjawab diakaunkan secara teratur, dikawal dan disimpan dengan selamat.

5.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan mengejut meliputi kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan dan kawalan umum. Pengauditan mengejut dilaksanakan dalam tempoh satu (1) hari atau tempoh masa yang sesuai bagi kes-kes tertentu. Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan terhadap penerimaan wang, wang panjar, borang hasil yang dikawal dan barang berharga bagi tahun 2017 di 12 Pusat Tanggungjawab (PTJ)/Pusat Kos (PK) di bawah sembilan (9) Jabatan Negeri dan tiga (3) Agensi Negeri adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 5.1
**PENGAUDITAN MENGEJUT DI PUSAT TANGGUNGJAWAB/
PUSAT KOS MENGIKUT JABATAN NEGERI PADA TAHUN 2017**

BIL.	JABATAN NEGERI	BILANGAN PUSAT TANGGUNGJAWAB/ PUSAT KOS YANG DIAUDIT
1.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	1
2.	Jabatan Kerja Raya Pahang	1
3.	Jabatan Perhutanan Negeri Pahang	1
4.	Jabatan Pertanian Negeri Pahang	1
5.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pahang	1
6.	Jabatan Agama Islam Pahang	2
7.	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang	1
8.	Jabatan Kehakiman Syariah Pahang	3
9.	Pejabat Daerah dan Tanah Maran	1
JUMLAH		12

Sumber: Jabatan Audit Negara

JADUAL 5.2
PENGAUDITAN MENGEJUT DI AGENSI NEGERI PADA TAHUN 2017

BIL.	AGENSI NEGERI	BILANGAN PEJABAT YANG DIAUDIT
1.	Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang	1
2.	Perbadanan Muzium Negeri Pahang	1
3.	Majlis Sukan Pahang	1
JUMLAH		3

Sumber: Jabatan Audit Negara

5.4. METODOLOGI

Metodologi pengauditan mengejut adalah melalui pemeriksaan fizikal terhadap wang tunai, harta awam, aset dan stor, dokumen berharga, barang rampasan dan barang kes serta kenderaan. Semakan terhadap rekod-rekod kewangan, temu bual dengan pihak Auditi, pengamatan keadaan semasa pada tarikh pengauditan seperti kawalan keselamatan terhadap kaunter kutipan dan keadaan peti besi yang sentiasa berkunci. Lawatan dan tinjauan mengejut di lokasi operasi/penyimpanan/stor juga dilakukan.

5.5. PENEMUAN AUDIT

5.5.1. Tahap Pematuhan Pengauditan Mengejut di PTJ/PK dan Pejabat yang Diaudit

Secara keseluruhannya, Pengauditan Mengejut di PTJ/PK/Pejabat dinilai berdasarkan 84 kriteria melibatkan 22 kriteria di kawalan terimaan, 25 di kawalan perbelanjaan dan 37 kriteria di kawalan umum. Pihak Audit mendapati ketidakpatuhan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 5.3
BILANGAN KRITERIA TIDAK PATUH MENGIKUT PTJ/PK DAN PEJABAT YANG DIAUDIT


BIL.	KAWALAN	JUMLAH KRITERIA	KRITERIA TIDAK PATUH MENGIKUT PTJ/PK	KRITERIA TIDAK PATUH MENGIKUT PEJABAT
1.	Terimaan	22	6	7
2.	Perbelanjaan	25	9	3
3.	Umum	37	8	5
JUMLAH		84	23	15

5.5.2. Tahap Pematuhan Pengauditan Mengejut di PTJ/PK dan Pejabat yang Diaudit Mengikut Kawalan

a. Kawalan Terimaan

- i. Analisis Audit mendapati sebanyak 10 PTJ/PK tidak mematuhi enam (6) kriteria dalam kawalan terimaan. Hasil analisis mendapati:
 - Ketidakpatuhan yang signifikan dalam kawalan terimaan masing-masing sebanyak lima (5) PTJ/PK melibatkan perakuan resit rasmi tidak dibuat di belakang helaian pertama salinan pejabat.
 - Manakala tiga (3) PTJ/PK melibatkan stok resit rasmi, lesen, dan borang akuan terimaan lain yang belum digunakan disimpan dalam almari yang tidak berkunci dan masing-masing dua (2) PTJ/PK pula melibatkan kutipan disimpan dalam almari yang tidak berkunci serta notis pemberitahuan orang awam untuk mendapatkan resit rasmi tidak dipamerkan.
 - Ketidakpatuhan paling rendah dalam kawalan terimaan masing-masing satu (1) PTJ/PK melibatkan kutipan tidak direkodkan dalam buku tunai dan dibankkan dengan segera.

CARTA 5.1
BILANGAN PTJ/PK YANG TIDAK MEMATUHI PERATURAN DALAM KAWALAN TERIMAAN



Nota:


- a** Perakuan resit rasmi dibuat di belakang helaian pertama salinan pejabat
- b** Stok resit rasmi, lesen, dan borang akaun terimaan lain yang belum digunakan disimpan dalam almari peti besi atau bilik kebal
- c** Kutipan yang tidak sempat dibankkan, disimpan dalam peti besi
- d** Notis pemberitahuan orang awam untuk mendapatkan resit rasmi setelah wang dibayar ada dipamerkan
- e** Kutipan direkodkan dalam buku tunai dengan segera
- f** Jumlah kutipan dibankkan segera

Kawalan terimaan yang tidak mematuhi peraturan/pekeliling menunjukkan kawalan dalaman PTJ/PK yang lemah, proses kerja yang tidak difahami sepenuhnya dan penyalahgunaan borang hasil. Kelemahan-kelemahan ini memberi implikasi kepada ketirisan hasil Kerajaan kerana perkhidmatan/ bekalan yang diberikan adalah tanpa bayaran.

ii. Analisis Audit mendapati sebanyak tiga (3) Pejabat tidak mematuhi tujuh (7) kriteria dalam kawalan terimaan. Hasil analisis mendapati:

- Ketidakpatuhan paling signifikan dalam kawalan terimaan adalah melibatkan dua (2) pejabat di mana kutipan tidak direkodkan ke dalam buku tunai dengan segera.
- Selanjutnya, sebanyak satu (1) pejabat masing-masing melibatkan satu (1) ketidakpatuhan iaitu kutipan tidak dibankkan dengan segera, tiada semakan dibuat ke atas cetakan bank di slip bank/penyata pemungut, kutipan yang tidak sempat dibankkan tidak disimpan dalam peti besi, daftar borang hasil tidak diselenggarakan, baki stok borang hasil tidak bersamaan dengan baki sebenar dan perakuan resit rasmi tidak dibuat di belakang helaian pertama salinan pejabat.

CARTA 5.2
BILANGAN PEJABAT YANG TIDAK MEMATUHI PERATURAN DALAM KAWALAN TERIMAAN



Nota:

- a Kutipan direkodkan dalam buku tunai dengan segera
- b Jumlah kutipan dibankkan segera
- c Semakan dibuat ke atas cetakan bank di slip bank/penyata pemungut
- d Kutipan yang tidak sempat dibankkan, disimpan dalam peti besi
- e Daftar borang hasil diselenggarakan
- f Baki stok hasil bersamaan dengan baki sebenar
- g Perakuan resit rasmi dibuat di belakang helaian pertama salinan pejabat


Kawalan terimaan yang tidak patuh ini memberi risiko kepada perekodan yang tidak tepat, proses kerja yang tidak difahami sepenuhnya dan penyalahgunaan kuasa/borang hasil. Kelemahan-kelemahan ini memberi implikasi kepada ketirisan hasil Kerajaan dan menjejaskan penyampaian perkhidmatan kepada pengguna.

b. Kawalan Perbelanjaan

- i. Analisis Audit mendapati sebanyak enam (6) PTJ/PK tidak mematuhi sembilan (9) kriteria dalam kawalan perbelanjaan. Hasil analisis mendapati:
 - Ketidakpatuhan yang signifikan dalam kawalan perbelanjaan adalah mengenai Buku Vot/Buku Vot Elektronik tidak disemak sekurang-kurangnya sebulan sekali oleh penyelia iaitu melibatkan lima (5) PTJ/PK;
 - Selanjutnya, baucar bayaran/dokumen sokongan yang telah dibayar tidak ditebuk/cap “TELAH DIBAYAR” bagi empat (4) PTJ/PK;

- Manakala kriteria had kuasa berbelanja yang ditetapkan dalam sistem tidak selaras dengan perwakilan kuasa menandatangani baucar yang telah diluluskan melibatkan tiga (3) PTJ/PK;
- Selain itu, ketidakpatuhan yang melibatkan masing-masing dua (2) PTJ/PK iaitu pengasingan tugas tidak diwujudkan di antara pegawai penyedia dan penyemak, baucar bayaran yang disemak tidak disertakan dengan dokumen sokongan yang lengkap dan baucar bayaran panjar wang runcit (PWR) tidak direkodkan dalam Buku Tunai PWR; dan
- Ketidakpatuhan paling rendah dalam kawalan perbelanjaan adalah melibatkan bil yang diterima tidak dibayar segera iaitu dalam tempoh 14 hari, daftar bil tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini dan baki fizikal PWR tidak bersamaan dengan baki Buku Tunai PWR masing-masing oleh satu (1) PTJ/PK.

CARTA 5.3
BILANGAN PTJ/PK YANG TIDAK
MEMATUHI PERATURAN DALAM KAWALAN PERBELANJAAN



Nota:


- a Buku Vot/Buku Vot Elektronik hendaklah disemak sekurang-kurangnya sekali setiap bulan
- b Baucar bayaran/dokumen sokongan yang dibayar ditebuk/cap "TELAH DIBAYAR"
- c Had kuasa berbelanja yang ditetapkan dalam sistem selaras dengan perwakilan kuasa menandatangani baucar yang diluluskan
- d Pengasingan tugas diwujudkan di antara pegawai penyedia dan penyemak
- e Baucar bayaran disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap
- f Baucar bayaran direkodkan dalam Buku Tunai PWR
- g Semua bil yang diterima dibayar segera dalam tempoh 14 hari
- h Daftar bil diselenggara dengan lengkap dan kemas kini
- i Baki fizikal wang PWR bersamaan dengan baki Buku Tunai PWR

Kelemahan-kelemahan dalam perbelanjaan yang ditemui semasa pengauditan mengejut di PTJ/PK menyebabkan rekod tidak tepat (lebih/kurang), tidak kemas kini yang meningkatkan risiko kehilangan wang awam.

ii. Analisis Audit mendapati sebanyak tiga (3) pejabat tidak mematuhi tiga (3) kriteria dalam kawalan perbelanjaan. Hasil analisis mendapati:

- Ketidakpatuhan yang signifikan dalam kawalan perbelanjaan adalah mengenai baucar bayaran tidak direkodkan dalam Buku Tunai PWR dengan lengkap iaitu melibatkan dua (2) pejabat.
- Sebanyak masing-masing satu (1) pejabat tidak mematuhi peraturan mengenai surat kelulusan had apungan PWR tidak diperoleh dan baki fizikal wang PWR tidak bersamaan dengan baki di Buku Tunai PWR.

CARTA 5.4
BILANGAN PEJABAT YANG TIDAK MEMATUHI
PERATURAN DALAM KAWALAN PERBELANJAAN



Nota:

- a Baucar bayaran direkodkan dalam Buku Tunai PWR dengan lengkap
- b Surat kelulusan had apungan PWR diperoleh
- c Baki fizikal wang PWR bersamaan dengan baki di Buku Tunai PWR

Penemuan Audit di pejabat yang diaudit juga menunjukkan rekod tidak tepat (lebih/kurang) dan tidak kemas kini. Kelemahan ini memberi risiko penyelewengan dan salah guna kuasa.


c. Kawalan Umum

i. Analisis Audit mendapati 10 PTJ/PK tidak mematuhi lapan (8) kriteria dalam kawalan umum. Hasil analisis mendapati:

- Ketidakpatuhan yang signifikan dalam kawalan umum adalah sebanyak lapan (8) PTJ/PK melibatkan semua terimaan dan pengeluaran setem tidak disahkan oleh Ketua Jabatan.

- Selanjutnya, ketidakpatuhan melibatkan empat (4) PTJ/PK masing-masing iaitu stok setem fizikal tidak bersamaan dengan daftar setem, Pemeriksaan Mengejut di bawah Arahan Perbendaharaan (AP) 309 tidak dilaksanakan oleh Ketua Jabatan dalam tempoh enam (6) bulan meliputi peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas untuk menyimpan wang, setem atau barang berharga serta peti besi/bilik kebal yang tidak mempunyai kunci dan kod kombinasi yang berasingan dan dipegang oleh hanya seorang pegawai yang tidak diberi penurunan kuasa.
- Manakala bagi ketidakpatuhan peti besi yang tidak bercantum dengan kerangka bangunan melibatkan dua (2) PTJ/PK.
- Ketidakpatuhan paling rendah dalam kawalan umum melibatkan satu (1) PTJ/PK adalah hasil pemeriksaan mengejut yang dijalankan tidak direkodkan dalam buku yang disimpan, daftar barang-barang berharga tidak diselenggarakan dan daftar pembayaran tidak disediakan dan disemak oleh Ketua Jabatan/Wakilnya.

CARTA 5.5
BILANGAN PTJ/PK YANG TIDAK MEMATUHI PERATURAN DALAM KAWALAN UMUM



Nota:


- a Semua terimaan dan pengeluaran setem telah direkodkan dan disahkan oleh Ketua Jabatan
- b Stok setem fizikal bersamaan dengan daftar setem
- c Ketua Jabatan melaksanakan Pemeriksaan Mengejut tidak kurang sekali dalam tempoh enam (6) bulan
- d Peti besi/bilik kebal yang mempunyai kunci dan kod kombinasi yang berasingan dan dipegang oleh dua (2) orang pegawai yang bertanggungjawab yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan
- e Peti besi dicantumkan ke rangka bangunan (jika bersesuaian)
- f Hasil pemeriksaan mengejut yang dijalankan direkodkan dalam buku yang disimpan
- g Daftar barang-barang berharga diselenggarakan
- h Daftar pembayaran disediakan dan disemak oleh Ketua Jabatan/Wakilnya

Penemuan Audit di PTJ/PK menunjukkan kelemahan di kawalan umum melibatkan penerimaan dan pengeluaran setem/barang berharga, ketidakpatuhan terhadap AP 309 dan penggunaan peti besi memberi implikasi kehilangan wang awam/barang berharga. Selain itu, kelemahan ini juga berisiko terhadap penyalahgunaan kuasa di kalangan pegawai di PTJ/PK tersebut.

ii. Analisis Audit mendapati sebanyak tiga (3) pejabat tidak mematuhi lima (5) kriteria dalam kawalan umum. Hasil analisis mendapati:

- Ketidakpatuhan yang signifikan bagi pejabat dalam kawalan umum melibatkan dua (2) ketidakpatuhan bagi setiap pejabat adalah Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh enam (6) bulan dan hasil pemeriksaan mengejut yang dilakukan tidak direkodkan ke dalam buku yang disimpan.
- Selanjutnya, ketidakpatuhan paling rendah dalam kawalan umum melibatkan satu (1) PTJ/PK adalah semua terimaan dan pengeluaran setem tidak direkodkan dan disahkan oleh Ketua Jabatan, daftar pembayaran disediakan dan disemak oleh Ketua Pejabat/Wakilnya dan baki wang agihan tidak sama dengan senarai baki penerima.

CARTA 5.6
BILANGAN PEJABAT YANG TIDAK
MEMATUHI PERATURAN DALAM KAWALAN UMUM



Nota:

- a Ketua Jabatan melakukan Pemeriksaan Mengejut tidak kurang sekali dalam tempoh enam (6) bulan
- b Hasil Pemeriksaan Mengejut yang dilakukan direkodkan ke dalam buku yang disimpan.
- c Semua terimaan dan pengeluaran setem tidak direkodkan dan disahkan oleh Ketua Jabatan
- d Daftar pembayaran disediakan dan disemak oleh Ketua Pejabat/Wakilnya
- e Baki wang agihan sama dengan senarai baki penerima

Ketidakpatuhan dalam kawalan umum bagi pejabat yang diaudit juga melibatkan penerimaan dan pengeluaran setem serta ketidakpatuhan terhadap AP 309. Kelemahan ini memberi implikasi kehilangan wang awam serta barang berharga dan berisiko terhadap penyalahgunaan kuasa di kalangan pegawai di pejabat berkaitan.

5.6. SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, Pengauditan Mengejut di PTJ/PK dan pejabat yang diaudit adalah baik berdasarkan kepada bilangan pematuhan dalam kriteria bagi tiga (3) kawalan yang diaudit. Ketua PTJ/PK dan pejabat yang berkenaan telah dimaklumkan mengenai perkara yang dibangkitkan dan tindakan penambahbaikan telah diambil seperti meningkatkan kawalan dalaman serta memastikan peraturan kewangan yang berkuatkuasa dipatuhi. Bagaimanapun, terdapat beberapa isu yang perlu diberi perhatian serius bagi meningkatkan dan memantapkan kawalan pengurusan kewangan di PTJ/PK dan pejabat agar isu yang dibangkitkan tidak berulang dan mengurangkan risiko ketidakpatuhan pada masa akan datang. Sehubungan itu, semua PTJ/PK dan pejabat di setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah mengambil tindakan sewajarnya seperti berikut:

- 5.6.1. semua daftar dan rekod kewangan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini;
- 5.6.2. perkara yang dibangkitkan diambil tindakan pembetulan dan pencegahan dengan segera;
- 5.6.3. mempertingkatkan seliaan terhadap kerja yang dilakukan oleh pegawai bawahan;
- 5.6.4. memberi latihan secara berterusan kepada pegawai yang terlibat secara langsung dalam urusan kewangan;
- 5.6.5. mengenakan tindakan punitif terhadap pegawai yang gagal melaksanakan tugas mengikut peraturan ditetapkan;
- 5.6.6. surat penurunan kuasa diberi kepada pegawai yang memegang kunci dan nombor kombinasi peti besi selaras dengan AP 125; dan
- 5.6.7. pemeriksaan mengejut diadakan mengikut kekerapan yang ditetapkan dan merekodkan hasil pemeriksaan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut selaras dengan AP 309.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah tidak ada mekanisme pemantauan yang kurang berkesan dalam memastikan undang-undang dan peraturan dikuatkuasakan, serta tidak ada penyeliaan yang berkesan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjejaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjejaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Sehubungan itu, Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku dalam projek/program lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Agensi Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing serta bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.

Jabatan Audit Negara

Putrajaya

12 Jun 2018



PNMB

DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2018
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
NO. 15, ARAS 1-5, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN, 62518 PUTRAJAYA

www.audit.gov.my